Junior Dua Jilid Pertama



BAHASA MALAYSIA



Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersama
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Sesuai Untuk Peringkat Junior

Bahasa Malaysia

Junior Dua Jilid Pertama

Editor: Lee Bee Kean
Grafik Editor: Toh Choon Moh
Penyelaras Editor: Leong Chooi Fong
Reka Bentuk Kulit: Lee Bee Buan
Reka Bentuk Grafik: Lee Bee Buan
Penyusunan Teks: Lee Bee Buan
Ilustrasi: Koo Wen Bin

© Dong Zong
Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahan atau bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau ditukar kepada apa-apa bentuk atau apa-apa cara, baik dengan elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengalihan bahasa dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran secara menulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© Dong Zong
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, translated in any other languages, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

Disusun oleh:
董教总华文独中工委会统一课程委员会
Jawatankuasa Kurikulum Bersama,
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Diterbitkan & diedarkan oleh:
马来西亚华校董事联合会总会（董总）
Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel :603-87362337
Fax:603-87362779
Laman Web: www.dongzong.my
E-mel: support@dongzong.my

Dicetak oleh:
Percetakan Advanco Sdn Bhd.

Edisi:
Terbitan pertama November 2007

Cetakan:
Cetakan ketigabelas September 2020

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini telah melibatkan pelbagai pihak. Dengan ini, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Khadijah Hashim, kerana mengizinkan kami menggunakan bahan terbitan mereka dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan.

Sidang Pengarang Junior Dua Jilid Pertama:

Penasihat:
Mendiang Lew Teck Onn
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Chong Fah Hing
Tan Poh Boo
Goh Hin San
Yang Quee Yee

Ajk & Editor-editor Kanan:
Chong Yok Fong
Kek Goon Huay
Mohd. Rosli Bin Nordin
Mohd. Yusoff Bin Che Ibrahim
Nor Jaffry Shah Bin Hashim
Sek Choon Chiang
Sharifah Mat Junoh
Teo Hooi Ming
Tin Lee Hong
Wong Kwong Hui
Yen Sui Len

PRAKATA

Buku Teks Bahasa Malaysia Peringkat Junior ditulis mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia Tahun 2002.

Buku teks peringkat junior ini dibahagikan kepada enam jilid. Terdapat dua jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun. Setiap jilid buku teks mengandungi tujuh unit.

Sebagai satu pakej, siri buku ini dilengkap dengan bahan-bahan pengajaran lain yang dirakam dalam cakera padat. Hal ini bertujuan untuk membolehkan guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan.

Matlamat kandungan buku teks junior ini bertujuan mempertingkatkan penguasaan dan pemahaman bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina yang merupakan pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Kandungan bagi setiap pelajaran dirancang ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai asas kemahiran berbahasa. Oleh yang demikian, keempat-empat kemahiran utama, iaitu Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membaca, Kemahiran Bertutur, dan Kemahiran Menulis diberi penekanan dalam setiap unit supaya penguasaan yang menyeluruh dapat tercapai.


Di samping itu, penulisan buku teks peringkat junior juga meliputi pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia mutakhir dan diterap melalui pendekatan yang berunsurkan tema-tema tertentu. Selain itu, nilai-nilai pendidikan moral dan kebudayaan Asia juga diterapkan melalui tema-tema tersebut. Semoga siri teks ini akan meningkatkan pencapaian bahasa pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 1: ASAL USUL DAERAH PONTIAN

Membaca dan Memahami 2
Mendengar dan Bertutur 6
Menulis 8
Tatabahasa
Kata Sendi Nama 12
Ayat Tunggal 15
Ragam Ayat 16
Teknik Pembelajaran 19
Bahagian Sastera 25




UNIT 2: SALING MEMBANTU



Membaca dan Memahami 32
Mendengar dan Bertutur 36
Menulis 38
Tatabahasa
Kata Bantu 45
Imbuhan Akhiran -an 52
Binaan Ayat Aktif dan Ayat Pasif 54
Teknik Pembelajaran 58
Bahagian Sastera 64

UNIT 3: SEGAN BERTANYA SESAT JALAN

Membaca dan Memahami 68
Mendengar dan Bertutur 72
Menulis 73
Tatabahasa
Kata Penguat 77
Imbuhan Akhiran -i 80
Teknik Pembelajaran 83
Bahagian Sastera 86



KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 4: AMALAN MEMBACA

Membaca dan Memahami 90
Mendengar dan Bertutur 94
Menulis 95
Tatabahasa
- Kata Penegas 96
- Imbuhan Akhiran -kan 98
- Ayat Aktif Tak Transitif 100

Teknik Pembelajaran 103
Bahagian Sastera 108



UNIT 5: PELBAGAI BANGSA DI NEGARA KITA



Membaca dan Memahami 112
Mendengar dan Bertutur 116
Menulis 118
Tatabahasa
- Kata Nafi 123
- Imbuhan Apitan beR-...-an dan beR-...-kan 125
- Ayat Pasif Orang Pertama dan Orang Kedua 127

Teknik Pembelajaran 130
Bahagian Sastera 131

UNIT 6: KAMUS BAHASA MALAYSIA

Membaca dan Memahami 136
Mendengar dan Bertutur 140
Menulis 143
Tatabahasa
- Kata Bilangan 146
- Imbuhan Apitan ke-...-an 150
- Ayat Pasif Orang Ketiga 152

Teknik Pembelajaran 155
Bahagian Sastera 161




KANDUNGAN


Muka Surat


UNIT 7 ADAT PERKAHWINAN

Membaca dan Memahami	166
Mendengar dan Bertutur	172
Menulis	174
Tatabahasa	
Penjodoh Bilangan	176
Imbuhan Apitan meN-...-kan dan meN-...-i	179
Pola Ayat Dasar	182
Teknik Pembelajaran	183
Bahagian Sastera	185




UNIT 1:
ASAL USUL DAERAH PONTIAN









Daerah Pontian

Pontian ialah sebuah daerah yang terkecil di Johor Darul Takzim. Daerah ini terletak di Selatan Semenanjung Malaysia. Daerah ini juga bersempadan dengan Selat Melaka, Selat Johor, Sungai Pulai, Gunung Pulai, dan Sungai Tompok.

Pusat perniagaan Daerah Pontian terletak di bandar Pontian Kecil. Selain itu, terdapat satu pekan kecil lagi yang diberi nama Pontian Besar. Pekan ini sebenarnya jauh lebih kecil daripada bandar Pontian Kecil. Pekan ini mendapat gelaran Pontian Besar kerana berhampiran dengan Sungai Pontian Besar.


Menurut sejarah, seorang **saudagar**[1] Arab, Tuan Syed Muhamad Alsagoff atau Nong Chik merupakan orang yang bertanggungjawab membangunkan Daerah Pontian pada tahun 1878. Pada ketika itu, Daerah Pontian hanya sebuah **estet**[2].

1. saudagar:
   peniaga
   商人
2. estet:
   ladang
   园丘



Kosa Kata






Pontian **berasal**[3] daripada perkataan 'perhentian'. Tempat itu merupakan **persinggahan**[4] kapal-kapal dan perahu yang menggunakan Selat Melaka sebagai jalan perhubungan antara Melaka dengan Singapura. Pada waktu itu, kedua-dua muara Sungai Pontian Besar dan Sungai Pontian Kecil merupakan tempat perahu berlabuh untuk **berlindung**[5] daripada **gelombang**[6] dan angin ribut. Perkataan 'perhentian' itu lama-kelamaan berubah disebut sebagai Pontian.

Penduduk Pontian terdiri daripada pelbagai kaum. Kehidupan bersama dapat **mewujudkan**[7] suasana **harmoni**[8] walaupun mereka menganut agama serta budaya yang berbeza.

Pontian banyak mempunyai keistimewaannya sebagai **destinasi**[9] pelancongan yang menarik. **Pengisytiharan**[10] Tanjung Piai sebagai Tanah Penghujung Benua Asia menjadikannya sebagai daya tarikan pelancongan.

Pontian tidak mempunyai pantai yang indah, tetapi kaya dengan pokok bakaunya. Di samping itu, keadaan masyarakat dan kampung yang aman dan tenang berjaya memikat hati para pelancong. Sebenarnya, Pontian mampu menawarkan keindahan alam semula jadi yang terbaik kepada sesiapa sahaja.



Daerah Pontian

3. **berasal:**
   bersumber
   来自

4. **persinggahan:**
   tempat berhenti sebentar
   停留处

5. **berlindung:**
   berteduh
   躲避

6. **gelombang:**
   ombak besar
   浪涛

7. **mewujudkan:**
   menjadikan ada
   形成

8. **harmoni:**
   sejahtera
   和谐

9. **destinasi:**
   tempat yang hendak dituju
   目的地

10. **pengisytiharan:**
    pengumuman
    公布

Kosa Kata





A. Soalan Objektif
Pilih jawapan yang paling sesuai.


1. Apakah perkataan asal bagi nama daerah pontian?
   A. pontianak
   B. pantang
   C. perhentian
   D. ponteng

2. Di manakah merupakan tempat perahu berlindung daripada gelombang dan angin ribut?
   A. Selat Johor
   B. Sungai Pulai
   C. Sungai Tompok
   D. Muara Sungai Pontian Besar dan Muara Sungai Pontian Kecil

3. Apakah daya tarikan utama daerah Pontian kepada para pelancong?
   A. keindahan pantai
   B. keunikan pokok bakau
   C. pelabuhan yang penting
   D. muara sungai

4. Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan nilai-nilai murni yang diamalkan penduduk Pontian supaya penduduk berbilang kaum dapat hidup dengan bersatu padu?
   A. mewujudkan suasana harmoni
   B. ejek-mengejek
   C. saling memahami
   D. tolong-menolong

5. Siapakah yang membangunkan Pontian?
   A. seorang saudagar Arab, Tuan Syed Muhamad Alsagoff
   B. seorang petani, Tuan Haji Muhamad Alsagoff
   C. seorang penduduk kampung, Encik Borhan
   D. seorang ahli politik, Encik Ahmad



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Di manakah Pontian terletak?

2. Bagaimanakah 'Pontian' mendapat namanya?

3. Mengapakah Pontian menjadi tempat pelancongan yang menarik?

4. Penduduk di Pontian terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, dan budaya tetapi mereka dapat hidup dengan aman dan bahagia. Pada pendapat anda, kenapakah keadaan ini boleh terjadi?

5. Lakarkan peta Semenanjung Malaysia dan tandakan di manakah Negeri Johor?



SEBUTAN


Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

perhentian	: per + hen + tian	daerah	: da + e + rah
estet	: es + tet	persinggahan	: per + sing + ga + han
pengisytiharan	: pe + ngisy + ti + ha + ran	gelombang	: ge + lom + bang
Piai	: pi + ai	mewujudkan	: me + wu + jud + kan
menganut	: me + nga + nut	destinasi	: des + ti + na + si





MENDENGAR DAN BERTUTUR


1. Dengar rakaman yang dimainkan dengan teliti dan isikan maklumat-maklumat dalam ruangan yang disediakan kemudian terangkan semula.



2. Anda hendak pergi ke perpustakaan awam. Dengar arahan dengan teliti kemudian namakan tempat-tempat dan lukiskan anak panah berpandukan rakaman yang dimainkan.









1. Pada cuti sekolah yang lalu, anda dan keluarga anda telah melawat ke Bandar Raya Kuching, Sarawak selama empat hari. Kisahkan pengalaman anda semasa lawatan itu.
   Tuliskan satu karangan berpandukan isi-isi di bawah. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.


   - awal pagi bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
   - penerbangan mengambil masa 1jam 45minit
   - pukul 10.00 pagi tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
   - menetap di Hotel Kuching Park
   - menikmati makanan tempatan, seperti Laksa Sarawak
   - tempat peranginan di Bandar Raya Kuching, Kampung Budaya, Taman Negara Bako, Gunung Santubong, Muzium Kucing
   - beli kraf tangan, seperti perisai orang Iban, kain pua, tikar anyaman
   - berpuas hati, balik ke Semenanjung Malaysia


   Laman web di bawah mungkin boleh membantu anda mengarang.
   http://ms.wikipedia.org/wiki/Kuching
   http://www.angelfire.com/ar3/unimasnvidia/index.htm

2. Perumpamaan


Pada peringkat Junior Satu, para pelajar telah belajar beberapa perumpamaan contohnya, **seperti anjing dengan kucing**, **bagai aur dengan tebing**, dan **bagai duri dalam daging**. Adakah para pelajar masih ingat lagi? Sekiranya terlupa, jangan lupa buat ulang kaji. Pada kali ini, kita akan memperkaya pengetahuan pelajar dengan beberapa penggunaan perumpamaan.





Perumpamaan	Maksud	Contoh Ayat
bagai bulan dipagar bintang 美如天仙 	1.Gadis jelita akan semakin cantik jika dikelilingi perawan-perawan yang cantik. 2.Kecantikan seseorang gadis yang tiada bandingannya.	1.Kecantikan Hui Yunn semakin menonjol **bagai bulan dipagar bintang** apabila berpakaian ceongsam. 2.Walaupun paras rupa anak perempuan Pak Hussein **bagai bulan dipagar bintang**, tetapi dia tidak berbudi bahasa.
seperti kera mendapat bunga 	Seseorang yang mendapat sesuatu benda tetapi tidak tahu menghargainya.	Thee Eng dikatakan **seperti kera mendapat bunga** kerana dia tidak memelihara buku teks pinjaman dengan baik.
seperti anjing menggonggong tulang 人心不足，蛇吞象 	Orang tamak selalu rugi.	Penerima rasuah itu **seperti anjing menggonggong tulang**, kerana sikap tamaknya akhirnya ditangkap oleh pihak berkuasa.



Perumpamaan	Maksud	Contoh Ayat
air yang tenang jangan disangka tiada buaya 人不可貌相， 海水不可斗量	1. Orang yang pendiam jangan disangka pengecut atau bodoh. 2. Keadaan yang tenang jangan disangka tiada masalah.	1."Jangan selalu kacau orang yang pendiam itu, takut-takut kamu dibelasahnya kerana **air yang tenang jangan disangka tiada buaya**," nasihat ibu kepada Abang Ngah. 2.Walaupun kehidupan orang kaya itu nampak bahagia dan mewah, tetapi sebaliknya dia berhadapan dengan pelbagai masalah kehidupan umpama **air yang tenang jangan disangka tiada buaya.**
diam-diam ubi berisi 深藏若虚	Seseorang yang berdiam diri itu bukanlah bermakna bodoh, sebaliknya banyak berilmu.	"Tidak sangka Kamala yang pendiam boleh mendapat tempat pertama di dalam kelas. Sikapnya memang sesuai dengan peribahasa **diam-diam ubi berisi**," kata Aisyah kepada Mariani.
bapa borek anak rintik 有其父必有其子 	Seseorang anak yang mewarisi perangai bapanya.	Budak ini suka melukis kerana bapanya merupakan pelukis yang terkenal, sesuai dengan perumpamaan **bapa borek anak rintik.**



LATIHAN

Isikan perumpamaan yang sesuai bagi ayat-ayat berikut:

1. Perbuatan sebahagian daripada penduduk di Taman Mewah yang suka merosakkan prasarana dianggap ________________________________.

2. Encik Roslan seorang sasterawan yang terkenal, begitu juga anaknya, Rahman yang aktif dalam penulisan, seperti kata perumpamaan ________________________________.


3. Zarah yang bersifat pendiam itu diibaratkan________________________________ kerana dia berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan baru-baru ini.


4. Penyanyi yang jelita itu ________________________________ apabila diiringi oleh sekumpulan penari yang ayu.

5. Ibu sering menasihati saya agar tidak mengganggu anak jiran yang pendiam itu kerana ____.

6. Kontraktor itu cuba merasuahi pegawai projek pembinaan agar diberikan tender yang banyak akhirnya terbongkar. Sikap tamaknya ini ___________________________________.







1. Kata Tugas - Kata Sendi Nama

Kata Sendi Nama berfungsi untuk merangkaikan antara frasa dengan frasa dalam sesuatu ayat dan hadir di hadapan Frasa Nama.

Para pelajar telah mempelajari sebahagian daripada Kata Sendi Nama, iaitu **di**, **ke**, **dari**, **daripada**, dan **bagai** di Junior Satu. Pada kali ini, kita akan mempelajari penggunaan Kata Sendi Nama yang lain.

Panduan penggunaan Kata Sendi Nama


Kata Sendi Nama	Kegunaan	Contoh Dalam Ayat
antara	hanya dapat digunakan untuk menerangkan arah (jarak yang tidak mempunyai ruang)	Wahidahlah **antara** pelajar Kelas 2B yang paling rajin.
dalam	hanya dapat digunakan untuk menerangkan jarak lingkungan yang tidak mempunyai ruang	Dia berjaya menghabiskan projek itu **dalam** tempoh yang ditetapkan.





Kata Sendi Nama	Kegunaan	Contoh Dalam Ayat
oleh	digunakan selepas Kata Kerja Pasif yang berawalan **di-**, **ter-**, dan **kena**	Azura dirotan **oleh** ayahnya kerana ponteng sekolah.
tentang	digunakan untuk menyatakan makna tentang sesuatu yang tidak tentu atau berkenaan dengan sesuatu hal	Penduduk kampung sedang berbual-bual **tentang** kes jenayah itu.
terhadap	hanya dapat digunakan di hadapan Kata Nama sebagai **penerang**, **perlakuan** yang dikenakan kepada **penyambut** iaitu manusia, haiwan, atau benda	Kami sangsi **terhadap** penerangan jurujual itu.
sejak/semenjak	digunakan di hadapan Kata Nama yang membawa maksud bermula dari sesuatu masa	Dia tidak berani mencuri lagi **sejak / semenjak** didenda oleh guru disiplinnya.
demi	digunakan di hadapan Kata Nama yang bermakna tujuan	Kita harus bersatu padu **demi** kesejahteraan masyarakat.





LATIHAN

Kata Sendi Nama


A. Isikan Kata Sendi Nama yang sesuai bagi setiap ayat di bawah.

1. ________________ kesihatan dan kekuatan badan, kita harus bersukan setiap hari.
2. Cintanya ______________ negara semakin membara.
3. Pelajar perlu memberikan penekanan _____________ penggunaan kosa kata dalam penulisan mereka.
4. Sumber pendapatan industri perhotelan di Pulau Phuket berkurangan _____________ dilanda oleh bencana tsunami.
5. Teka-teki yang mudah itu dapat dijawab _____________ sesiapa pun.
6. Program kerajaan itu hanya membawa kebaikan _____________ kaum peniaga.
7. Guru disiplin sedang membuat siasatan _____________ aduan kehilangan wang di kelas Tingkatan Dua Bumi.
8. Hubungan _____________ Ah Meng dengan Sui Lan sangat rapat.
9. Pelajar itu aktif ____________ kegiatan kokurikulum.
10. ____________ senarai nama peserta itu, Shizanlah satu-satunya peserta kaum Melayu.

B. Pilih Kata Sendi Nama yang sesuai.

1. _____________ buah tempatan yang paling digemari oleh para pelancong ialah buah durian.
   A. Antara　　B. Dalam　　C. Oleh　　D. Tentang
2. _____________ kematian ayahnya, John terpaksa bekerja sambilan untuk meringankan beban ibu.
   A. Tentang　　B. Terhadap　　C. Sejak　　D. Demi
3. Rakyat berbilang kaum harus bekerjasama dan bertoleransi ___________ keamanan negara.
   A. dalam　　B. demi　　C. oleh　　D. antara
4. Kuih itu dibeli _____________ kakak tadi.
   A. demi　　B. terhadap　　C. dalam　　D. oleh
5. Kami berbual ____________ kejadian rompakan tadi.
   A. tentang　　B. sejak　　C. demi　　D. dalam





2. Ayat Tunggal

Ayat Tunggal ialah ayat yang hanya mempunyai satu subjek dan satu predikat. Binaan Ayat Tunggal sudah kita pelajari semasa di Junior Satu. Di bawah merupakan latihan pengukuhan Ayat Tunggal.

LATIHAN

A. Gariskan bahagian subjek bagi ayat-ayat berikut.

1. Mereka sedang bermain bola.
2. Salji meliputi Gunung Fuji sepanjang tahun.
3. Program itu sangat menarik minat para pelajar.
4. Rombongan lawatan sambil belajar itu bertolak pada pukul 9.00 pagi.
5. Ahli Jawatankuasa pertandingan syarahan itu sedang bermesyuarat.
6. Bahasa Malaysia merupakan Bahasa Kebangsaan Malaysia.
7. Anak angkat Puan Farah terlantar sakit di hospital.
8. Mendaki gunung dapat meluaskan pengalaman pelajar.

B. Gariskan bahagian predikat bagi ayat-ayat berikut.

1. Anjing itu menyalak dengan kuat.
2. Harimau ialah sejenis binatang maging.
3. Kakak saya tidak mementingkan kecantikan luarannya.
4. Kerajaan Malaysia sedang merealisasikan Wawasan 2020.
5. Kita harus berhati-hati di jalan raya.
6. Nyonya Wong baru pulang dari rumah anak bongsunya.
7. Penduduk Malaysia menghulurkan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana alam.
8. Setiap anggota masyarakat bertanggungjawab memelihara keindahan alam semula jadi.

Peringatan!
Perbezaan antara Ayat Tunggal dengan Ayat Dasar ialah semua Ayat Dasar terdiri daripada Ayat Penyata, manakala Ayat-ayat Tunggal bukan sahaja boleh terdiri daripada Ayat Penyata, malah juga boleh terdiri daripada jenis-jenis lain seperti Ayat Tanya, Ayat Perintah, dan Ayat Seruan.



3. Ragam Ayat

Ragam Ayat atau Jenis Ayat telah pun dibincangkan semasa di Junior Satu. Walau bagaimanapun, unit ini akan membuat pengukuhan secara keseluruhan bagi bahagian ini.

Ragam ayat dalam Bahasa Malaysia terbahagi kepada empat jenis, iaitu

Ragam Ayat

- Ayat Penyata
- Ayat Tanya
- Ayat Perintah
- Ayat Seruan

A. Ayat Penyata

Ayat Penyata ialah ayat yang digunakan untuk memberikan penerangan tentang sesuatu hal.

Contoh:

Ali pelajar yang rajin.

B. Ayat Tanya

Ayat Tanya ialah ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu dan mesti diakhiri dengan Tanda Soal (?).

Ayat Tanya boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu

i. Ayat Tanya dengan Kata Tanya

ii. Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Ayat Tanya dengan Kata Tanya

*Ayat Tanya ini mesti menggunakan Kata Tanya seperti **apa**, **bila**, **siapa**, **mengapa**, **bagaimana**, **mana**, dan **berapa**. Ayat Tanya ini boleh dibahagikan kepada Ayat Tanya Songsang dan Ayat Tanya Biasa. Kata Tanya bagi Ayat Tanya Songsang mesti diikuti partikel -kah.*

Contoh:

Ayat Tanya Songsang	Ayat Tanya Biasa
Di **manakah** Ali tinggal?	Ali tinggal di **mana**?
Siapakah ibu bapa kamu?	Ibu bapa kamu **siapa**?
Berapakah harga baju ini?	Harga baju ini **berapa**?

Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Ayat Tanya ini berasal daripada Ayat Penyata yang diucapkan dengan nada yang tinggi pada akhir ayat. Tanda Soal (?) digunakan bagi melambangkan nada tanya.

Contoh:

Ali sedang mengulang kaji?
Buku ini buku catatan kamu?
Dia bukan pelajar sekolah menengah?

C. Ayat Perintah

Ayat Perintah ialah ayat yang berfungsi memerintah seseorang melakukan sesuatu. Ayat ini dibahagikan kepada empat jenis, iaitu;

a. Ayat Suruhan
b. Ayat Permintaan
c. Ayat Silaan
d. Ayat Larangan

Ragam Ayat

Ayat Suruhan

Ayat Suruhan ialah ayat yang berfungsi menyuruh atau mengarahkan seseorang melakukan sesuatu.

Contoh:


Keluarkan buku latihan masing-masing.
Belikan saya sebungkus nasi lemak.
Tutup pintu itu.

Ayat Permintaan

Ayat Permintaan ialah ayat yang digunakan untuk meminta seseorang melakukan sesuatu. Kata Permintaan seperti '**minta**' dan '**tolong**' digunakan.

Contoh:

Tolong ambilkan saya buku itu.
Minta sampaikan surat ini kepada Pak Abu.
Tolong belikan saya sebungkus nasi ayam.



Ayat Silaan

Ayat Silaan ialah ayat yang digunakan untuk menjemput atau mengajak seseorang melakukan sesuatu. Kata Silaan seperti '**sila**', '**jemput**', dan '**marilah**' digunakan.

Contoh:

Silalah naik ke rumah saya.
Jemputlah makan lauk-pauk yang dihidangkan.
Marilah kita pergi ke perpustakaan.

Ayat Larangan

Ayat Larangan ialah ayat yang digunakan untuk melarang atau menghalang seseorang melakukan sesuatu. Kata Larangan seperti '**jangan**', '**dilarang**', '**usah**', dan '**tak usah**' biasanya akan digunakan dalam ayat jenis ini.

Contoh:

Jangan buat bising di dalam kelas.
Usah tanya siapa namanya.
Dilarang merokok.

D. Ayat Seruan

Ayat Seruan ialah ayat yang digunakan untuk menyampaikan perasaan seperti **marah**, **terkejut**, **sakit**, **cemas**, dan **simpati**. Ayat Seruan mesti disertai Kata Seru dan diakhiri dengan Tanda Seru (!).

Contoh:

Aduh, sakitnya gigiku!
Wah, mahal sungguh baju ini!
Wahai murid-murid, patuhilah peraturan sekolah!





LATIHAN


Nyatakan Ragam Ayat bagi setiap ayat di bawah.

1. Kakak sedang menyiram bunga. (   )
2. Aduh, sakitnya perut aku! (   )
3. Hantar buku itu sebelum pulang. (   )
4. Jangan minum air itu. (   )
5. Jemputlah nikmati hidangan itu. (   )
6. Siapakah Perdana Menteri yang pertama?(   )
7. Budak-budak itu bermain di tepi pantai.(   )
8. Usahlah menangis lagi. (   )
9. Jangan bising. (   )
10. Keluar dari sini.(   )




- Para pelajar tentu tahu, isu-isu yang terpapar dalam media cetak dapat membantu kita terutamanya semasa menulis karangan. Walau bagaimanapun, para pelajar mestilah peka mencari isi yang terkandung dalamnya.
- Kebiasaannya, kandungan rencana boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu **sebab**, **kesan**, dan **langkah mengatasi**.
- Para pelajar boleh menggunakan peta minda untuk mencatat isi-isi penting.
- Di sebelah disertakan satu contoh rencana sebagai panduan para pelajar.





Beban Tugas Guru Bertambah

OLEH MARZITA ABDULLAH



Beban tugas seseorang guru hari ini bertambah kepada 130 peratus, iaitu meliputi 70 peratus tugas pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan 60 peratus tugas pentadbiran.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Ismail Nihat berkata, pertambahan beban tugas tersebut mungkin menyebabkan kualiti P&P guru semakin menurun.

"Kita bimbang guru tertekan dengan situasi tersebut menyebabkan mereka bekerja sekadar memenuhi tugas yang diarahkan," katanya.

Beliau berkata, pada dasarnya tugas seseorang guru ialah 70 peratus melaksanakan P&P manakala 30 peratus tugas-tugas sampingan di sekolah.

Namun begitu, pada masa ini guru terpaksa membuat tugas tambahan termasuk tugas perkeranian yang di luar daripada bidang pendidikan.

"Sekarang banyak agensi kerajaan yang masuk ke sekolah menjalankan aktiviti mereka tetapi yang menguruskan aktiviti tersebut ialah guru," katanya kepada Utusan Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sebagai contoh menurut beliau, guru terpaksa mengisi rekod kesihatan pelajar di samping mengisi pelbagai borang bantuan khas untuk pelajar.

"Sekarang tugas terbaharu adalah mengisi borang baucer tuisyen untuk pelajar selain terpaksa mengajar tuisyen pada sebelah petang," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan Sistem Laporan Adab Belajar (LAB) turut menambah beban tugas guru pada masa kini.

Menurut beliau, NUTP berpendirian tegas pelaksanaannya akan menambah beban tugas guru.

"Apa yang kita lihat sekarang walaupun pelaksanaan itu tidak wajib tetapi guru tidak mempunyai hak untuk menolak menjalankan tugasan itu.



Beliau berkata, NUTP mencadangkan Kementerian Pelajaran memikirkan jalan terbaik untuk menyelesaikan bebanan tugas guru.

"Apa yang kita bimbangkan ialah bebanan yang semakin meningkat menyebabkan guru sekadar mematuhi syarat mengisi laporan tersebut tanpa memikirkan ketepatan maklumat yang diisi," katanya.

Hal ini akan menyebabkan data yang diperoleh oleh kementerian hasil laporan itu adalah tidak tepat dan tidak lengkap.


"Keadaan ini berlaku kerana guru bertugas dalam keadaan yang paksa, iaitu di luar kemampuan tetapi dalam masa yang sama terpaksa memenuhi kehendak kementerian," katanya.

Selain itu, Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Agama As-Syakirin Melaka, Jamal Yusol turut berasa bimbang terhadap data-data LAB yang tidak lengkap itu akan menjejaskan masa depan para pelajar.


"Contohnya perkara negatif yang mungkin dilakukan oleh pelajar sekali sahaja tetapi direkodkan oleh guru walaupun pelajar terbabit telah berubah kelakuannya," katanya.

Menurut Jamal, beliau tidak menentang pelaksanaan LAB tetapi kesan jangka panjang perlu diambil kira terutama jika rekod ini digunakan sebagai 'tiket' untuk memohon ke institusi pengajian tinggi.

"Saya berharap agar catatan tentang masalah disiplin pelajar dijadikan suatu rekod sulit antara pihak sekolah, pelajar dan ibu bapa tanpa perlu didedahkan kepada pihak lain," katanya.



Peta Minda



mengisi borang bantuan khas
tuisyen pada sebelah petang
mengisi rekod kesihatan
mengisi baucer tuisyen
mengurus aktiviti agensi kerajaan
pekeranian
pelaksanaan sistem LAB
terpaksa membuat tugas tambahan
sebab
kualiti P&P semakin menurun
kesan
guru tertekan, bekerja sekadar memenuhi tugas
Beban guru
langkah-langkah mengatasi
Kementerian Pelajaran memikirkan jalan terbaik



LATIHAN

Berpandu kepada rencana di bawah tentukan isi-isi yang terkandung dalam rencana tersebut. Isi-isi yang dicari perlulah disampaikan dalam bentuk peta minda.

Masalah Penagihan Dadah Masih Terkawal

OLEH KHAIRINA YASIN

Masalah keluarga dan pergaulan bebas adalah antara faktor yang mendorong kepada penagihan dadah dalam kalangan masyarakat masa kini. Jika tidak diatasi dengan segera, gejala ini akan membawa kesan negatif kepada keadaan sosial, ekonomi, dan politik dalam masyarakat, sekali gus menggugat keamanan dan kestabilan negara.

Dadah daripada jenis heroin, morfin, candu, ganja, pil psikotropik, syabu, kodein, ubat batuk, dan inhalan adalah antara dadah yang biasa digunakan oleh kebanyakan penagih dadah di negara kita.

Menurut Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) , pertambahan jumlah penagih dadah di negara kita masih lagi dalam bilangan yang kecil. Hal ini menunjukkan bahawa masalah ini adalah terkawal di samping tahap kesedaran masyarakat terhadap bahaya dadah semakin meningkat.

Keadaan ini diperkukuh melalui usaha berkesan pihak terbabit dalam menangani masalah ini selain mengurangkan jumlah penagih yang berulang. Antaranya, setiap penagih yang dikesan akan melalui tempoh pemulihan



maksimum selama dua tahun di pusat-pusat pemulihan di bawah pengawasan ADK dan Kementerian Dalam Negeri.

Pendekatan yang digunakan sepanjang tempoh pemulihan merangkumi kaunseling, latihan ala tentera, pendidikan agama, moral dan sivik, latihan kemahiran dan projek sosioekonomi. Kesemua pendekatan ini bertujuan memastikan satu permulaan kehidupan baharu yang lebih sihat untuk bekas penagih.

BILANGAN PENAGIH DADAH MENGIKUT UMUR KETIKA DIKESAN (HINGGA SEPTEMBER 2000)

Umur (tahun)	Baru	Berulang	Jumlah
Bawah 13	15	1	16
13–15	86	2	88
16–17	362	13	375
18–19	829	95	924
20–24	2 834	1 123	3 957
25–29	2 061	2 051	4 112
30–34	1 231	2 236	3 467
35–39	703	2 171	2 874
40–44	397	1 632	2 029
45–49	173	775	948
Atas 50	106	328	434
Gagal dikesan	541	246	787
Jumlah	9 338	10 673	20 011

Selain pusat pemulihan, pelbagai program berkaitan dengan dadah seperti kempen antidadah turut diadakan dalam membantu masyarakat menyedari bahayanya dadah.


ADK juga memikul tanggungjawab untuk meringankan beban ahli keluarga penagih seperti menolong mencari pekerjaan kepada mereka.

Keberkesanan usaha yang diambil oleh kerajaan terbukti berjaya melalui penurunan perangkaan penagihan dadah dalam jangka masa tiga tahun yang lalu. Pada tahun 1999, perangkaan penagihan dadah yang dikeluarkan oleh ADK menunjukkan penurunan kepada 35 359 orang berbanding dengan 37 588 orang pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, perkara yang membimbangkan kita ialah remaja bawah 13 tahun turut dikesan sebagai penagih baharu. Walaupun jumlahnya agak kecil jika dibandingkan dengan jumlah penagih di peringkat umur yang lain, namun keadaan ini harus diberikan perhatian.

Bagaimanapun, perangkaan yang dilaporkan dan dikesan oleh ADK ini tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar isu penagihan dadah di negara ini memandangkan ada golongan yang gagal dikesan sebagai penagih dadah.

Kesimpulannya, usaha pencegahan perlu dipergiat dan dilaksanakan secara berterusan sekiranya negara ingin bebas daripada dadah menjelang 2023.





Cerpen

Sarawak, Kujelajahi Bumimu

Aku bermalam di rumah Musa Yaakub selama beberapa malam ketika aku menjejaki bumi Sarawak. Aku merancang untuk pergi ke rumah panjang jika ada kesempatan. Walau bagaimanapun, rancangan aku **tergendala**[1] kerana banjir. Hajat aku tidak sampai untuk ke sana.

Musa Yaakub ialah teman sejawatku. Aku ditugaskan di **Briged**[2] 5 Kota Kinabalu dan Musa di Briged 3, Kuching. Aku mengenali dia ketika mula-mula melaporkan diri di Kementerian Pertahanan pada 1 Jun 1982. Aku dihantar ke Sabah dan Musa dihantar ke Sarawak. Walaupun aku dihantar jauh dari kampung halaman, Kuala Terengganu, namun aku tetap bersyukur kerana dapat berkhidmat demi negara.

Kamus Kaki


1. **tergendala:**
   terhalang
   受阻
2. **briged**
   angkatan tentera
   旅
3. **dihanyutkan:**
   dibawa arus air
   被冲走
4. **pengembaraan:**
   perihal menjelajah
   漫游
5. **diramalkan:**
   dijangkakan
   被预测

Kedatanganku ke Sarawak ini pada 27 hingga 30 Januari 1983 kebetulan musim hujan. Radio Kuching melaporkan daerah-daerah seperti Serian, Lundu, Bau dilanda banjir. Beberapa buah tempat pedalaman di sekitar Kuching turut dilanda banjir dan ditenggelami air.

Aku mendapat tahu bahawa penduduk yang terlibat dalam banjir dipindahkan ke tempat yang selamat. Beberapa buah rumah telah **dihanyutkan**[3] air. Aku tidak menyangka bahawa hal ini akan berlaku.

Pada petang, ketibaan aku di rumah sewa Musa Yaakub keadaan sekeliling gelap. Tompokan awan hitam berkumpul di sana sini menandakan hujan lebat akan turun. Cuaca yang buruk *meruntuhkan cita-cita* **pengembaraan**[4] aku. Cuaca di Sarawak ini memang sukar untuk **diramalkan**[5]. Cuaca buruk yang aku alami itu beransur baik beberapa hari kemudiannya. Namun hujan terus turun dalam keadaan yang tidak menentu.





Pada mulanya, aku ada dua rancangan pengembaraan yang besar kalau aku tiba di bumi Sarawak. Pertama, aku bercadang untuk pergi ke rumah panjang di pedalaman. Kedua, aku ingin belayar dengan bot ekspres dari pelabuhan Pending berhampiran dengan Kuching menuju ke Sibu. Aku mula **memudiki**[6] Sungai Rejang yang sejauh 560 kilometer itu dengan bot ekspres hingga hujungnya. Perjalanan **mengharungi**[7] Sungai Rejang khabarnya mengambil masa kira-kira lapan jam.

Namun, rancangan cuma tinggal rancangan. Cuaca buruk menghancurkan cita-cita besar aku. Musim hujan lebat, ombak laut **bergelora**[8] dan masa cuti aku singkat menyebabkan aku membatalkan niat itu.

Rancangan ke rumah panjang pun menemui kehancuran. Keadaan cuaca buruk merupakan salah satu sebab aku membatalkan rancanganku. Khabarnya rumah panjang senang untuk dilawati semasa perayaan Hari Gawai. Kita mudah berurusan dengan orang-orang Iban dan suku kaum lain di Sarawak. Akan tetapi, kita kenalah ikut cara mereka seperti minum air tapai. Perayaan Hari Gawai cuma diadakan pada setiap 1 Jun sedangkan aku ke Sarawak pada bulan Januari. Sudah pasti aku tidak dapat meraikannya.



Hari Gawai diisytiharkan sebagai hari cuti umum di Sarawak. Perayaan itu dirayakan oleh kaum Dayak.

Setibanya di Kuching, aku dan Musa mencari bas yang akan pergi ke Pelabuhan Pending. Bas yang kami nanti tiba dan bergerak menuju ke sana. Aku dan Musa melihat kapal-kapal dagang yang besar berlabuh di situ. Motobot kecil hilir mudik di tepian pelabuhan.

Aku dan Musa kembali ke Bandar Kuching. Hujan sudah mulai **reda**[9] ketika itu. Aku dan Musa mengunjungi Muzium Sarawak dan Akuarium Kuching yang terletak berdekatan antara satu sama lain.

Nama bandar ini sering menjadi bahan teka-teki sewaktu aku masih di bangku sekolah. Dalam teka-teki itu, aku sering ditanyakan oleh guru bahawa dalam banyak-banyak bandar di Malaysia yang mana satu bandar yang berkaitan dengan nama seekor binatang. Tentulah Bandar Kuching jawapannya.


Kamus Kaki

6. **memudiki:**
   belayar ke hulu
   逆流而上

7. **mengharungi:**
   melayari
   渡越

8. **bergelora:**
   bergelombang
   澎湃的

9. **reda:**
   berkurangan
   缓和



Mengikut sejarahnya, ibu negeri Sarawak itu dinamakan Kuching sempena nama sebatang sungai tidak berapa jauh dari situ, iaitu Sungai Kuching. Pada bulan Ogos tahun 1872, dalam suatu istiadat yang sederhana, Charles Brooke Raja Sarawak yang kedua menamakan ibu negeri Sarawak dengan nama Kuching.

Aku mengunjungi Muzium Sarawak sekali lagi. Sebelum penerbangan balik ke Kota Kinabalu, aku mahu menghabiskan masa di Muzium Sarawak. Muzium Sarawak merupakan muzium yang terbaik di Asia Tenggara. Aku rasa Muzium Negara di Kuala Lumpur tidaklah sehebat Muzium Sarawak ini. Muzium Sarawak khabarnya sudah terkenal kepada para sarjana dan orang ramai dari seluruh dunia. Muzium ini menjadi salah satu daya tarikan pelancong yang datang ke Sarawak.

Reka bentuk bangunan muzium ini mirip bangunan Dewan Bandaran Normandy, Perancis. Dewan tersebut direka oleh seorang pelayan raja berbangsa Perancis. Rancangan membina muzium mini telah dibayangkan oleh Raja Kedua Sarawak, Charles Brooke.

Muzium Sarawak mengumpulkan **aneka**[10] jenis bahan kebudayaan, bahan peninggalan sejarah dan pelbagai jenis **mergastua**[11] yang tidak terdapat di Muzium Negara.

Aku mendekati sebuah model rumah panjang orang Iban yang hampir menyerupai bentuk sebenarnya. Model inilah yang paling aku sukai dan minati. Hal ini mungkin kerana aku tidak berpeluang pergi ke rumah panjang yang sebenarnya seperti yang terdapat di kawasan pedalaman.

Kamus Kaki

10. **aneka:**
    bermacam-macam
    各式各样

11. **mergastua:**
    binatang-binatang liar di hutan
    野兽

Model rumah panjang ini dibina mengikut cara tradisional dan dilengkapi dengan pelbagai jenis warisan pusaka, senjata para pahlawan, tengkorak-tengkorak manusia serta benda-benda lain yang biasa terdapat di sesebuah rumah panjang. Aku rasa inilah satu-satunya bahan pameran yang paling popular kepada para pengunjung muzium ini, sama ada dari dalam ataupun dari luar negara.

Seseorang yang pergi ke Sarawak tidak akan lengkap dan sempurna kalau tidak mengunjungi muzium ini. Memanglah wajar kalau muzium ini dianggap sebagai salah sebuah muzium terbaik di Asia Tenggara.

Masa untuk menaiki kapal terbang sudah hampir tiba, aku meninggalkan Muzium Sarawak dengan seribu kepuasan. Aku tidak lupa membeli kaset lagu-lagu tradisional Sarawak sebagai kenang-kenangan. Kemudian aku segera menuju ke Lapangan Terbang Kuching dengan sebuah teksi.



Apabila detik penerbangan tiba, pesawat MAS terbang ke udara membawa aku dan penumpang lain. Dalam penerbangan balik ke Kota Kinabalu kapal terbang itu singgah dan mendarat di Miri dan Labuan seperti hari-hari kedatangan aku ke Sarawak pada 27 Januari 1983 yang lalu.

(dipetik dan disesuaikan daripada Hanya Sampai Di Sini, Talib Samat)

Sinopsis

Penulis melancong ke Negeri Sarawak dan menumpang di rumah Musa Yaakub yang merupakan rakan sejawat penulis. Mereka berkenalan semasa melaporkan diri di Kementerian Pertahanan. Penulis telah dihantar berkhidmat di Negeri Sabah, manakala Musa pula dihantar ke Negeri Sarawak. Sebelum ke Sarawak penulis telah merancang aktiviti yang ingin dilakukan termasuk mengunjungi tempat-tempat peranginan. Malangnya, rancangan penulis itu terpaksa dibatalkan kerana musim hujan. Dalam perjalanan kali ini, kebanyakan masa penulis dihabiskan di Muzium Kuching. Penulis amat tertarik oleh model rumah panjang yang terdapat di Muzium Sarawak. Hal ini mungkin disebabkan penulis tidak dapat mengunjungi rumah panjang yang sebenar akibat keburukan cuaca. Penulis kembali ke Sabah selepas berpuas hati mengunjungi Muzium Sarawak.

作者游玩砂拉越，旅游期间他寄宿在他同事穆沙(Musa)的家里。作者和穆沙是在第一天向国防部报到时所认识的。作者被派到沙巴服务而穆沙却被派到砂拉越。作者准备了很多有关旅行的计划，由于天不作美，作者只好把原本的旅游计划都给取消。在这次的行程，作者花了很长的时间逗留在砂拉越博物馆。或许因为不能亲自去乡村参观长屋的关系，作者对博物馆里的长屋模型特别感兴趣。逗留在博物馆里一段时间后，最后作者心满意足地返回沙巴。

Maksud Rangkai Kata

1. meruntuhkan cita-cita: menggagalkan impian 梦想破灭

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah memelihara dan memulihara tempat-tempat yang bersejarah.
2. Kita hendaklah merancang sesuatu dengan baik sebelum bertindak.

Soalan Kefahaman

1. Apakah hubungan antara penulis dengan Musa Yaakub?
   - A. rakan sekelas
   - B. rakan sekerja
   - C. rakan sekuliah
   - D. rakan serumah

2. Bilakah Hari Gawai akan disambut dengan meriah?
   - A. 1 Jun
   - B. 1 Julai
   - C. 1 Ogos
   - D. 1 September

3. Di manakah tempat penulis berkhidmat?
   - A. Negeri Sarawak
   - B. Negeri Kelantan
   - C. Negeri Sabah
   - D. Negeri Terengganu

4. Nyatakan DUA rancangan utama penulis setibanya di Negeri Sarawak, Bumi Kenyalang.

5. Terangkan asal usul nama Ibu Negeri Sarawak secara ringkas.


UNIT 2:
SALING MEMBANTU





Bulat Air Kerana Pembuluh,
Bulat Manusia Kerana Muafakat

Pada zaman dahulu, terdapat sekumpulan penyamun yang sangat ganas sikapnya. Apa-apa sahaja yang lewat di hadapan mereka habis **dirampas**[1]. Mereka menyerang sesiapa sahaja; yang papa atau yang berada; yang miskin atau yang kaya; yang sahaya atau rakyat biasa.

Penduduk Jeram Tunggal senantiasa berada dalam **kekhuatiran**[2]. Hampir setiap malam mereka tidak dapat tidur lena kerana takut akan kumpulan penyamun menyerbu pada waktu malam. Mereka tahu kumpulan penyamun ini akan merompak rumah mereka kerana di dalam rumah mereka terdapat emas. Sebenarnya, penduduk di sini, bekerja sebagai **pendulang**[3] emas di sungai pada waktu siang.

"Kita mesti **bermuafakat**[4]. Kalau kita muafakat, kita akan menjadi kuat. Kita mesti menentang dan menghapuskan penyamun-penyamun ini daripada terus mengganggu keamanan desa kita. Bulat air kerana pembuluh, bulat manusia kerana muafakat," nasihat Penghulu Tepok.



1. **dirampas:**
   diragut
   被抢夺

2. **kekhuatiran:**
   kebimbangan
   焦虑

3. **pendulang:**
   orang yang bekerja di lombong
   淘洗工作者

4. **bermuafakat:**
   bekerjasama
   合作


Kosa Kata



Pada suatu malam, gerombolan penyamun itu pun datang untuk menyerang. Penduduk Jeram Tunggal sudah **berkubu**[5] di kawasan rumah Datuk Penghulu Tepok. Dengan penuh semangat muafakat, mereka menyerang penyamun-penyamun itu dengan menggunakan panah dan lembing. Kumpulan penyamun itu gagal **menyelinap**[6] ke dalam kawasan mereka berkubu. Banyak penyamun yang terkorban dan ada sesetengah daripada mereka lari **langkah seribu**[7] dan **kecut perut**[8] melihat kekuatan penduduk Jeram Tunggal.



5. **berkubu:**
   bertahan
   防守
6. **menyelinap:**
   menyusup masuk
   潜入
7. **langkah seribu:**
   melarikan sendiri
   逃跑
8. **kecut perut:**
   berasa takut
   害怕



Kosa Kata



"Tengoklah. Kalau kita berpecah-belah, kita akan menjadi lemah. Dengan mudah sahaja penyamun mengalahkan kita. Sekarang kita sudah bersatu. Air yang mengalir ke sana dan ke mari itu, kalau dibendung akan menjadi besar dan kuat juga. Kita pun begitulah. Bulat air kerana pembuluh, bulat manusia kerana muafakat," ucap Datuk Penghulu kepada anak-anak buahnya di halaman rumahnya.

(diubahsuaikan daripada Cerita Peribahasa (Pepatah) Buku 3 : Penerbit Kinta Sdn.Bhd.)





A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Siapakah yang kerap mengganggu penduduk Jeram Tunggal?
   A. lanun
   B. peragut
   C. pencuri
   D. penyamun

2. Apakah pekerjaan utama kebanyakan penduduk Jeram Tunggal?
   A. mendulang timah
   B. menyamun
   C. menoreh getah
   D. mendulang emas

3. Di manakah penduduk Jeram Tunggal berkubu setelah dinasihati oleh Datuk Penghulu?
   A. di dalam rumah masing-masing
   B. di halaman rumah masing-masing
   C. di halaman rumah Datuk Penghulu
   D. di mana-mana sahaja

4. Berikan satu kata sinonim yang sesuai bagi perkataan 'dibendung'.
   A. dihalang
   B. disusun
   C. dirapat
   D. dibina

5. Pada pendapat anda, apakah peribahasa yang sesuai sebagai tajuk petikan yang telah dibaca.
   A. putih tulang dikandung tanah, budi yang baik dikenang jua
   B. ringan sama dijinjing, berat sama dipikul
   C. malu bertanya sesat jalan, segan berkayuh perahu hanyut
   D. hendak kaya berdikit-dikit, hendak tuah bertabur hurai, hendak berani berlawan ramai




B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Mengapakah penyamun-penyamun suka menyamun penduduk Jeram Tunggal?
2. Mengapakah Datuk Penghulu berpendapat bahawa permuafakatan dalam kalangan penduduk amat diperlukan?
3. Siapakah nama pemimpin Jeram Tunggal?
4. Bagaimanakah persediaan penduduk Jeram Tunggal untuk berhadapan dengan penyamun-penyamun itu?
5. Nyatakan kesudahan nasib penyamun-penyamun itu.

C. Kegiatan Kerja Kreatif- Curahan Pendapat

Cerita di atas mengisahkan kepentingan sesebuah masyarakat yang hidup bekerjasama dan berganding bahu dalam segala hal. Berikan contoh-contoh semangat bekerjasama yang lain dengan melengkapkan gambar rajah di bawah.







SEBUTAN

Dengar dan sebut perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

penyamun	: pe + nya + mun	kecundang	: ke + cun + dang
kekhuatiran	: ke + khua + ti + ran	semangat	: se + ma + ngat
menyerbu	: me + nyer + bu	lembing	: lem + bing
bermuafakat	: ber + mua + fa + kat	menyelinap	: me + nye + li + nap
gerombolan	: ge + rom + bo + lan	tepok	: te + pok



MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Dengar petikan yang dimainkan dangan teliti, kemudian lengkapkan helaian kerja berikutnya.





LATIHAN

1. Bilakah sambutan Hari Ibu bermula di Amerika Syarikat?
   A. 1872
   B. 1907
   C. 1827
   D. 1807

2. Julia Ward Howe mencadangkan agar Hari Ibu disambut bagi memperingati apa?
   A. golongan ibu di Amerika Syarikat
   B. jasa-jasa ibu
   C. kematian ibunya
   D. keamanan

3. Pada peringkat awal, di manakah sambutan Hari Ibu diadakan di bandar?
   A. Howe
   B. Turki
   C. Boston
   D. Denmark

4. Pada tahun berapakah, Hari Ibu disambut di seluruh Amerika Syarikat?
   A. 1419
   B. 1149
   C. 1914
   D. 1872

5. Pada bulan berapakah, Hari Ibu disambut di seluruh dunia?
   A. Mac
   B. Mei
   C. Februari
   D. September



2. Pada setiap bulan Mei, kita akan meraikan Hari Ibu. Pernahkah anda terfikir untuk meraikan Hari Ibu? Siapakah antara anda yang pernah menghadiahkan sejambak bunga atau makan malam bersama ibu pada hari berkenaan?



Sempena Hari Ibu yang akan menjelang, para pelajar diminta untuk membuat satu kad ucapan yang ditujukan kepada ibu anda. Cikgu yakin bahawa semua pelajar dapat membuatnya. Ingatlah, kita haruslah ikhlas membuatnya untuk ibu yang tersayang.



Karangan Jenis Dialog

1. Apakah itu Karangan Dialog?

Dialog ialah karangan jenis perbualan biasa.



- kedua-dua belah pihak boleh memberikan pendapat atau pandangan masing-masing
- bersifat tidak formal
- berbual tentang perkara-perkara yang tidak berat



- wawancara (formal)
- perbincangan topik (formal)
- perbualan telefon (tidak formal)



2. Contoh Karangan
A. Dialog - Wawancara

Perhatikan contoh perbualan di bawah.
Anda seorang pemberita dari Majalah Prihatin. Anda ditugasi untuk mewawancara seorang pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya telah ditugaskan untuk bertemu ramah En. Mohan, pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berikut ialah perbualan saya dengan En. Mohan. Pemberita : Selamat pagi, Encik Mohan. Saya Mei Lan, pemberita Majalah Prihatin.	Pendahuluan
En. Mohan : Selamat pagi. Silakan duduk.	Kata Pelawaan
Pemberita : Terima kasih. Tujuan saya datang ini adalah untuk menemu ramah encik tentang kegiatan sumbang mahram. Apakah pendapat encik tentang perkara ini?	Tujuan + Soalan 1
En. Mohan : Masyarakat pada keseluruhannya menerima bahawa sumbang mahram ialah perbuatan keji yang memalukan. Dari segi hukuman, negara ini telah melakukan langkah yang sewajarnya dengan mengenakan hukuman berat.	Jawapan Soalan 1
Pemberita : Pihak kerajaan berkewajipan untuk melaksanakan hukuman, dan bagaimanakah pula peranan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan anggota masyarakat dalam hal ini?	Soalan 2
En. Mohan : Kita tidak boleh mengharapkan bulat-bulat daripada pihak kerajaan untuk membanteras masalah ini. Pihak NGO dan anggota masyarakat seharusnya bersifat prihatin dan penyayang kepada mangsa-mangsa sumbang mahram ini. Mangsa-mangsa ini perlu dipulihkan jiwa mereka daripada trauma ini.	Jawapan Soalan 2



Pemberita : Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menangani masalah ini?

Soalan 3

En. Mohan : Dalam hal ini, program ke arah pendidikan keibubapaan haruslah dimantapkan dari semasa ke semasa di semua peringkat, baik dalam sektor sosial mahupun sektor ekonomi. Selain itu, penerapan nilai-nilai keagamaan dan moral dari setiap ruang haruslah diperluas. Masyarakat wajar memainkan peranan penting untuk mengurangkan gejala sosial ini. Di samping itu, kita perlu menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan sumbang mahram.

Jawapan Soalan 3

Pemberita : Sebelum saya mengakhiri sesi wawancara ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Mohan kerana sudi diwawancara.

En. Mohan : Sama-sama.

Temu ramah ini tamat pada pukul 11.30 pagi. Selepas itu, saya balik ke pejabat untuk mengemas kini maklumat-maklumat yang dicatatkan.

Penutup

B. Dialog - Perbincangan Topik

Perhatikan contoh perbualan antara dua orang pelajar yang membincangkan keamanan dan kesejahteraan di Malaysia.

Pada hari itu, ketika di perhimpunan sekolah guru disiplin telah membincangkan kepentingan hidup bersatu padu dan tolong-menolong. Perkara yang sama telah dibincangkan oleh dua orang pelajar ketika berada di dalam bas sewaktu mereka pulang dari sekolah.



Hassan : Kim Seng, kamu masih ingat apa-apa yang disampaikan oleh Cikgu Cheong pada pagi tadi?

Kim Seng : Ya, saya masih ingat. Pada pagi tadi Cikgu Cheong menerangkan kepentingan hidup bersatu padu dan tolong-menolong.





Hassan : Kita mestilah bersyukur kerana negara kita ini aman sejahtera. Rakyat Malaysia tidak pernah berbalah hingga menggoncangkan keamanan negara. Itulah berkat perpaduan rakyat Malaysia.

Kim Seng: Ya, betul. Kini, negara kita dihormati dan disanjungi di peringkat antarabangsa.

Hassan : Bukan itu sahaja Kim Seng, negara kita telah menjadi negara model kepada negara-negara membangun dan maju yang lain. Saya berbangga menjadi warganegara Malaysia.

Kim Seng: Saya juga.

Hassan : Kim Seng. Saya sudah sampai. Saya pulang dulu, ya. Jumpa esok.

Kim Seng: Ya Hassan. Jumpa pagi esok .

Hassan Kim Seng



C. Dialog - Perbualan Telefon

Perhatikan contoh perbualan telefon di bawah antara anda dengan seorang pegawai Jabatan Pendaftaran Negara.

Ainan : Helo, selamat pagi. Adakah itu Jabatan Pendaftaran Negara?

Pegawai : Selamat pagi. Ya, di sini ialah Jabatan Pendaftaran Negara. Bolehkah saya bantu saudari?

Ainan : Saya ingin bertanya tentang cara-cara untuk memohon Mykad. Bolehkah encik jelaskan kepada saya dokumen-dokumen yang perlu saya bawa semasa mengemukakan permohonan saya?

Pegawai : Boleh. Saudari perlu membawa surat beranak asal ke mana-mana Jabatan Pendaftaran yang berhampiran. Saya menasihati saudari supaya datang lebih awal.

Ainan : Oh, begitu rupanya. Adakah saya perlu membawa gambar berukuran pasport?

Pegawai : Tidak perlu. Kami telah menyediakan perkhidmatan mengambil gambar untuk Mykad.

Ainan : Terima kasih.

Pegawai : Sama-sama.



LATIHAN

A. Menyusun Perenggan Perbualan

Susun perbualan di bawah supaya menjadi satu perbualan yang lengkap. Salin perbualan tersebut ke dalam buku latihan anda.

Perbualan anda dengan seorang penjual tiket bas di kaunter tiket.

1.Taufik : Terima kasih encik. Ini wang RM84.00

2.Penjual tiket : Terima kasih. Saya mengucapkan selamat menikmati keselesaan perkhidmatan bas kami. Semoga encik selamat sampai di kampung halaman.



3.Taufik : Selamat petang, encik.

4.Penjual tiket : Encik, sila tunggu sebentar .
(penjual tiket sedang menyemak senarai penumpang)
Encik, tiket bas ke Kangsar untuk jam 9.30 pagi esok sudah habis dijual, namun tiket untuk jam 10.45 esok malam masih ada.

5.Taufik : Kalau begitu, berikan saya tiga tiket ke Kangsar untuk jam 10.45 malam esok. Kalau boleh tempatkan kami di kerusi bahagian tengah-tengah bas.

6.Penjual tiket : Selamat petang. Bolehkah saya bantu encik?

7.Taufik : Encik, saya ingin bertanya sama ada tiket ke Kangsar pada pagi esok masih ada dijual?

8.Penjual tiket : Sila tunggu sebentar encik. Encik, ini tiket yang encik minta sebentar tadi. Semuanya berjumlah RM 84.00.



B. Mengarang Karangan Perbualan

Pilihlah salah satu tajuk di bawah kemudian buat satu karangan perbualan. Panjang karangan perbualan anda haruslah antara 120 hingga 150 patah perkataan.

1. Perbualan antara seorang ibu dengan anaknya tentang kelas tambahan di sekolah.
2. Perbualan antara seorang bapa dengan anaknya yang membincangkan aktiviti perkhemahan yang akan disertai oleh anaknya.
3. Perbualan antara rakan sekelas tentang rancangan pada cuti akhir tahun.
4. Perbualan anda dengan guru tentang kehilangan dompet anda.

C. Mengarang Berpandukan Peta Minda

Berdasarkan peta minda di bawah buatlah satu karangan wawancara antara anda dengan pegawai pertanian tentang sambutan terhadap buah-buahan tempatan. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.







1. Kata Tugas - Kata Bantu

Para pelajar yang disayangi, unit ini akan memperkenalkan dua tajuk tatabahasa untuk pengetahuan anda. Semoga segala keterangan yang disampaikan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya.

kata Bantu

Kata Bantu ialah perkataan yang digunakan untuk menerangkan Kata Kerja yang terletak selepasnya.

Jenis-jenis Kata Bantu

KATA BANTU

- **KATA BANTU ASPEK**
  menerangkan masa yang berbeza
- **KATA BANTU RAGAM**
  menerangkan ragam perasaan

A. Kata Bantu Aspek

Definisi
Bertujuan untuk menerangkan sesuatu perbuatan atau Kata Kerja dari segi masa yang berbeza.



Bentuk-bentuk Kata Bantu Aspek

masa kini
sedang
masih

masa lampau
sudah
telah
pernah

masa hadapan
akan
belum

Untuk memahami definisi Kata Bantu Aspek, di bawah diterakan contoh penggunaan Kata Bantu Aspek.

Contoh Penggunaan Kata Bantu Aspek

Bil.	Jenis Masa	Penggunaan Kata Bantu Aspek		
1.	masa lampau (perbuatan masa lampau)	sudah berlepas sudah berpisah sudah dijahit	telah dihantar telah disiapkan telah bergerak	pernah datang pernah meletus pernah dikerjakan
2.	masa kini (perbuatan yang dijalankan pada masa itu)	sedang melakar sedang dicas sedang disusun	masih dibuat masih ingat masih mengecil	
3.	masa hadapan (perbuatan yang belum dilakukan)	akan tiba akan menjadi akan dibina	belum diterima belum bersesuaian belum menyusu	

Peringatan!

- Sesetengah Kata Bantu Aspek boleh hadir bersama-sama sebelum perbuatan atau Kata Kerja.
- Kata Bantu tersebut iaitu;
  1. belum pernah
  2. sudah pernah
  3. telah pernah
  4. masih belum
  5. masih sedang



Contoh Binaan Kata Bantu Aspek Berbentuk Bersama-sama

Bil.	Bentuk Kata Bantu Aspek	Contoh Kegunaan
1.	belum pernah	belum pernah bertemu belum pernah memohon belum pernah berlawan
2.	sudah pernah	sudah pernah melamarnya sudah pernah dikahwinkan sudah pernah diratakan
3.	telah pernah	telah pernah datang telah pernah dibuli telah pernah ditegur
4.	masih belum	masih belum dilaksanakan masih belum sampai masih belum dimandikan
5.	masih sedang	masih sedang disiapkan masih sedang dirancang masih sedang meracau



LATIHAN

A. Memasukkan Kata Bantu Aspek ke dalam Ayat

Masukkan Kata Bantu Aspek di tempat yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

1. Pengurusnya menerangkan kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh Mary.(sedang)
2. Dia meninggalkan tempat ini pada pagi semalam.(sudah)
3. Bas yang membawanya tiba sebentar tadi.(telah)
4. Adakah Ikhwan mengisi borang permohonan jawatan tersebut?(pernah)
5. Nenek Wong bersantai di bawah pohon rambutan.(sedang)
6. Hidung adik berhingus walaupun sudah diberi ubat selesema.(masih sedang)
7. Akhirnya ayah dan ibu berangkat ke Tanah Suci pada minggu depan.(akan)
8. Walaupun ditegur beberapa kali, dia membetulkan kesalahan yang terdapat dalam buku karangannya.(belum)
9. Jentolak pengangkut pasir itu digunakan untuk mendalamkan sungai ini.(telah pernah)
10. Kakak Mei Ling berada di dalam tandas sejak lima minit tadi.(masih)





B. Membina Rangkai Kata dengan Menggunakan Kata Bantu Aspek

Bina beberapa rangkai kata yang menggunakan Kata Bantu Aspek yang diberi. Gunakan ruangan yang disediakan untuk mengisi jawapan anda.

Bil.	Kata Bantu Aspek	Binaan Rangkaian Kata	
1.	telah		
2.	masih		
3.	akan		
4.	sedang		
5.	sudah		
6.	pernah		
7.	belum		

Kata Bantu

B. Kata Bantu Ragam

Definisi
Kata Bantu Ragam bertugas untuk menerangkan ragam perasaan yang berkaitan dengan perbuatan atau Kata Kerja yang dilakukan.

Bentuk-bentuk Kata Bantu Ragam

mesti melakukan
mesti
harus

berkemungkinan melakukan
dapat
boleh

hendak melakukan
hendak
mahu



Di bawah ini disenaraikan beberapa contoh penggunaan Kata Bantu Ragam.

Contoh Binaan Kata Bantu Ragam

Bil.	Kata Bantu Ragam	Pembinaan Kata Bantu Ragam	
1.	mesti melakukan	mesti keluar mesti mencemuh mesti melalut	harus dibantu harus menangis harus cepat
2.	hendak melakukan	hendak masuk hendak meluat hendak disisihkan	mahu bekerja mahu menonton mahu mandi
3.	berkemungkinan melakukan	dapat pulang dapat dikembalikan dapat diselamatkan	boleh bertolak boleh dikirim boleh diuli

Peringatan!

Selain itu, Kata Bantu Ragam juga boleh hadir secara bersama-sama sebelum Kata Kerja.
Kata Bantu Ragam tersebut dapat dilihat seperti contoh di bawah.

Contoh Binaan Kata Bantu Ragam Berbentuk Bersama-sama

Bil.	Bentuk Kata Bantu Ragam	Contoh Binaan
1.	harus mahu	harus mahu merasai harus mahu dimulakan
2.	mesti mahu	mesti mahu disiapkan mesti mahu dilengkapi
3.	harus dapat	harus dapat menyelesaikan harus dapat dicukupi
4.	mesti dapat	mesti dapat diselenggarakan mesti dapat menyesuaikan

LATIHAN

A. Memasukkan Kata Bantu Ragam dalam Ayat

Masukkan Kata Bantu Ragam di tempat yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

1. Dia tidak datang ke majlis ulang tahun penubuhan sekolah pada malam nanti. (dapat)
2. Muniar mendapat izin terlebih dahulu daripada ayahnya sebelum pergi ke pekan. (harus)
3. Kita menyahut seruan kerajaan. (mesti mahu)
4. Setiap projek dikerjakan oleh pemaju dengan segera. (mesti dapat)
5. Cikgu Aizil menyiapkan kerjanya terlebih dahulu sebelum pulang. (mahu)
6. Aiman tidak bersikap kasar di depan ibunya. (harus)
7. Abang belayar ke England pada minggu depan. (hendak)
8. Tawaran itu dimilikinya sebelum bulan Julai. (harus dapat)
9. Sulaiman menggunakan komputer ini untuk membuat kerjanya. (boleh)
10. Ainon bercita-cita melanjutkan pelajarannya ke universiti. (hendak)





B. Soalan Objektif

Jawab soalan-soalan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat.

1. Ibu Mary .... menjahit bajunya apabila dia balik dari sekolah.
   A. harus   B. mahu   C. boleh   D. sedang

2. Adiknya .... belum bangun daripada tidurnya walaupun dikejutkan beberapa kali.
   A. masih   B. hendak   C. akan   D. sudah

3. Kamu .... berusaha untuk mencapai cita-cita kamu mulai sekarang.
   A. telah   B. pernah   C. harus   D. dapat

4. Pada hari Sabtu ini, Kumari berserta keluarganya .... berkelah ke Pantai Teluk Batik.
   A. belum   B. akan   C. harus   D. boleh

5. Pak Hamid .... pergi ke Singapura sepanjang hidupnya.
   A. masih sedang   B. mesti dapat   C. belum pernah   D. masih dapat

6. Kedua-dua pasangan mempelai itu .... berbulan madu ke Australia.
   A. pernah   B. akan   C. mesti   D. harus

7. Budak-budak itu .... dikejar oleh seekor anjing peliharaan Encik Muthu pada petang semalam.
   A. hendak   B. boleh   C. belum   D. telah



8. Kerja itu .... disiapkan oleh Muthu sejam yang lalu.
   A. masih sedang   B. harus dapat   C. telah pernah   D. harus mahu

9. Ali .... menjadi juara beberapa kali dan dia berazam untuk mempertahankannya.
   A. telah   B. belum   C. boleh   D. mesti

10. Anak-anak kucingnya .... diberi makanan oleh ibunya .
    A. sedang   B. dapat   C. mahu   D. mesti



2. Imbuhan Akhiran -an

Akhiran -an

Definisi
Akhiran -an merupakan satu-satunya akhiran Kata Nama. Apabila imbuhan -an bergabung dengan Kata Dasar, Akhiran -an tidak melibatkan sebarang perubahan huruf.

Akhiran -an

Contoh Binaan Imbuhan Akhiran -an

Bil.	Kata Dasar	Kata Dasar + Akhiran -an	Kata Terbitan
1.	hadap	hadap + an	hadapan
2.	kumpul	kumpul + an	kumpulan
3.	ajak	ajak + an	ajakan
4.	gilir	gilir + an	giliran
5.	hari	hari + an	harian
6.	pandu	pandu + an	panduan



Akhiran -an



LATIHAN

A. Menambah Akhiran -an

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan menambah Akhiran -an pada perkataan-perkataan yang sesuai.

Bil.	Binaan Ayat	Binaan Perkataan
1.	Bahan baca di rumahnya sungguh menarik hati.	
2.	Tuntut ganti rugi atas kerosakan kebun sayur-sayuran belum diterima lagi.	
3.	Telefon bimbit merupakan alat hubung yang terbaharu.	
4.	Budak itu mempunyai tulis yang kemas dan bersih.	
5.	Dia mengemukakan pelbagai alas yang tidak munasabah.	
6.	Binatang-binatang bela di Zoo Negara sungguh banyak.	
7.	Janganlah ganggu fikirnya pada masa sekarang.	
8.	Mereka mendiami rumah tumpang itu sejak setahun yang lalu.	
9.	Sayup-sayup kedengaran pada tengah-tengah malam, tangis bayi.	
10.	Ratap ibu tua itu menyayat hati anaknya yang akan belayar. 	





B. Mengisi Tempat Kosong dengan Kata Berakhiran -an

Isi tempat kosong dengan perkataan berakhiran -an yang paling sesuai.

1. Banyak ....diperlukan oleh mangsa-mangsa gempa bumi di Pulau Nias, Indonesia.
2. Beberapa orang pemuda sedang berdiri di ....rumahnya.
3. Penduduk kampung telah dibahagi kepada beberapa............
4. ....pertama novel Sehari di Hujung Desa laris terjual.
5. Jangan cepat mempercayai ....orang yang tidak dikenali.
6. Sebelum berjumpa dengan doktor, sila ambil nombor.........anda.
7. Kehidupan.........penduduk Jeram Tunggal sentiasa dirundung kegelisahan.
8. Baca buku...........yang disediakan sebelum mengisi borang tersebut.
9. Pelbagai ....telah ditempuh oleh mereka sebelum sampai di puncak gunung itu.
10. Para tetamu telah dihidangkan ....daripada masyarakat kaum Iban.

3. Binaan Ayat Aktif dan Ayat Pasif - Pengenalan

Definisi Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Ayat Aktif

* *Ayat Aktif ialah ayat yang mengandungi Kata Kerja berimbuhan meN-, meN-...-kan, meN-...-i, mempeR-, mempeR-...-i, mempeR-...-kan dan teR-.*
* *Setiap Ayat Aktif haruslah mengandungi pelaku yang terdiri daripada Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama, Orang Kedua atau Orang Ketiga dan objeknya sebagai penerima perlakuan.*

Ayat Pasif

* *Ayat Pasif ialah ayat yang mengandungi Kata Kerja berimbuhan di-, di-...-kan, di-... -i, dan teR-.*
* *Ayat Pasif mengandungi Kata Sendi 'oleh' selepas Kata Kerja dalam Ayat Pasif yang menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga.*
* *Ayat Pasif mengandungi Kata Kerja yang tidak mendapat sebarang imbuhan awalan dalam Ayat Pasif yang menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Orang Kedua.*
* *Ayat Pasif merupakan kebalikan daripada binaan Ayat Aktif Transitif yang mengandungi objek (Kata Nama) selepas Kata Kerja.*





Adakah pelajar masih ingat akan pelajaran imbuhan awalan di- yang diajar di Junior Satu? Ha, pasti anda sudah lupa! Pelajaran yang lalu berhubungan dengan pelajaran yang akan kita pelajari selanjutnya.

Contoh Binaan Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Bil.	Binaan Ayat Aktif	Binaan Ayat Pasif
1.	*Menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama* a. ***Saya*** sedang menulis sepucuk surat. b. ***Kita*** harus mengisi masa dengan tepat. c. ***Kami*** mesti melaporkan perkara itu kepada guru.	*Binaan Ayat Pasif untuk Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama* a. Sepucuk surat sedang ***saya tulis***. b. Masa harus ***kita isi*** dengan tepat. c. Perkara itu mesti ***kami laporkan*** kepada guru.
2.	*Menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua* a. ***Anda*** perlu memakai tali pinggang keselamatan semasa menaiki kereta. b. ***Kalian*** harus menyiapkan kerja ini dengan segera. c. ***Kamu*** sudah mengepos surat saya?	*Binaan Ayat Pasif untuk Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua* a. Tali pinggang keselamatan perlu ***anda pakai*** semasa menaiki kereta. b. Kerja ini harus ***kalian siapkan*** dengan segera. c. Surat saya sudah ***kamu pos***?
3.	*Menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga* a. ***Nenek*** sedang menyalakan pelita minyak di dapur. b. ***Doktor Ainon*** telah merawat orang tua itu. c. ***Mereka*** akan menghadiri majlis pada malam nanti.	*Binaan Ayat Pasif untuk Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga* a. Pelita minyak sedang ***dinyalakan*** oleh nenek di dapur. b. Orang tua itu telah ***dirawat oleh*** Doktor Ainon. c. Majlis itu akan ***dihadiri oleh*** mereka pada malam nanti.

Dapatkah para pelajar memahami serba sedikit bentuk-bentuk Ayat Aktif dan Ayat Pasif? Kalau belum, cuba bertanya kepada guru anda.

Di sebelah diberikan beberapa latihan yang berhubungan dengan pemahaman bentuk-bentuk Ayat Aktif dan Ayat Pasif.






LATIHAN

A. Mengenal Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Tandakan (✓) sama ada ayat-ayat di bawah ini Ayat Aktif atau Ayat Pasif.

Bil.	Binaan Ayat	Ayat Aktif	Ayat Pasif
1.	Ali menarik lembunya masuk ke dalam kandang.		
2.	Novel itu aku pinjam daripada Zaidi.		
3.	Ibu sedang menyiram bunga di taman.		
4.	Kesalahan orang lain tidak perlu kita cari.		
5.	Pena saya dipatahkan oleh Maniam.		
6.	Liu Junn menghadiahkan sejambak bunga kepada kekasihnya.		
7.	Tugas itu patut kamu laksanakan dengan cepat.		
8.	Anda akan menyiapkan lukisan itu bila?		
9.	Guru telah memberikan jawapan Matematik itu.		
10.	Ikan cencaru itu disiangnya dengan sebilah pisau yang tajam.		





B. Menukar Ayat Aktif kepada Ayat Pasif

Tukarkan Ayat-ayat Aktif di bawah menjadi Ayat-ayat Pasif.

Bil.	Binaan Ayat Aktif	Binaan Ayat Pasif
1.	Kumari dan Swee Ling telah menonton wayang seram semalam. 	
2.	Kereta itu telah melanggar seekor anjing kurus.	
3.	Dia selalu memboncengkan adiknya ke sekolah.	
4.	Pegawai Kebajikan Masyarakat membantu penduduk kampung yang miskin.	
5.	Pasukan Perhilitan telah menembak tiga ekor anjing liar.	
6.	Eflee telah melukis suatu pemandangan pada dinding bilik tidurnya.	
7.	Ibu sedang mengajar adik berjalan.	
8.	Aku tidak akan mengulangi perbuatan itu.	
9.	Kalian perlu mengawasi gerak-gerinya di sekolah.	
10.	Kamu tidak harus membazirkan wang di tempat-tempat yang tidak berfaedah.	







1. Merumuskan Bahan Grafik - Pengenalan

Dalam Unit 5 di Junior Satu, anda telahpun diperkenalkan secara umum Merumuskan Bahan Grafik. Namun cikgu yakin bahawa banyak pelajar yang masih kurang jelas teknik-teknik menjawab soalan tersebut.

1. Tujuan soalan Rumusan disediakan adalah untuk ***menguji kebolehan*** dan ***kemampuan*** pelajar-pelajar dalam;
   a. mengenali bahan yang disampaikan
   b. memahami dan mengenal pasti Isi-isi Tersurat yang terdapat dalam bahan tersebut
   c. menyampaikan pendapat tentang Isi-isi Tersirat yang terdapat dalam bahan tersebut


2. Setiap rumusan mestilah mengandungi empat perkara iaitu;
   a. **Pendahuluan**
   b. **Isi-isi Tersurat**
   c. **Isi-isi Tersirat**
   d. **Penutup atau Kesimpulan**

3. Jumlah perkataan rumusan bergantung pada arahan yang terdapat dalam soalan tersebut.

4. Setiap rumusan haruslah disusun dalam empat perenggan yang mewakili;
   a. Perenggan Pendahuluan - satu perenggan dan dibina dalam satu ayat sahaja
   b. Perenggan Isi Tersurat - satu perenggan sahaja
   c. Perenggan Isi Tersirat - satu perenggan sahaja
   d. Perenggan Penutup - satu perenggan dan dibina dalam satu ayat sahaja

2. Bentuk-bentuk Rumusan Bahan Grafik

Di bawah disenaraikan bentuk bahan-bahan grafik yang akan anda pelajari. Namun dalam unit ini Graf Garisan akan diperkenalkan kepada anda.




3. Panduan Merumuskan Graf Garisan

Sebelum pelajar mula menulis rumusan, terdapat beberapa perkara yang harus ditekankan oleh pelajar.

Perkara-perkara tersebut iaitu;

a. Apakah persoalan utama yang diminta untuk anda selesaikan?
b. Berapakah jumlah perkataan rumusan yang perlu anda sediakan?
c. Bagaimanakah cara-caranya untuk membuat suatu rumusan yang baik?
d. Apakah perkara-perkara yang perlu anda cari daripada Graf Garisan tersebut?



Panduan Merangka Rumusan Bahan Grafik

	Binaan	Langkah-langkah yang perlu Diambil
	Pendahuluan	✓ Umumnya diperoleh daripada arahan soalan dan tajuk bahan grafik. ✓ Mengambil kata kunci yang terdapat dalam arahan atau tajuk bahan grafik. ✓ Dibina dengan cara: "Graf garisan ini menunjukkan..............." ✓ Pendahuluan harus disusun dalam satu perenggan dan dibina dalam satu ayat.
	Isi-isi Tersurat	✓ Data-data diambil daripada bahan grafik yang disediakan.
	Isi-isi Tersirat	✓ Lihat kata kunci yang terdapat dalam arahan soalan. ✓ Jika arahan soalan tidak dinyatakan dengan jelas perkara-perkara yang perlu anda rumus, anda bolehlah membincangkan salah satu daripada perkara di bawah. Perkara-perkara yang dibincangkan kelak haruslah bersesuaian dengan bahan grafik yang disediakan. ✓ Perkara-perkara itu merangkumi; a. cara-cara mengatasi b. sebab-sebab c. kebaikan-kebaikan d. kesan-kesan ✓ Harus disusun dalam satu perenggan.


<table>
<tr><td></td><td></td><td>Panduan Menyediakan Jumlah
Isi-isi Tersurat dan Isi-isi Tersirat

<table><tr><td>Tersurat</td><td>6</td><td>5</td><td>4</td><td>3</td><td>2</td></tr><tr><td>Tersirat</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td><td>6</td></tr></table></td></tr>
<tr><td></td><td>Penutup/Kesimpulan</td><td>✓ Harus disusun dalam satu perenggan dan dibina dalam satu ayat.
Dibina dengan cara;
Kesimpulannya, ... agar/supaya ....

✓ Anda diminta untuk menyatakan cadangan/harapan/pendapat. Kesimpulan yang akan anda sampaikan itu tidak terkandung dalam Isi-isi Tersurat atau Isi-isi Tersirat.</td></tr>
</table>

Soalan

Perhatikan graf garisan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang bilangan pelajar Sekolah Tinggi Pui Nam ketika berbasikal ke sekolah. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.






Panduan Membuat Rumusan

Pendahuluan
Graf garisan menunjukkan bilangan pelajar yang berbasikal ke Sekolah Tinggi Pui Nam dari tahun 1999 hingga tahun 2003.


Isi-isi Tersurat	Isi-isi Tersirat
a. Ditinjau bahawa pada tahun 2000 dan tahun 2002, jumlah pelajar berbasikal ke sekolah telah mencatat bilangan yang tertinggi, iaitu 60 orang.	a. Semasa berbasikal pelajar perlu menghindari sikap suka bergurau senda.
b. Pada tahun 1999, bilangan pelajar yang berbasikal ke sekolah adalah terendah, iaitu seramai 35 orang.	b. Undang-undang jalan raya harus dipatuhi agar maut tidak diundang.
c. Bilangan pelajar berbasikal pada tahun 2001 dan tahun 2003 adalah masing-masing 50 orang dan 40 orang.	c. Sikap suka beriringan ketika berbasikal haruslah dielakkan.
	d. Faktor untuk menunjukkan jaguh di jalan raya hendaklah diketepikan.
	e. Pada tahun 2003, bilangan pelajar yang berbasikal telah menurun sebanyak 33.3 peratus berbanding dengan tahun 2002.
	f. Perbezaan antara bilangan yang tertinggi dan terendah lebih kurang 42 peratus.

Penutup/Kesimpulan
Kesimpulannya, para pelajar hendaklah memikirkan keselamatan ketika berbasikal ke sekolah supaya mereka tidak terbabit dalam kemalangan.




LATIHAN

1. Kaji graf garisan di bawah dengan teliti. Buat satu rumusan tentang jumlah simpanan Baiduri sepanjang tahun 2004. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



2. Perhatikan graf garisan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.







Dengar puisi tradisional di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan kefahaman yang disediakan.



Kamus Kaki

1. memukat:
   menjala 撒网
2. sengketa:
   pergaduhan 争执
3. berkat:
   rahmat 幸福的

Pantun Empat Kerat

Orang **memukat**[1] di Teluk Sepat,
cuaca gelap beransur terang;
kalau muafakat tiada didapat,
sengketa[2] kerap membawa perang.

Burung merbah hinggap di dahan,
sayapnya luka *terkena jerat*;
kekalkan muhibah sesama jiran,
jiran sepakat *membawa* **berkat**[3].

Terbang jatuh burung kedidi,
kaki patah perlu dirawat;
lihat contohnya seperti lidi,
apabila bersatu menjadi kuat.

Patah daun patahlah ranting,
tin dipukul menakutkan;
bekerjasama sangatlah penting,
jangan dikira walau *di mana gerangan*.

(dipetik daripada Didik 2004)

Maksud Puisi

Rangkap 1 :
Kegagalan bersatu padu membawa keburukan.

Rangkap 2 :
Sikap saling menghormati jiran tetangga dapat melahirkan masyarakat yang bahagia dan mesra.

Rangkap 3 :
Semangat kerjasama antara satu sama lain amat penting untuk membina masyarakat yang kuat.

Rangkap 4 :
Semangat kerjasama tidak mengira masa dan tempat.

Maksud Rangkai Kata

1. terkena jerat :
   termasuk perangkap 掉入陷井
2. walau di mana gerangan :
   berada di mana-mana sahaja 在任何地方

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah menyemarakkan hubungan jiran tetangga.
2. Kita patut mengamalkan semangat bekerjasama sepanjang kehidupan kita.





Soalan Kefahaman

1. Apakah yang akan berlaku jika masyarakat tidak bermuafakat?
   A. mereka akan mengalami kesusahan
   B. setiap anggota masyarakat akan mementingkan diri sendiri
   C. masyarakat akan menjadi kucar-kacir
   D. tiada apa-apa akan berlaku

2. Bagaimanakah caranya untuk membentuk masyarakat yang muhibah?
   A. Anggota masyarakat mestilah herdik-mengherdik.
   B. Anggota masyarakat saling bertukar makanan.
   C. Anggota masyarakat mestilah sehati dan sengketa.
   D. Anggota masyarakat mestilah bertolak ansur.

3. Di manakah semangat kerjasama mesti diamalkan?
   A. di depan orang ramai
   B. di belakang orang ramai
   C. di mana-mana sahaja
   D. di tempat yang sesuai

4. Apakah perkataan yang sesuai untuk menggantikan perkataan yang bergaris di bawah?
   Sengketa *kerap* ***membawa perang***
   A. jenuh
   B. selalu
   C. akhirnya
   D. pasti

5. Apakah benda yang digunakan sebagai lambang perpaduan?
   A. burung merbah
   B. seberkas lidi
   C. tin
   D. daun



CATATAN

UNIT 3:
SEGAN BERTANYA SESAT JALAN





MEMBACA DAN MEMAHAMI

Dua orang budak lelaki sedang berjalan perlahan-lahan di sebatang jalan raya di sebuah **kawasan perumahan**[1]. Mereka melihat ke arah kiri dan ke arah kanan jalan sambil melihat sehelai kertas yang dipegang oleh salah seorang daripada mereka.

Joe : Macam mana ni Lim? Nampaknya kita telah **tersesat**[2] .

Lim : Betullah! Apa hendak kita buat sekarang?

Joe : Bagaimana kalau kita bertanyakan arah daripada lelaki tua itu?

Lim : Itu **cadangan**[3] yang baik, lagipun kita sudah mencari rumah Cikgu Maimunah selama setengah jam. Otak saya pun telah menjadi **otak beku**[4].

Joe : Ya. Mungkinkah Ah Meng memberi kita alamat yang salah ?

Lim : Mungkin juga! Dia menulis alamat itu dengan **tergesa-gesa**[5] semalam. Nasib baik kita ini **panjang akal**[6]. Marilah kita bertanya kepada orang tua itu.

Joe : Baiklah, mari kita ke sana.

Lim : Selamat petang pak cik. Bolehkah kami bertumpang tanya?



Kosa Kata

1. **kawasan perumahan:** kawasan tempat tinggal 住宅区
2. **tersesat:** tersilap jalan 迷路
3. **cadangan:** usul/saranan 建议
4. **otak beku:** buntu 迟钝
5. **tergesa-gesa:** terburu-buru 匆匆忙忙
6. **panjang akal:** cerdik 聪明





Orang Tua : Selamat petang, ada apa-apa yang boleh pak cik bantu?

Joe : Saya Joe. Ini kawan saya, Lim. Kami sedang mencari rumah cikgu kami, Cikgu Maimunah. Mengikut alamat yang diberikan, rumah cikgu kami bernombor 36 di Lorong Pauh Satu, tetapi kami dapati rumah tersebut **dihuni**[7] oleh sebuah keluarga berbangsa Cina.

Orang Tua : Begitu rupanya! Apakah sebab anak-anak hendak mencari rumahnya?

Lim : Sebenarnya kami **mewakili**[8] pelajar kelas kami datang untuk melawat Cikgu Maimunah tetapi kami tersesat pula. Beliau baru sahaja melahirkan **anak sulung**[9]nya.

Orang Tua : Nampaknya anak-anak sedang mencari orang di rumah bernombor 56. Dia seorang guru dan baru pula **bersalin**[10] pada minggu lepas.

Joe : Betul? Nampaknya kami dah dapat alamat **rumah yang betul**. Nasib baik kami tanya pak cik. Terima kasih banyak-banyak, pak cik.

Orang Tua : Begitulah anak-anak, bak kata pepatah ' **segan**[11] bertanya, sesat jalan '.

Lim : Terima kasih, pak cik. Nasib baik pak cik **sudi**[12] menolong kami. Kalau tidak, kami akan tersesat hari ini.


Orang Tua : Sama-sama, nak.

Kosa Kata

7. **dihuni:**
   didiami
   居住
8. **mewakili:**
   menjadi ganti bagi
   代表
9. **anak sulung:**
   anak yang pertama
   第一个孩子
10. **bersalin:**
    melahirkan anak
    生产
11. **segan:**
    berasa malu
    害羞
12. **sudi:**
    sanggup
    愿意







A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah nombor rumah Cikgu Maimunah yang betul?
   A. 36
   B. 46
   C. 56
   D. 64

2. Siapakah yang menulis alamat rumah Cikgu Maimunah?
   A. Joe
   B. Lim
   C. Ah Meng
   D. orang tua

3. Berapa orangkah yang terlibat dalam perbualan itu?
   A. dua orang
   B. tiga orang
   C. empat orang
   D. lima orang

4. Frasa 'alamat rumah yang betul' dalam dialog itu merujuk pada rumah siapa?
   A. rumah Cikgu Maimunah
   B. rumah orang tua itu
   C. rumah Joe
   D. rumah Ah Meng

5. Antara berikut yang manakah **bukan** nilai-nilai murni yang dapat kita pelajari daripada petikan dialog itu?
   A. berbudi bahasa
   B. baik hati
   C. menghargai jasa
   D. rajin





B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Lim dan Joe hendak pergi ke mana?
2. Apakah yang telah terjadi kepada kedua-dua orang budak lelaki itu?
3. Bagaimanakah masalah yang dihadapi oleh mereka dapat diatasi?
4. Mengapakah mereka mendapat alamat yang salah?
5. Pada pendapat anda, adakah mereka berjaya menemui rumah Cikgu Maimunah?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

perumahan	: pe + ru + ma + han	melahirkan	: me + la + hir + kan
cadangan	: ca + da + ngan	pepatah	: pe + pa + tah
bernombor	: ber + nom + bor	bertumpang	: ber + tum + pang
tersesat	: ter + se + sat	keluarga	: ke + luar + ga
didiami	: di + dia + mi	maimunah	: mai + mu + nah







1. Dengar berita yang dimainkan kemudian jawab soalan-soalan berkaitan dengan petikan tersebut.

LATIHAN

1. Apakah kejadian yang berlaku?
2. Di manakah kejadian itu berlaku?
3. Bilakah kejadian itu berlaku?
4. Nyatakan tiga pihak yang terlibat dalam usaha mencari budak itu.
5. Bagaimanakah keadaan kanak-kanak itu semasa dia ditemui?
6. Dengan siapakah kanak-kanak itu berada ketika dia ditemui?

2. Andaikan anda ialah pelajar baharu di sekolah anda. Anda dijemput oleh kawan baharu anda untuk menghadiri jamuan hari jadinya. Dengan menggunakan kaedah 5W1H, kumpulkan maklumat tentang jamuan hari jadi tersebut dalam bentuk dialog. Kemudian tuliskan dan lakonkan dialog tersebut.





1. Pengukuhan Kosa Kata daripada petikan yang dibaca



LATIHAN

A. **Bina satu ayat bagi setiap patah perkataan di bawah ini dengan menggunakan tidak kurang daripada enam patah perkataan.**

Perkataan	Ayat
tersesat	
kawasan	
cadangan	
menemukan	
mewakili	
alamat	
tergesa-gesa	
dihuni	
pepatah	
segan	



B. Lengkapkan petikan di bawah ini dengan menggunakan perkataan-perkataan yang terdapat dalam latihan bina ayat di sebelah.

Pada minggu lepas, Zainol dan Karim telah memasuki hutan belukar di belakang kampung mereka. Mereka ke sana untuk mencari spesimen bagi projek sains mereka. Keinginan memasuki hutan itu atas .... kawan sekelas. Sebelum ini rakan mereka telah mendakwa bahawa dia .... sejenis tumbuhan yang ganjil.

Sebenarnya Zainol dan Karim agak takut untuk masuk ke dalam hutan itu. Mereka mendapat tahu bahawa hutan itu .... oleh beberapa jenis binatang buas. Namun demikian, Karim dan Zainol menguatkan hati untuk pergi ke situ, kerana .... digelar penakut oleh kawan-kawan.



Apabila sampai sahaja di .... hutan itu, mereka pun .... mencari tumbuhan yang sesuai untuk dijadikan bahan projek sains. Setelah mendapat bahan yang dicari, dengan segera mereka pun keluar dari hutan itu. Bak kata ...., malang tidak berbau. Mereka telah .... kerana terlalu asyik mencari tumbuhan.




2. Simpulan Bahasa

Baca dan fahami maksud Simpulan Bahasa yang berikut.

Simpulan Bahasa	Maksud
panjang akal 聪明	berfikiran cerdas
buruk siku	meminta balik sesuatu yang telah diberikan kepada orang
berat mata 很困 	lekas mengantuk
ukur jalan 无所事事	berjalan-jalan tanpa tujuan tertentu
otak beku 迟钝	tidak mudah memahami
membuat akal	mencari jalan lain





LATIHAN

Isi tempat-tempat kosong dalam ayat berikut dengan Simpulan Bahasa yang sesuai.

1. "Kita mesti ________________ untuk melarikan diri daripada kumpulan penjahat ini," kata Amin.

2. Tarmin digelar ________________ kerana dia susah memahami segala ajaran guru walaupun telah diterangkan berkali-kali.

3. "Daripada ___________________ di bandar setiap hari, lebih baik saya menolong emak di kebun," kata Sarina.

4. Saya berasa ___________________ apabila mendengar syarahan yang membosankan itu.

5. Sikap Rahman yang selalu meminta kawan-kawannya memulangkan hadiah dinamakan ___________________.

6. Milah selalu mendapat tempat pertama dalam peperiksaan kerana dia _______________________.





1. Kata Tugas - Kata Penguat

Apakah Kata Penguat?

Kata Penguat ialah **perkataan yang mendahului atau mengikuti Kata Adjektif** dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam **Kata Adjektif**. **Kata Penguat Hadapan** diletakkan di hadapan **Kata Adjektif**. **Kata Penguat Belakang** diletakkan di belakang **Kata Adjektif**. **Kata Penguat Bebas** dapat diletakkan di hadapan atau di belakang **Kata Adjektif**.

Contoh :

Kata Penguat

KATA PENGUAT

HADAPAN	**BELAKANG**	**BEBAS**
terlalu	nian	amat
paling	benar	sangat
agak	sekali	sungguh

Kata Penguat

Peringatan!

1. Kata Penguat Bebas juga boleh digunakan dengan Kata Penguat Belakang ' sekali '.
2. Kata Penguat Hadapan ' paling ' boleh digunakan bersama-sama untuk menguatkan beberapa Kata Kerja tertentu yang menggunakan imbuhan 'ter'.

Contoh:

paling terkenal
paling ternama
paling terbilang
paling terkemuka





Kata Penguat

A. Kata Penguat Hadapan

Kata Penguat	Contoh Ayat
terlalu	Bangunan itu **terlalu tinggi** sehingga puncaknya kelihatan seperti mencecah awan.
paling	Salim ialah pelajar **paling tinggi** di dalam kelas saya.
agak	Sungai itu **agak dalam**.

B. Kata Penguat Belakang

Kata Penguat	Contoh Ayat
sekali	Anak gadis Mak Limah **sopan sekali**.
benar	**Berat benar** beg yang awak bawa hari ini.
nian	**Indah nian** pemandangan pada waktu pagi.

C. Kata Penguat Bebas

Kata Penguat	Contoh Ayat
amat	1. Lukisan yang tergantung pada dinding itu **amat cantik**. 2. Lukisan yang tergantung pada dinding itu **cantik amat**.
sungguh	1. Pemandangan di tepi pantai **indah sungguh**. 2. Pemandangan di tepi pantai **sungguh indah**.
sangat	1. Emak terbeli baju yang **sangat besar**. 2. Emak terbeli baju yang **besar sangat**.





LATIHAN

Garискan Kata Penguat yang terdapat dalam setiap ayat yang berikut.

1. Cuaca pada hari ini panas sekali.
2. Soalan ujian yang diberi oleh guru tadi agak susah.
3. Jamaliah mendapat markah paling tinggi dalam Ujian Bahasa Malaysia kali ini.
4. Hidangan yang disediakan terlalu sedikit hingga masih banyak tetamu yang belum makan.
5. Pemandangan di tepi pantai Tasik Chini indah nian.
6. Adik selalu dimarahi oleh emak kerana dia malas sekali.
7. Pakaian pengemis itu amat buruk dan bertampal-tampal.
8. Jarang-jarang benar Pak Mei datang melawat keluarganya di kampung.
9. Adik berasa sungguh gembira kerana hari ini ialah hari jadinya yang ke-14.
10. Longkang di belakang rumahnya dipenuhi sampah sarap yang sangat busuk.





2. Imbuhan Akhiran -i

Semua golongan kata utama, iaitu Kata Nama, Kata Kerja, dan Kata Adjektif, serta beberapa jenis Kata Tugas boleh bergabung dengan Akhiran -i untuk membentuk Kata Kerja.

Contoh :

Akhiran -i

A. Kata Nama

Kata Dasar	Kata Dasar + Akhiran -i	Kata Terbitan
contoh	contoh + i	contohi
jalan	jalan + i	jalani
belakang	belakang + i	belakangi

B. Kata Kerja

Kata Kerja	Kata Dasar + Akhiran -i	Kata Terbitan
duduk	duduk + i	duduki
turun	turun + i	turuni
ikut	ikut + i	ikuti

C. Kata Adjektif

Akhiran -i

Kata Adjektif	Kata Dasar + Akhiran -i	Kata Terbitan
baik	baik + i	baiki
dekat	dekat + i	dekati
dalam	dalam + i	dalami

D. Kata Tugas

Kata Adjektif	Kata Dasar + Akhiran -i	Kata Terbitan
serta	serta + i	sertai
sudah	sudah + i	sudahi
atas	atas + i	atasi





LATIHAN

Salah satu daripada perkataan dalam setiap ayat ini tidak diletakkan imbuhan Akhiran -i. Gariskan perkataan tersebut dan tulis jawapan berimbuhan Akhiran -i di tempat yang telah disediakan.

1. Segala perbuatan yang tidak baik perlulah kita jauh. (   )
2. Saya akan berkahwin dengan gadis yang saya cinta minggu depan. (   )
3. Bayi kamu itu bila akan kamu nama? (   )
4. Kawasan penagihan dadah itu kami hampir. (   )
5. Ucapan itu saya sudah dengan serangkap pantun. (   )
6. Usahlah kita tangis orang yang telah pergi. (   )
7. "Jangan kotor baju ini lagi," kata emak kepada adik. (   )
8. Segala masalah itu perlu kita atas dengan segera sebelum terlambat. (   )
9. Sikap yang baik perlu kita contoh. (   )
10. Pokok-pokok bunga itu saya baja sebulan sekali. (   )





3. Ayat Aktif Transitif

Ayat Aktif Transitif ialah ayat yang mengandungi Kata Kerja Transitif yang diikuti oleh Frasa Nama sebagai objek.

Contohnya :

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif	**Objek**
1. Emak	memanggil	adik.
2. Bapa	membeli	buah durian.
3. Kemarau	melanda	negara Malaysia.
4. Penyalahgunaan dadah	mengancam	keselamatan negara.
5. Para pekerja	membaiki	jalan raya itu.
6. Air mata	membasahi	pipinya.
7. Rahimah	menjual	nasi lemak.
8. Anjing itu	mengejar	kami.
9. Borhan	menyapu	lantai.
10. Mereka	memancing	ikan.



LATIHAN

Ayat Aktif Transitif

Lengkapkan Frasa Nama di bawah ini menjadi Ayat Aktif Transitif.

1. Budak nakal itu ....
2. Anak anjing itu ....
3. Banjir ....
4. Cikgu Ramlah ....
5. Pokok kelapa itu ....
6. Pasukan Pengakap sekolah kami ....
7. Doktor itu ....
8. Perompak itu ....
9. Matahari ....
10. Datuk saya ....
11. Kami ....
12. Pengemis itu ....








Dalam pelajaran yang lalu, anda telah mempelajari cara-cara bertanya dan mencatat maklumat sekiranya anda sesat jalan. Pada kali ini, anda dikehendaki memahami cara-cara membaca pelan.

Contoh Rumusan

Kaji pelan kedudukan Pasar Besar Klang ini dengan teliti. Tuliskan arahan yang bersesuaian untuk pergi ke pasar itu bermula dari rumah Puan Mariam. Panjang rumusan anda hendaklah tidak lebih daripada 120 patah perkataan.




Rangka Rumusan

Pendahuluan

Pelan tersebut menunjukkan arah jalan yang perlu dilalui untuk pergi ke Pasar Besar Klang bermula dari rumah Puan Mariam.





Isi Tersurat

1. Rumah Puan Mariam terletak di Jalan Bunga Raya berhadapan dengan Restoran Palm Grove.
2. Bermula dari rumahnya, anda perlu berjalan ke arah kanan mengikut sepanjang Jalan Bunga Raya hingga ke persimpangan jalan.
3. Di simpang jalan itu, anda perlu belok ke arah kiri untuk memasuki Jalan Orkid.
4. Teruskan perjalanan hingga ke simpang jalan lalu pusing ke kiri menghala ke Jalan Meru.
5. Teruskan perjalanan sehingga tiba di lampu isyarat yang kedua.
6. Belok ke kiri ke Jalan Kelicap.
7. Pasar Besar Klang terletak di sebelah kanan anda dan bersebelahan dengan Kedai Telekom.

Isi Tersirat

1. Pasar Besar Klang mudah dikunjungi kerana terletak di jalan raya utama.
2. Rumah Puan Mariam ialah jenis rumah teres.
3. Rumah Puan Mariam terletak di kawasan pusat perniagaan.

Penutup

Kesimpulannya, kawasan kediaman sesuai terletal di tempat strategik supaya menyenangkan penghuni medapatkan keperluan harian dan pengangkutan awam.

Rumusan Lengkap

Pelan tersebut menunjukkan jalan ke Pasar Besar Klang dari rumah Puan Mariam.

Rumah Puan Mariam terletak di Jalan Bunga Raya dan berhadapan dengan Restoran Palm Grove. Bermula dari rumahnya, belok ke sebelah kanan dan teruskan perjalanan sehingga sampai ke persimpangan jalan. Di simpang itu, belok ke sebelah kiri untuk memasuki Jalan Orkid. Anda teruskan perjalanan sehingga sampai ke persimpangan jalan lalu belok ke sebelah kiri masuk ke Jalan Meru. Teruskan perjalanan sehingga tiba di lampu isyarat yang kedua. Belok ke sebelah kanan masuk ke Jalan Kelicap di lampu isyarat tersebut. Pasar Besar Klang terletak di sebelah kanan anda dan bersebelahan dengan Kedai Telekom.


Rumah teres Puan Mariam terletak di kawasan pusat perniagaan. Pasar Besar Klang mudah dikunjungi kerana terletak di jalan utama.

Kesimpulannya, kawasan kediaman sesuai teletak di tempat strategik supaya menyenangkan penghuni mendapatkan keperluan harian dan pengangkutan awam.

(120 patah perkataan)

LATIHAN

Kaji peta yang disediakan. Jika anda tinggal di Kampung Idaman, terangkan jalan-jalan yang perlu anda lalui untuk pergi ke Sekolah Menengah Tengku Ampuan Jemaah. Tuliskan arahan anda dalam bentuk rumusan berpandukan rangka-rangka rumusan yang telah diberikan. Panjang rumusan anda hendaklah tidak lebih daripada 120 patah perkataan.



Petunjuk:
- tokong
- gereja





Dengar sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan kefahaman yang dikemukakan.

Di Persimpangan

Di **persimpangan**[1] ini
aku **termangu-mangu**[2] **kekeliruan**[3]
arah kiri yang perlu **kutempuhi**[4]
atau ke kanan lebih tepat
untuk sampai ke **destinasiku**[5]
mungkin aku akan tersesat
manakah perginya papan tanda?

Di persimpangan ini
aku masih terkaku
patutkah aku menunggu sahaja
atau perlukah aku bertanya pada sesiapa
apa pula kata orang
aku mungkin dianggap jahil
ah...... aku **kebingungan**[6].

Aku masih di sini
di persimpangan ini
berapa lama aku perlu menunggu
aku berani akhirnya
"bolehkah aku tumpang bertanya"
"rumah Pak Malau yang mana satu?"

Akhirnya aku **beredar**[7]
dari persimpangan itu
arah destinasiku sudah pasti.

(S.L. YEN, SM(P)Kwang Hua, Klang)

Kamus Kaki

1. persimpangan:
   jalan bercabang
   交叉路
2. termangu-mangu:
   termenung
   沉思
3. kekeliruan:
   kekusutan
   混淆
4. kutempuhi:
   kulalui
   被我所经历的
5. destinasiku:
   tempat tujuan aku
   我的目的地
6. kebingungan:
   kekacauan hati
   慌张
7. beredar:
   meninggalkan tempat
   离开





Maksud Puisi

Rangkap 1 :
Penulis berada di persimpangan jalan. Dia kebingungan kerana tidak tahu hendak belok ke arah kiri atau ke arah kanan kerana papan tanda jalan yang sepatutnya ada di situ telah hilang.

Rangkap 2 :
Penulis masih berdiri di persimpangan itu kerana dia tidak dapat membuat keputusan sama ada dia hendak menunggu sahaja sehingga ada orang yang mahu membantunya atau pun bertanya untuk meminta bantuan. Dia takut dia akan dianggap bodoh jika meminta bantuan daripada orang lain.

Rangkap 3 :
Akhirnya, penulis memberanikan diri untuk bertanya kepada orang yang lalu-lalang di situ tentang arah dan destinasinya.

Rangkap 4 :
Akhirnya penulis berjaya tiba di destinasinya.


Maksud Rangkai Kata

1. dianggap jahil - disangka bodoh 被认为愚蠢
2. sudah pasti - telah tetap 已经确定

Unsur Pengajaran

1. Kita mestilah menghargai harta benda awam.
2. Kita mesti berani untuk bertanya supaya kita tidak tersesat.
3. Kita hendaklah cekal dan tabah.





Soalan Kefahaman

1. Di manakah penulis berada pada masa itu?
   A. di tepi jalan
   B. di simpang jalan
   C. di tengah jalan
   D. di hujung jalan

2. Mengapakah penulis tidak mengetahui yang mana satu jalan yang betul?
   A. alamat yang diberi telah hilang
   B. papan tanda jalan hilang
   C. jalan-jalan di situ telah berubah
   D. penulis tidak tahu membaca

3. Apakah sebabnya penulis tidak bertanya arah daripada orang lain?
   A. Penulis berasa malu.
   B. Penulis tidak tahu cara untuk bertanya.
   C. Penulis tidak mahu dianggap bodoh.
   D. Penulis itu sombong.

4. Penulis hendak pergi ke mana?
   A. ke rumah kawannya
   B. ke rumah gurunya
   C. balik ke kampung
   D. ke rumah Pak Malau

5. Apakah maksud rangkai kata 'akhirnya aku beredar ' dalam sajak itu?
   A. Penulis meninggalkan tempat itu.
   B. Penulis pulang ke rumahnya.
   C. Penulis mencari alamat yang baharu.
   D. Penulis putus asa.


UNIT 4:
AMALAN MEMBACA







MEMBACA DAN MEMAHAMI

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Arif Panel Hakim, Yang Berusaha Tuan Pengetua, Yang Dikasihi guru-guru, dan rakan seperjuangan sekalian. Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk '**Amalan**[1] Membaca dalam Kalangan Masyarakat Malaysia'.

Hadirin yang dihormati,

Membaca merupakan amalan yang baik dan **berfaedah**[2]. Di samping menambah ilmu pengetahuan, membaca dapat **mengisi**[3] masa lapang seseorang, malangnya sifat membaca ini masih belum menjadi tabiat yang mendarah daging dalam kalangan masyarakat Malaysia berbanding dengan masyarakat negara maju.





1. amalan:
   kebiasaan
   习惯
2. berfaedah:
   berguna
   有益
3. mengisi:
   memenuhi
   填满
4. mengganggu:
   mengacau
   干扰
5. membosankan:
   menjemukan
   使人厌倦
6. menyeronokkan:
   menggembirakan,
   令人愉快的

Kosa Kata



Punca utama keadaan ini berlaku kerana sesetengah ibu bapa tidak menaruh minat membeli bacaan ringan untuk anak-anak mereka. Hal ini mungkin kerana kurangnya kuasa membeli atau bimbang akan **mengganggu**[4] pelajaran anak-anak mereka setelah terlalu banyak membaca bacaan ringan.

Hadirin yang dikasihi,

Di samping itu, ada sebahagian daripada masyarakat berpendapat bahawa membaca sangat **membosankan**[5]. Mereka lebih suka bermain alat permainan video dan komputer. Mereka beranggapan bahawa permainan sedemikian lebih **menyeronokkan**[6] jika dibandingkan dengan membaca buku.



Malah, kemudahan perpustakaan untuk mendapatkan bahan bacaan amat kurang di negara ini. Buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan juga tidak terkini. Hal ini menyebabkan mereka yang pernah pergi ke perpustakaan awam kurang menjejakkan kaki mereka ke sana lagi.

Buku-buku yang **berkualiti**[7] juga sukar didapati di Malaysia. Sebahagian daripada buku berkenaan pula hanya terdapat dalam bahasa Inggeris. Harganya pula sangat mahal.



Hadirin yang saya muliakan,

Amalan membaca ini perlu disemai dalam **jiwa**[8] anak-anak sewajarnya kerana jika kita ingin **melentur**[9] buluh, biarlah dari rebungnya. Anak-anak yang diasuh dengan membaca pasti akan menjadikan membaca itu amalan mereka. Sememangnya membaca itu **pelita**[10] hidup kita.

Sekian, terima kasih.

7. **berkualiti:**
   bermutu
   有素质的

8. **jiwa:**
   sanubari
   内心

9. **melentur:**
   membentuk
   塑造

10. **pelita:**
    penyuluh
    明灯

Kosa Kata





A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Siapakah yang menyampaikan syarahan tersebut?
   A. guru
   B. pengetua
   C. ibu bapa
   D. pelajar

2. Apakah kebaikan membaca buku?
   I. mengisi masa lapang
   II. tujuan bersantai
   III. menambah ilmu pengetahuan
   IV. mensia-siakan masa
   A. I dan II B. I dan III C. I, II dan IV D. II, III, dan IV

3. Apakah yang dimaksudkan dengan bacaan ringan?
   A. buku yang ringan
   B. buku ilmiah
   C. bacaan hiburan yang kurang bersifat ilmiah
   D. buku yang mengandungi unsur lucah

4. Pada pendapat anda, bagaimanakah pihak kerajaan memainkan peranan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia?
   I. menyediakan kemudahan perpustakaan bergerak di kawasan pedalaman
   II. mengadakan kempen tentang kepentingan membaca dalam media massa
   III. memberikan sagu hati kepada masyarakat yang membaca buku
   IV. memperbanyak kemudahan melayari internet untuk memperoleh maklumat terkini
   A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

5. Mengapakah membaca buku dianggap sebagai pelita hidup kita?
   A. menerangi bilik seseorang
   B. menyinari kehidupan manusia
   C. senantiasa dipandang mulia
   D. menjamin kebahagiaan hidup manusia



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata 'tabiat yang mendarah daging' yang terdapat dalam perenggan kedua?


2. Nyatakan tiga sebab masyarakat kurang berminat membaca buku.

3. Mengapakah buku dalam bahasa Inggeris mahal?

4. Berikan maksud peribahasa 'melentur buluh, biarlah dari rebungnya' yang terdapat dalam perenggan kedua akhir.

5. Pada pendapat anda, bagaimanakah ibu bapa dapat memupuk minat membaca dalam kalangan anak?

C. Lengkapkan peta minda di bawah







SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

menyampaikan	: me + nyam + pai + kan
berfaedah	: ber + fa + e + dah
rakyat	: rak + yat
mengganggu	: meng + gang + gu
menyeronokkan	: me + nye + ro + nok + kan
syarahan	: sya + ra + han
pengetahuan	: pe + nge + ta + huan
menaruh	: me + na + ruh
membosankan	: mem + bo + san + kan
berkualiti	: ber + kua + li + ti



1. Guru membawa para pelajar ke perpustakaan. Pelajar dikehendaki membaca sebuah buku cerita kemudian menerangkan sinopsis buku tersebut di hadapan kelas.



2. Dengar perbualan antara seorang pustakawan dengan pelajar-pelajar baharu yang berkaitan dengan penggunaan perpustakaan sekolah, kemudian ulaskan maklumat-maklumat yang dibincangkan itu.



3. Dengar dialog yang dimainkan kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.

    1. Apakah topik yang dibincangkan itu?
    2. Dari manakah Chee Keat memperoleh faktanya?
    3. Bagaimanakah Tina mengumpulkan maklumatnya?
    4. Nyatakan sumber-sumber lain yang dapat digunakan untuk memperoleh sesuatu maklumat.
    5. Apakah tugasan mereka selanjutnya?



Anda telah menyertai satu pertandingan syarahan pada peringkat negeri. Tajuk syarahan itu ialah 'Punca-punca Masyarakat Malaysia Kurang Membaca'. Tuliskan syarahan itu selengkapnya. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.





1. Kata Tugas - Kata Penegas

Kata Penegas ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan kepada bahagian-bahagian yang tertentu dalam ayat.
Kata Penegas juga dikenali sebagai 'partikel'.

Terdapat dua jenis Kata Penegas;

Kata Penegas

Jenis	Penggunaan	Contoh	Contoh Dalam Ayat
A	menegaskan Frasa Predikat atau bahagian-bahagiannya	- kah - tah - lah	☛ Siapa**kah** guru darjah kamu? ☛ Apa**tah** daya kami. ☛ Budak itu**lah** adik perempuan saya.
B	☛ menegaskan Frasa Nama sebagai subjek atau bahagiannya atau Frasa Predikat ☛ bersifat bebas dari segi kehadirannya dalam ayat	juga jua pun lagi hanya sahaja memang	☛ Mereka **juga** ingin ke pasar tani. ☛ Saya ingin **jua** menjual kuih-muih tempatan. ☛ Hujan lebat turun pada akhir tahun **sahaja**. ☛ **Hanya** Tina seorang yang hadir dalam mesyuarat itu. ☛ Salina tunduk dan tidak berkata sepatah **pun**. ☛ Pengetua sekolah belum tiba **lagi**. ☛ Para remaja **memang** suka bermain video dan komputer.



LATIHAN

Isi tempat kosong dengan Kata Penegas yang sesuai.

1. Kami __________ ingin memberikan bantuan kepada fakir miskin.
2. Para artis ___________ mahu mencipta nama sebagai penghibur tempatan.
3. "Itu __________ buku kesukaan saya sejak kecil lagi", kata Annie.
4. Anna ___________ pandai mengambil hati ibunya.
5. Terdapat lapan orang __________ yang masih dirawat di Hospital Manjung.
6. Norma_______ yang melihat kejadian ngeri itu.
7. Tina dan kawannya _________ turun ke sawah.
8. Gadis itu apa________ kurangnya.
9. Bersih_________ bilik air itu?
10. Mereka_________ beredar selepas makan malam.
11. Kalau bukan begitu, bagaimana__________ caranya.
12. Chui Lee __________ tidur __________ walaupun diberi amaran beberapa kali oleh guru.
13. Kami ingin ____________ menolong ibu mencuci pakaian.
14. Musim tengkujuh ____________ berlaku pada akhir tahun.
15. ___________ Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang kerap dilanda banjir.



2. Imbuhan Akhiran -kan

Imbuhan Akhiran -kan dapat bergabung dengan semua Kata Dasar kecuali Kata Adjektif perasaan.

Contoh:

Golongan Kata	Kata Dasar	Kata Dasar + Akhiran -kan	Kata Terbitan
Kata Nama	buku	buku + kan	bukukan
	pasar	pasar + kan	pasarkan
Kata Kerja Transitif	cari	cari + kan	carikan
	beli	beli + kan	belikan
Kata Kerja Tak Transitif	lahir	lahir + kan	lahirkan
	tidur	tidur + kan	tidurkan
Kata Adjektif	pendek	pendek + kan	pendekkan
	rendah	rendah + kan	rendahkan
Kata Tugas	jangan	jangan + kan	jangankan
	serta	serta + kan	sertakan

Kata Kerja yang menerima imbuhan Akhiran -kan wujud dalam dua jenis ayat tertentu sahaja.

A. Ayat Pasif bagi Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua

Contoh: Cerpen-cerpen itu saya **bukukan**.
Peralatan masak itu kamu **sediakan**.

B. Ayat Suruhan

Contoh: **Belikan** saya sepasang anting-anting.
Rendahkan suara kamu.
Tolong **panjangkan** benang itu.



LATIHAN



Bubuhkan imbuhan Akhiran -kan pada kata-kata yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah ini.

1. Tolong padam lampu itu.
2. Harap mati enjin kenderaan anda.
3. Pendek tali rafia itu sedikit.
4. Gulai daging kambing itu kamu hidang kepada kawan-kawan sedarjah.
5. Kisah yang menyedihkan itu kami riwayat dengan teliti.
6. Masalah disiplin perlu engkau selesai dengan segera.
7. Jalur Gemilang kami naik setiap hari.
8. Meja-meja itu kalian dekat ke dinding.
9. Tolong bersih lantai itu.
10. Usah biar budak perempuan itu berseorangan selalu.



3. Ayat Aktif Tak Transitif

Ayat Aktif Tak Transitif tidak memerlukan objek selepas Kata Kerja dan tidak boleh dipasifkan.

Ayat Aktif Tak Transitif

- Ayat Aktif Tak Transitif Tanpa Pelengkap
  - * boleh berdiri sendiri (keterangan boleh digugurkan)
- Ayat Aktif Tak Transitif Berpelengkap
  - * mesti disertai pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat

Nota Penting:-

Bentuk Kata Kerja Tak Transitif yang terdapat dalam Ayat Aktif Tak Transitif.

a. tanpa imbuhan
b. beR-
c. meN-
d. teR-
e. beR-...-kan
f. beR-...-an

Contoh Ayat Aktif Tak Transitif Tanpa Pelengkap

Subjek	Kata Kerja Tak Transitif	Unsur Keterangan (boleh digugurkan)
1. Padi	sedang menguning	di sawah.
2. Semua murid	pulang	pada waktu petang.
3. Adik	mandi	di tepi telaga.
4. Muthu	tersenyum	apabila dipuji.

Contoh Ayat Aktif Tak Transitif Berpelengkap

Pelengkap (Frasa Adjektif)

Subjek	Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap(mesti ada)
Lukanya	beransur	baik.
Dia	berbuat	jahat.
Saya	berasa	yakin.

Pelengkap (Frasa Sendi Nama)

Subjek	Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap(mesti ada)
Denise Leong	tinggal	di Kajang.
Bapa saya	pergi	ke Pulau Pinang.

Pelengkap (Frasa Nama)

Subjek	Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap(mesti ada)
Pengembara itu	berselimutkan	embun.
Dia	menjadi	pelakon terkenal.
Mereka	ada	hadiah yang istimewa.

Peringatan!

1. Frasa Nama boleh menjadi pelengkap pada Kata Kerja Tak Transitif yang berbentuk **ber-...-kan** dan Kata Kerja **menjadi** dan **ada**.




LATIHAN

A. Isi tempat kosong yang berikut dengan Kata Kerja Tak Transitif yang sesuai.

mendarat	berehat	terhumban
bertemakan	tidur	berfaedah

1. Para petani sedang ______________ di bawah pokok yang rendang.
2. Kapal terbang itu sedang ______________ di lapangan terbang.
3. Novel itu ________________ semangat cinta akan negara.
4. Lori kontena itu _____________ ke dalam sungai selepas merempuh tiang lampu.
5. Ani sedang ______________ di dalam buaian itu.



B. Bina ayat dengan perkataan-perkataan yang diberikan supaya membentuk Ayat Aktif Tak Transitif Tanpa Pelengkap.

1. bercucuran
2. pulang
3. tersenyum
4. mengalah
5. bocor

C. Bina ayat dengan perkataan-perkataan yang diberikan supaya membentuk Ayat Aktif Tak Transitif Berpelengkap.

1. beralaskan
2. berpandukan
3. bertatahkan
4. bercadang
5. berada





Menulis Karangan Jenis Syarahan

Sebelum kita menulis karangan, kita perlu mengetahui perbezaan antara karangan jenis syarahan dengan karangan jenis ucapan terlebih dahulu.

Perbezaan Antara Karangan Jenis Syarahan dengan Karangan Jenis Ucapan

Karangan Jenis Syarahan	Karangan Jenis Ucapan
1. memerlukan tajuk tertentu **Contoh:** Anda terpilih mewakili sekolah anda dalam pertandingan syarahan peringkat daerah. Tajuk syarahan ialah 'Pentingnya Bersopan Santun'. Tulis teks syarahan anda selengkapnya. 2. menyampaikan fakta, pengetahuan dan perkara-perkara yang serius (rujuk contoh karangan yang diberikan)	1. tidak memerlukan tajuk **Contoh:** Sekolah anda mengadakan majlis perpisahan untuk pengetua sekolah yang akan bersara. Sebagai Ketua Pelajar, anda telah diminta menyampaikan suatu ucapan dalam majlis itu. Tulis teks ucapan itu selengkapnya. 2. memberikan penerangan, pujian, sanjungan, penghargaan, dan ucapan terima kasih dalam majlis (rujuk contoh karangan yang diberikan)
3. terbahagi kepada dua jenis, iaitu; ☛ syarahan dalam sesuatu majlis tertentu *biasanya dimulakan dengan kata-kata aluan dan ditulis berdasarkan protokol dalam majlis tersebut ☛ syarahan dalam sesuatu pertandingan	3. terbahagi kepada tiga jenis, iaitu; ☛ ucapan perpisahan ☛ ucapan keraian ☛ ucapan perasmian
4. Format ☛ rujuk kepada contoh karangan syarahan	4. Format rujuk kepada contoh karangan ucapan



Contoh Karangan Jenis Ucapan

Soalan:

Guru tingkatan anda akan bertukar ke sekolah lain. Kelas anda mengadakan jamuan perpisahan untuknya. Sebagai ketua kelas, anda dikehendaki menyampaikan ucapan dalam majlis itu.

Salam sejahtera kepada Saudara Pengerusi Majlis, Yang Dihormati Cikgu Kadir Bin Kassim, guru Tingkatan Kelas Junior 2A dan kawan-kawan yang saya hormati. Terima kasih saya ucapkan kepada Cikgu Kadir kerana sudi meluangkan masa beliau untuk menghadiri majlis jamuan pada petang ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan.	kata-kata aluan mengikut tingkat kedudukan dan ucapan
Rakan-rakan yang dikasihi,	kata penghadapan
Sebagaimana yang kita ketahui, majlis ini diadakan untuk meraikan perpisahan kita dengan Cikgu Kadir yang akan bertukar ke Sekolah Tinggi Nan Hwa mulai minggu depan. Kita akan kehilangan seorang guru yang bertanggungjawab, bijaksana, dan berdedikasi. Beliau telah banyak memberikan sumbangan dan bimbingan semasa mengajar di sekolah ini. Hal ini jelas terbukti daripada tahap pencapaian pelajar-pelajar di dalam kelas ini. Kami berasa sangat terhutang budi atas jasa dan bakti yang ditaburkan oleh beliau.	isi (tujuan jamuan diadakan, puji-pujian)



Pertukaran Cikgu Kadir ke sekolah lain merupakan suatu kehilangan yang besar kepada kami semua. Saya bagi pihak pelajar Junior 2A ingin mengucapkan terima kasih atas segala jasa cikgu selama ini. Kami tidak akan melupakan segala tunjuk ajar yang Cikgu Kadir berikan. Tiada balasan yang setimpal untuk menunjukkan penghargaan kami kepada cikgu. Semoga Tuhan memberkati cikgu sepanjang masa.	isi (penghargaan terhadap tunjuk ajar cikgu)
Hadirin yang dihormati,	kata penghadapan
Kami berharap agar cikgu akan gembira bertugas di tempat baharu kelak. Semoga cikgu dapat mengekalkan kecemerlangan cikgu seperti apa-apa yang telah cikgu capai di sekolah ini. Kami berharap agar cikgu tidak akan melupakan kami semua. Sebagai wakil kelas, saya ingin memohon ampun dan maaf atas segala kesilapan atau tutur kata kami yang mungkin menyinggung perasaan cikgu selama ini.	isi (harapan terhadap cikgu)
Sebelum saya mengundurkan diri, terimalah ucapan selamat maju jaya kepada Cikgu Kadir dalam segala bidang yang akan cikgu ceburi.	penutup (ucapan selamat bertukar dan maju jaya)
Sekian, terima kasih.	ucapan terima kasih




Contoh Karangan Jenis Syarahan

Soalan:

Suatu pertandingan syarahan diadakan di sekolah anda. Andaikan bahawa anda dipilih mewakili kelas anda menyertai pertandingan tersebut. Tajuk syarahan anda ialah 'Pengaruh Buruk Televisyen terhadap Kanak-kanak'.

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Arif Panel Hakim, Yang Berusaha Tuan Pengetua, Encik Lim Boon Shek, guru-guru, dan rakan-rakan yang saya hormati. Berdirinya saya di sini pada pagi yang berbahagia ini adalah untuk menyampaikan syarahan bertajuk 'Pengaruh Buruk Televisyen terhadap Kanak-kanak'.	kata-kata aluan mengikut protokol, dan tajuk syarahan
Warga dewan yang dihormati,	kata penghadapan
Kita semua tahu bahawa kebanyakan orang menonton televisyen adalah untuk mengisi masa lapang. Persoalannya, adakah kita sedar tentang pengaruh buruk televisyen terhadap kanak-kanak? Kanak-kanak sangat mudah terpengaruh dan meniru adegan-adegan yang ditonton oleh mereka. Hal ini kerana mereka masih belum dapat membuat perbezaan terhadap perkara yang baik dengan buruk. Kebelakangan ini, televisyen sering menayangkan cerita-cerita seram, sedih, dan ganas.	isi (pengenalan tajuk syarahan)
Semasa menonton adegan-adegan yang penuh dengan ketegangan, keganasan atau kekejaman, kanak-kanak akan mengalami ketegangan fikiran dan seterusnya mereka akan dilanda perasaan takut. Sebenarnya adegan yang ganas, kejam dan sebagainya tidak patut ditonton oleh mereka. Sebaliknya, terdapat banyak cerita yang boleh dipertontonkan kepada mereka seperti cerita-cerita kartun yang bertemakan sifat-sifat murni, siri-siri dokumentari sains dan sebagainya yang bercorak pengetahuan.	isi (kesan buruk menonton televisyen)

Pendengar yang dimuliakan,	kata penghadapan
Pernahkah kita terfikir bahawa cerita-cerita ganas dan kejam yang sering disiarkan melalui televisyen seolah-olah mengajar kanak-kanak melakukan jenayah? Sebagai contoh, cerita-cerita tentang rompakan dan pembunuhan. Watak-watak dalam sesuatu cerita yang bercorak keganasan sama ada watak hero atau 'orang jahat' amat mudah mempengaruhi perlakuan kanak-kanak. Jika mereka selalu didedahkan dengan adegan-adegan yang keterlaluan, mereka akan cuba untuk melakukan perkara-perkara yang pernah disaksikan oleh mereka pada suatu masa nanti. Jika hal ini berlaku, siapakah yang harus dipersalah?	isi (kesan buruk)
Hadirin yang saya muliakan,	kata penghadapan
Selain itu, televisyen juga boleh memberikan kesan buruk kepada kanak-kanak yang masih bersekolah. Mereka yang leka menonton televisyen akan menyebabkan mereka mengabaikan pelajaran. Mereka juga tidak dapat menyiapkan latihan-latihan yang diberikan oleh guru sekolah. Akhirnya, pencapaian akademik mereka turut terjejas.	isi (kesan buruk)
Kesimpulannya, memandangkan rancangan televisyen yang dipertontonkan kepada kanak-kanak membawa kesan negatif, semua pihak perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah ini seperti kata pepatah mencegah lebih baik daripada mengubatinya. Hal ini kerana kanak-kanak yang merupakan bakal pemimpin negara harus mempunyai keperibadian yang murni.	penutup
Sekian, terima kasih.	ucapan terima kasih







Dengar puisi yang dimainkan dengan teliti, kemudian jawab soalan yang dikemukakan.

Syair Menimba Ilmu

Anak emasku bukalah mata,
dunia menanti insan celik mata,
mulalah tangan menulis kata,
pasanglah telinga dengan nyata.

Peganglah senantiasa **kalam**[1]mu,
bersama-sama helaian bukumu,
satukan segala tenaga **minda**[2]mu,
itulah **pedoman**[3] mulia ibumu.

Kerana ilmu laksana **kandil**[4] terkini,
sinari **kedaifan**[5] dunia ini,
ialah **modal**[6] hidup insan kini,
ialah kebanggaan ibu tersayang ini

(Tina Tin Lee Hong)



Kamus Kaki

1. **kalam:**
   pena
   笔
2. **minda:**
   akal fikiran
   智力
3. **pedoman:**
   panduan
   指南
4. **kandil:**
   penyuluh
   灯
5. **kedaifan:**
   kekurangan
   软弱
6. **modal:**
   bekalan
   本钱



Maksud Puisi

Rangkap 1 :
Seorang ibu menasihati anaknya agar belajar bersungguh-sungguh.

Rangkap 2 :
Ibu memberikan panduan mulia kepada anaknya agar tidak mengabaikan pelajaran dan sentiasa menumpukan perhatian dalam pelajaran.

Rangkap 3 :
Ilmu yang diperoleh oleh anak amat penting kerana diibaratkan penyuluh masa depan anak dan seterusnya menjadi kebanggaan seseorang ibu.

Maksud Rangkai Kata

1. anak emas - anak kesayangan 心肝宝贝
2. celik mata - kenal huruf 识字

Unsur Pengajaran

1. Kita haruslah menimba ilmu sebaik-baiknya.
2. Kita hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu yang bersesuaian.



Soalan Kefahaman

1. Syair tersebut ditujukan kepada siapa?
   A. guru
   B. anak
   C. cucu
   D. kawan

2. Apakah maksud rangkai kata 'satukan segala tenaga mindamu'?
   A. menyatupadukan tenaga fizikal semasa belajar
   B. mencampuradukkan segala ilmu pada satu masa
   C. mengalihkan pandangan positif terhadap pelajaran sekolah
   D. menumpukan perhatian semasa pembelajaran

3. Apakah kaitan antara ilmu dengan kandil?
   A. Kandil memberikan cahaya untuk menerangi bilik darjah yang gelap.
   B. Kandil menyinari suasana gelap pada waktu malam.
   C. Kandil memberikan cahaya kepada seseorang yang berilmu.
   D. Kandil memberikan pedoman kepada pelajar untuk bekerja sambilan.

4. Mengapakah ilmu dianggap sebagai 'modal' pada zaman moden?
   A. Ilmu dikatakan penerang hidup seseorang yang miskin.
   B. Ilmu ialah alat pelaburan kepada setiap manusia untuk memperoleh kerjaya yang baik setelah tamat pengajian.
   C. Ilmu sebagai alat jaminan kepada ibu bapa yang telah lanjut usianya.
   D. Ilmu dapat meningkatkan taraf hidup warga desa.

5. Apakah faktor yang menyebabkan ibu berasa bangga terhadap anaknya?
   A. Anaknya telah berjaya dalam bidang akademik.
   B. Anaknya telah menjadi kaya.
   C. Anaknya telah berjaya dalam bidang perniagaan.
   D. Anaknya telah berjaya menjadi pemimpin yang berkaliber.

UNIT 5:
PELBAGAI BANGSA DI NEGARA KITA





MEMBACA DAN MEMAHAMI



Kepelbagaian Bangsa di Negara Kita


Malaysia memang terkenal dengan **kemajmukan**[1] masyarakatnya. Lebih istimewa lagi ialah setiap kaum di Malaysia dapat hidup dalam keadaan harmoni. Hal ini kerana setiap kaum di negara ini saling menghormati dan bertoleransi. Corak hidup setiap kaum di Malaysia **berlandaskan**[2] budaya hidup mereka tersendiri yang **diwarisi**[3] turun-temurun. Setiap kaum, tidak kira kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, mahupun kumpulan **etnik**[4] seperti Kadazan, Iban, Murut, Negrito dan sebagainya memperlihatkan **keunikan**[5] amalan hidup masing-masing.


1. kemajmukan: kepelbagaian 多元化
2. berlandaskan: berdasarkan 依据
3. diwarisi: dipusakai 被继承
4. etnik: suku kaum (部)族
5. keunikan: keistimewaan 独特性

Kosa Kata



Jika dilihat dari aspek agama, ternyata bangsa Melayu yang merupakan kaum utama di Malaysia disinonimkan dengan agama Islam. Lantaran itu, segala aktiviti harian mereka adalah **berlunaskan**[6] ajaran dalam al-Quran. Sebagai contohnya, mereka menunaikan sembahyang lima kali sehari semalam. Sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji menjadi kewajipan masyarakat Islam. Sambutan Tahun Baru Cina pula dirayakan oleh masyarakat Cina. Masyarakat yang beragama Kristian, tidak kira kaum Cina, India mahupun masyarakat **minoriti**[7] di Sabah dan Sarawak pula menyambut Hari Krismas sebagai mengingati hari kelahiran Yesus. Perayaan Wesak pula disambut oleh masyarakat yang beragama Buddha. Hari Deepavali, juga disebut sebagai Pesta Cahaya disambut oleh masyarakat yang beragama Hindu.





Secara amnya, **sajian**[8] popular harian masyarakat kaum Melayu ialah nasi lemak. Kini, hidangan ini turut menjadi kegemaran kaum-kaum lain di Malaysia. Kuih-muih seperti karipap, onde-onde, seri muka, dan dodol tidak dapat lari daripada dikaitkan dengan masyarakat Melayu. Masyarakat Cina pula terkenal dengan kuih bakul dan kuih bulan. Sebaliknya, masyarakat India mahir dalam membuat capati dan roti canai. Kaum Iban yang tinggal di rumah panjang sering dikaitkan dengan hidangan tuak untuk tetamu.

Jika **ditinjau**[9] dari aspek sejarah, kegiatan ekonomi kaum di Malaysia banyak ditentukan oleh sistem penjajahan Inggeris. Kaum Melayu sering dikaitkan dengan pekerjaan bersawah padi di kawasan kampung. Masyarakat Cina pula terlibat dalam bidang perniagaan dan perlombongan manakala kaum India terbabit dalam bidang peladangan. Masyarakat orang asli pula lebih tertumpu kepada kegiatan sara diri seperti menjalankan aktiviti berburu atau mengutip hasil-hasil hutan. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya jurang ekonomi antara kaum. Ekoran daripada perkembangan sistem politik dan pendidikan di negara kita, kini setiap kaum telah memberikan sumbangan dalam pelbagai sektor ekonomi tanpa pengkhususan atau **monopoli**[10] .

6. **berlunaskan:**
   berasaskan
   以……为依据
7. **minoriti:**
   golongan kecil
   少数
8. **sajian:**
   hidangan
   食物
9. **ditinjau:**
   diperhati
   被观察
10. **monopoli:**
   penguasaan sepenuhnya
   独占

Kosa Kata





11. **integrasi:**
penggabungan
融合

Kosa Kata

Sebagai rumusan, perubahan zaman telah menyebabkan **integrasi**[11] dalam kalangan pelbagai kaum. Namun demikian, ciri-ciri unik setiap kaum masih tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Kepelbagaian dan keunikan amalan hidup setiap kaum di negara Malaysia telah menjadi buah mulut dan daya tarikan masyarakat luar negara ke sini. Secara tidak langsung, hal ini telah menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.



A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Antara yang berikut kaum yang manakah tidak terdapat di Malaysia?
   A. Cina
   B. Kadazan
   C. Maori
   D. Melayu

2. Apakah aktiviti ekonomi masyarakat Cina semasa penjajahan Inggeris?
   A. melombong bijih timah
   B. menoreh getah
   C. bersawah padi
   D. penangkapan ikan





3. Apakah makna simpulan bahasa 'buah mulut' yang terdapat dalam perenggan terakhir?
   A. perkara yang menjadi perdebatan orang ramai
   B. perkara yang menjadi perbincangan orang ramai
   C. perkara yang menjadi tajuk perbualan orang ramai
   D. perkara yang menjadi isu hangat orang ramai

4. Apakah perayaan yang disambut oleh masyarakat beragama Kristian?
   A. Hari Raya Haji
   B. Pesta Cahaya
   C. Hari Kelahiran Buddha
   D. Hari Natal

5. Keunikan budaya pelbagai kaum telah memajukan sektor apa?
   A. pertanian
   B. pelancongan
   C. pengangkutan
   D. perhubungan

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Penduduk negara kita terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Mengapakah mereka masih boleh hidup dalam keadaan harmoni?

2. Nyatakan keburukan daripada penjajahan Inggeris.

3. Berikan maksud peribahasa 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas' yang terdapat dalam perenggan terakhir.

4. Pada pandangan anda, apakah kelebihan jika sesebuah negara terdiri daripada rakyat pelbagai kaum?

5. Secara ringkas, nyatakan keunikan sesuatu kaum yang anda ketahui.







SEBUTAN

Dengar sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

kemajmukan	: ke + maj + mu + kan
al-quran	: al + qur + an
berlandaskan:	: ber + lan + das + kan
etnik	: et + nik
minoriti	: mi + no + ri + ti
onde-onde	: on + de + on + de
tuak	: tuak
pengkhususan	: peng + khu + su + san
monopoli	: mo + no + po + li
integrasi	: in + te + gra + si




MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Perpaduan dan rasa muhibah antara kaum di Malaysia sering diutamakan. Pelbagai usaha diambil untuk memupuk dan seterusnya melahirkan integrasi antara kaum. Salah satu usaha yang berkesan adalah melalui pertandingan melukis poster bertemakan kepelbagaian kaum di negara kita.

Lakarkan poster yang bertemakan kepelbagaian kaum di Malayisa, kemudian bentangkan rekaan poster anda di depan kelas.

2. Terangkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan gambar yang dipaparkan di bawah. Penerangan anda boleh berpandukan konsep 5W1H.

A. Agama



5W1H

What (Apa)

Who (Siapa)

Where (Di mana)

When (Bila)


Why (Kenapa)

How (Bagaimana)



B. Budaya





1. Teknik Penulisan Pengenalan Karangan Jenis Pendapat

- mesti dapat menarik perhatian pembaca untuk meneruskan pembacaan
- perenggan pendahuluan ini adalah tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan soalan secara umum (Jangan terus masuk kepada isi!)
- pendahuluan ditulis dalam satu perenggan sahaja dan jangan terlalu panjang sehingga menjadi perenggan isi
- terdapat pelbagai kaedah untuk menghasilkan pendahuluan karangan yang baik



Contoh Pendahuluan Karangan Jenis Pendapat

A. Pendahuluan Jenis Definisi

Pelajar boleh memulakan karangan dengan memberikan definisi atau maksud tentang tajuk yang dikemukakan.

Contoh:

Tajuk: Gejala Vandalisme dalam Kalangan Remaja

Vandalisme boleh ditakrifkan sebagai perbuatan salah laku musnah. Sebagai contoh, merosakkan pondok telefon awam, menconteng dinding tandas, dan merosakkan peralatan di taman permainan kanak-kanak. Tindakan sebegini bukan sahaja merugikan pelbagai pihak malahan menjejaskan imej negara. Oleh sebab itu, tindakan sebegini perlu dikawal demi kepentingan masyarakat bersama.

B. Pendahuluan Jenis Pendapat

Pelajar boleh menyelitkan pandangan tokoh, pakar atau orang ternama untuk dimuatkan dalam perenggan pendahuluan.

Contoh:

Tajuk: Kepentingan Bahasa Kebangsaan

Menurut Sidek Saniff, Pengerusi Majlis Bahasa Malaysia, bahasa Malaysia merupakan kumpulan bahasa keempat terbesar di dunia dan kedua terbesar di Asia, dengan 250 juta orang penutur di Asia Tenggara dan 300 juta penutur di seluruh dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Sepanyol, dan bahasa Inggeris. Namun, hakikat yang perlu kita akui ialah kewujudan bahasa Malaysia sangat bergantung pada kesetiaan 25 juta orang penutur jatinya di Malaysia.



C. Pendahuluan Jenis Persoalan

Pelajar boleh mengemukakan Ayat Tanya dalam perenggan pendahuluan sebagai satu langkah untuk mencetuskan pertanyaan dalam diri pembaca agar sama-sama memikirkan isu yang hendak disampaikan.

Contoh:

Tajuk: Punca-punca Berlakunya Jenayah Kejam

Kes-kes jenayah kejam yang semakin kerap berlaku telah menjadi buah mulut orang ramai. Mangsa bukan sahaja cedera parah malah ada yang sampai diragut nyawa. **Persoalannya, mengapakah seseorang sanggup membahayakan nyawa orang lain semata-mata untuk mencapai apa-apa yang dikehendaki? Mengapakah seseorang tergamak melakukan kekejaman semata-mata untuk memenuhi kehendak hati? Adakah mereka sudah hilang kewarasan mereka**? Semua ini merupakan persoalan yang perlu dikupas.

D. Pendahuluan Jenis Peribahasa

Pelajar boleh menggunakan peribahasa yang sesuai dengan tajuk perbincangan pada bahagian pendahuluan karangan.

Contoh:

Tajuk: Kesan Kemasukan Pendatang Asing



Kita sudah tidak asing lagi dengan isu kemasukan pendatang-pendatang asing ke negara kita. Kebanyakan mereka datang dari Indonesia, Myanmar, Bangladesh mahupun Filipina. Kehadiran mereka ini boleh diumpamakan dengan peribahasa yang berbunyi, **'di mana ada gula, di situ ada semut'**. Peluang-peluang mencari rezeki di negara kita telah menjadi faktor penarik utama pendatang-pendatang asing ini. Bagi sesetengah pendatang asing, Malaysia diumpamakan **lubuk emas**.



LATIHAN

A. Menyusun Ayat

Susun ayat-ayat berikut untuk dijadikan satu perenggan pendahuluan yang lengkap. Kemudian, nyatakan teknik pendahuluan yang digunakan.

1 A. Industri pelancongan di negara kita semakin giat apabila orang ramai tidak melepaskan peluang untuk melancong ke destinasi-destinasi tersebut.

B. Antara destinasi pelancongan yang popular di negara Malaysia ialah Pulau Redang, Tanah Tinggi Cameron, Gua Niah, Kota A' Famosa, dan Menara Kembar Petronas Kuala Lumpur(KLCC).

C. Apakah faktor-faktor di sebalik perkembangan industri pelancongan di negara Malaysia?

D. Destinasi pelancongan merujuk kepada tempat-tempat yang menjadi kunjungan pelancong.

2 A. Apa yang menyedihkan kita adalah terdapatnya banyak laporan di dada-dada akhbar tentang berlakunya gejala vandalisme terutamanya dalam kalangan remaja.

B. Golongan ini bersikap 'bagai kera mendapat bunga' kerana mereka tidak tahu menghargai kemudahan yang disediakan.

C. Memang tidak dinafikan bahawa pihak kerajaan telah banyak menyediakan kemudahan awam untuk kesenangan kita.

D. Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, seperti kata pepatah 'kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang'.

B. Membina Ayat

Bina satu ayat berdasarkan perkataan-perkataan yang diberikan di bawah.

kaum	majmuk	bersatu	budaya	mesra
perpaduan	integrasi	utuh	amalan	harmoni



2. Bidalan

- ☺ merupakan sejenis peribahasa yang mengandungi nasihat dan pengajaran
- ☺ biasanya merupakan ungkapan pendek yang menjadi sebutan orang ramai

Bidalan	Maksud	Contah Ayat
sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna 三思而后行  	Setiap pekerjaan yang dibuat haruslah difikirkan terlebih dahulu supaya tidak menyesal pada kemudian hari.	Razali amat menyesal kerana tidak mengikut kawannya untuk memohon jawatan itu kerana semua kawannya sudah mendapat pekerjaan, baginya **sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna**.
berani kerana benar, takut kerana salah 理直气壮 	Tidak berasa takut atau gentar sekiranya berada di pihak yang benar.	Shi Xuan tidak takut untuk bertemu dengan guru disiplin kerana bukan dia yang mengguris kereta guru kelasnya seperti yang dituduh oleh kawan-kawannya kerana baginya **berani kerana benar, takut kerana salah**.
geruh tak berbunyi, malang tak berbau 祸从天降 	Kemalangan yang berlaku tanpa diketahui masanya.	Berhati-hati ketika memandu di jalan raya kerana kecelakaan boleh berlaku bila-bila masa sahaja tanpa disedari sama seperti **geruh tak berbunyi, malang tak berbau**.



LATIHAN

Padankan ayat-ayat di bawah dengan bidalan yang sesuai.

Encik Rahmin yang dituduh melakukan kesalahan itu tidak berasa takut kerana dia sememangnya tidak pernah melakukan perbuatan itu.	◆	❖	sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
Kejadian ombak tsunami yang melanda secara tiba-tiba itu tidak disangka akan berlaku.	◆	❖	berani kerana benar, takut kerana salah
Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan dan kesalahan, yang penting ialah kita perlu insaf dan tidak mengulangi perbuatan itu.	◆	❖	geruh tak berbunyi, malang tak berbau

TATABAHASA

1. Kata Tugas - Kata Nafi

Kata Nafi ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif, dan Frasa Sendi Nama. Terdapat 2 bentuk Kata Nafi, iaitu ***bukan*** *dan* ***tidak****.*

Kata Nafi bukan menjadi unsur nafi Frasa Nama dan Frasa Sendi Nama.

Contoh: 1. Pelajar yang bertali leher itu **bukan** ketua pengawas.
(Frasa Nama)

2. Komuter itu **bukan** dari Seremban tetapi dari Pelabuhan Klang.
(Frasa Sendi Nama)



Kata Nafi tidak menjadi unsur nafi Frasa Kerja dan Frasa Adjektif.

Contoh: 1. Rosmarina **tidak** pergi ke Perpustakaan Negara semalam kerana hujan lebat.
(Frasa Kerja)

2. Air sungai itu **tidak** jernih lagi semenjak pencemaran sisa-sisa toksik.
(Frasa Adjektif)

Kata Nafi bukan boleh juga hadir sebelum Frasa Kerja dan Frasa Adjektif jika kedua-dua frasa tersebut mendukung maksud pertentangan maklumat.

Contoh: 1. Nenek tua itu **bukan** mencari cucunya tetapi mencari anak kucingnya yang hilang.
2. Pelajar nakal itu **bukan** bodoh tetapi malas belajar.



LATIHAN

Isi tempat kosong di bawah dengan Kata Nafi yang tepat penggunaannya.

1. Buku cerita itu __________ kepunyaan Serina tetapi milik adiknya, Kamilia.

2. Khabar angin tentang kedatangan ribut taufan itu __________ benar.

3. Pelancong asing itu __________ dari Jepun tetapi dari Korea.

4. Bapa saudara Faizul __________ balik ke kampung sejak berhijrah ke New Zealand.

5. Para majikan __________ digalakkan mengupah pekerja-pekerja asing.

2. Imbuhan Apitan beR-...-an dan beR-...-kan

A. Imbuhan Apitan beR-...-an

Imbuhan Apitan beR-...-an ialah gabungan imbuhan Awalan beR- dan imbuhan Akhiran -an. Terdapat satu bentuk beR-...-an sahaja, iaitu beR-...-an yang dapat bergabung dengan semua Kata Dasar kecuali yang bermula dengan huruf awal 'r'. Bagi semua Kata Dasar yang berhuruf awal 'r', maka huruf 'r' akan digugurkan.

Kata Dasar yang bermula dengan huruf awal 'r'


Contoh:

Kata Dasar	Imbuhan Awalan beR- + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran -an	Kata Terbitan
rapat	beR + rapat + an	berapatan
rebut	beR + rebut + an	berebutan

Kata Dasar yang tidak bermula dengan huruf awalan 'r'

Contoh:

Kata Dasar	Imbuhan Awalan beR- + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran -an	Kata Terbitan
tabur	beR + tabur + an	bertaburan
gugur	beR + gugur + an	berguguran
lari	beR + lari + an	berlarian



B. Imbuhan Apitan beR-...-kan

Imbuhan Apitan beR-...-kan ialah gabungan imbuhan Awalan beR- dan imbuhan Akhiran -kan.

Terdapat satu bentuk beR-...-kan sahaja, iaitu beR-...-kan yang dapat bergabung dengan semua Kata Dasar kecuali yang bermula dengan huruf awal 'r'. Bagi semua Kata Dasar yang berhuruf awal 'r', maka huruf 'r' akan digugurkan.

Kata Dasar yang bermula dengan huruf awal 'r'

Contoh:

Kata Dasar	Imbuhan Awalan beR- + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran -an	Kata Terbitan
raja	beR + raja + kan	berajakan
rumah	beR + rumah + kan	berumahkan

Kata Dasar yang tidak bermula dengan huruf awalan 'r'

Contoh:

Kata Dasar	Imbuhan Awalan beR- + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran -an	Kata Terbitan
senjata	beR + senjata + kan	bersenjatakan
tanya	beR + tanya + kan	bertanyakan
bantal	beR + bantal + kan	berbantalkan





LATIHAN

Letakkan imbuhan Apitan beR-...-an dan beR-...-kan pada Kata Dasar yang diberikan.

1. Beras (tabur) di lantai apabila guni beras itu diterbalikkan.
2. Gadis itu (suami) lelaki yang berasal dari Sandakan.
3. Sikapnya yang sombong itu sukar (ramah-ramah) dengan sesiapa pun.
4. Pendatang asing itu lari (tempiar) ketika pasukan Rela membuat tangkapan.
5. Monyet (gayut) di dahan pokok rambutan.
6. Pada masa dahulu, para pengembara (pandu) kedudukan bintang di langit untuk meneruskan perjalanan.
7. Ramli hanya (teman) lampu suluh ketika melalui lorong yang gelap.
8. Oleh sebab tidak bersatu padu, mereka sentiasa (cakar) sesama sendiri.

3. *Ayat Pasif Orang Pertama dan Orang Kedua*


Ayat Pasif wujud apabila Frasa Nama yang menjadi objek dalam Ayat Aktif Transitif mengalami pendepanan judul yang diterangkan.
Sekiranya Kata Kerja Ayat Pasif itu didahului Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama, iaitu **kami**, **kita**, **saya**, dan **aku**, ayat itu digolongkan dalam **Ayat Pasif Orang Pertama**.

Contoh: *Ayat Aktif*

Subjek	Kata Bantu	Kata Kerja Transirif	Objek	Kata Keterangn
1. Saya		menendang	bola itu.	
2. Kami	telah	membaca	surat itu	petang tadi.

Contoh: *Ayat Pasif*

Objek	Kata Bantu	Subjek (Kata Ganti Nama)	Kata Kerja Pasif	Kata Keterangan
1. Bola itu		saya	tendang.	
2. Surat itu	telah	kami	baca	petang tadi.



Ayat Aktif	Ayat Pasif Orang Pertama
Saya menyiram pokok bunga itu setiap hari.	Pokok bunga itu saya siram setiap hari.
Hamba akan menyerahkan surat itu dengan segera.	Surat itu akan hamba serahkan dengan segera.
Kita harus mematuhi undang-undang jalan raya.	Undang-undang jalan raya harus kita patuhi.

Sekiranya Kata Kerja Ayat Pasif itu didahului Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua iaitu **kamu**, **anda**, dan **engkau**, ayat itu digolongkan dalam **Ayat Pasif Orang Kedua**.

Contoh: Ayat Aktif

Subjek	Kata Bantu	Kata Kerja Transirif	Objek	Kata Keterangn
1. Kamu	perlu	menyiapkan	projek itu	dalam tempoh dua bulan.
2. Anda	belum	membersihkan	longkang ini.	

Contoh: Ayat Pasif

Objek	Kata Bantu	Subjek (Kata Ganti Nama)	Kata Kerja Pasif	Kata Keterangan
1. Projek itu	perlu	kamu	siapkan	dalam tempoh dua bulan.
2. Longkang itu	belum	anda	bersihkan.	

Ayat Aktif	Ayat Pasif Orang Kedua
Kamu perlu menyalin nota Sejarah ini semula.	Nota Sejarah ini perlu kamu salin semula.
Awak belum mencuci periuk belanga itu.	Periuk belanga itu belum awak cuci.



Perhatian:

- Kata Kerja dalam Ayat Pasif Orang Pertama dan Ayat Pasif Orang Kedua **tidak mempunyai awalan meN-** dan **di-.**
- Kata Bantu seperti **telah**, **sudah**, **belum**, **masih**, **senang**, dan **akan** diletakkan sebelum Kata Kerja.

Contoh:

Ayat Salah	Ayat Betul
Buku itu saya membaca.	Buku itu saya baca.
Buku itu dibaca oleh saya.	Buku itu saya baca.
Buku itu saya telah baca.	Buku itu telah saya baca.

LATIHAN

Tukarkan Ayat Aktif di bawah menjadi Ayat Pasif Orang Pertama atau Ayat Pasif Orang Kedua.


1. Kami mendaki Gunung Kinabalu.
2. Saya sedang membalut hadiah untuk abang.
3. Kita harus mematuhi undang-undang jalan raya.
4. Aku telah mengirim wang pos itu.
5. Anda telah melaksanakan tugas itu dengan baik.
6. Kamu perlu memadamkan papan hitam ini.
7. Engkau belum memanaskan lauk itu.
8. Saya sudah melipat kain-kain batik itu.
9. Engkau menconteng dinding itu!
10. Kamu telah membelanjakan wang itu?



TEKNIK PEMBELAJARAN

Merumuskan Gambar Rajah

Kaji peta di bawah dengan teliti. Tuliskan satu rumusan tentang kepelbagaian kaum minoriti di Malaysia berdasarkan maklumat yang diberikan. Panjang rumusan anda tidak boleh melebihi 120 patah perkataan.



Kepelbagaian Kaum Minoriti di Malaysia





Dengar puisi yang dimainkan dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.

Cap Goh Mei

Pesta **sorak-sorai**[1] anak-anak
dan **jendela**[2] berlangsir
baru dengan warna
ria tawa sekeluarga
Cap Goh Mei yang sejahtera.

Gadis-gadisku
bersimpul manja
dengan kucupan hormat
di mata ibu
di hati ayah
gadis-gadis Tionghoa yang bersopan
budaya warisan zaman

Lalu antara **doa**[3] **restu**[4]
limau, epal dibuangkan
bersama arus kali dan ombak laut
membawa harapan
bakal diketemukan
akan bertemulah
untai kasih dalam doa setia

Cap Goh Mei lima belas tahun baru
menyinari[5] pertemuan
merestui setiap **perjodohan**[6]
bahagia selamanya!

Kamus Kaki

1. **sorak-sorai:**
   suara teriakan dan pekikan orang ramai
   欢呼
2. **jendela:**
   tingkap
   窗
3. **doa:**
   permohonan kepada Tuhan
   祈祷
4. **restu:**
   berkat
   天赐
5. **menyinari:**
   memancarkan cahaya
   照耀
6. **perjodohan:**
   perkahwinan
   婚姻



Maksud Puisi

Rangkap 1 :

Pada hari Cap Goh Mei (malam hari kelima belas Tahun Baru Cina dalam dialek Hokkien) kedengaran suara riuh-rendah kanak-kanak. Rumah dihiasi cantik dengan langsir baharu yang berwarna-warni. Ahli-ahli keluarga berkumpul dalam suasana riang gembira.

Rangkap 2 :

Gadis-gadis kaum Cina kelihatan begitu sopan, mengucapkan kata-kata hormat kepada ibu bapa mereka. Amalan menghormati kedua-dua orang tua merupakan amalan yang diutamakan dan telah diwarisi sejak zaman-berzaman.

Rangkap 3 :

Pada malam Cap Goh Mei, gadis-gadis membaling buah limau dan buah epal ke dalam sungai atau ke dalam laut diiringi doa dan harapan mereka. Mereka berdoa agar bertemu dengan jodoh yang baik.

Rangkap 4 :

Harapan penyajak pada perayaan Cap Goh Mei dapat menghasilkan pertemuan jodoh yang akan membawa kebahagiaan untuk selama-lamanya.

Maksud Rangkai Kata

1. kucupan hormat: tanda penghargaan 珍惜
2. untai kasih: ikatan sayang 亲情

Unsur Pengajaran

1. Kita mesti sentiasa menghormati ibu bapa kita.
2. Kita hendaklah mengamalkan nilai kesopanan dalam kehidupan kita.
3. Kita hendaklah memelihara perkahwinan agar berkekalan.

Soalan Kefahaman

1. Bilakah Cap Goh Mei disambut?
   A. hari pertama Tahun Baru Cina
   B. hari kelima belas Tahun Baru Cina
   C. hari kelima Tahun Baru Cina
   D. sehari sebelum Tahun Baru Cina

2. Antara berikut yang manakah **tidak** menggambarkan suasana pada Hari Cap Goh Mei?
   A. riuh-rendah dengan bunyi arus sungai dan deruan ombak
   B. riuh-rendah dengan suara anak-anak
   C. riuh-rendah dengan suara gelak ketawa
   D. riuh-rendah dengan bunyi mercun

3. Di manakah gadis-gadis Tionghoa membaling buah limau atau buah epal?
   A. perigi
   B. kolam
   C. tasik
   D. kali


4. Mengapakah gadis-gadis membaling buah limau?
   A. kerana inilah tanda hormat kepada orang tua mereka
   B. kerana mereka berharap agar banyak mendapat hasil untuk tahun berkenaan
   C. kerana mereka berharap agar bertemu dengan jodoh yang baik
   D. kerana membaling buah-buahan ini boleh memeriahkan suasana bersama ahli keluarga


5. Apakah sambutan dalam kalangan masyarakat Barat yang boleh disamakan dengan sambutan Cap Goh Mei?
   A. Hari Ibu
   B. Hari Bapa
   C. Hari Kekasih
   D. Hari Keluarga

CATATAN



UNIT 6:
KAMUS BAHASA MALAYSIA








Sejarah Awal Perkamusan Malaysia

Dewasa ini, penggunaan kamus kurang mendapat perhatian generasi muda, malahan dianggap sebagai 'quran buruk'. Fenomena ini berlaku kerana kepesatan pengaruh modenisasi dan **globalisasi**[1]. Penerbitan bahan-bahan **picisan**[2], novel sensasi, permainan video, dan pengenalan komputer dianggap sebagai sebahagian daripada faktor kurangnya **kecenderungan**[3] menggunakan kamus. Kesan langsung daripada fenomena ini lahirnya masyarakat yang cetek bahasa.

Apakah makna kamus? Perkataan kamus berasal daripada bahasa Arab. Dalam bahasa Malaysia, kamus membawa maksud kitab yang berisi keterangan tentang makna perkataan. Kamus juga merupakan **naskhah**[4] penting tentang sesuatu bahasa.



1. globalisasi:
   sejagat
   环球化
2. picisan:
   bahan bacaan yang tidak berfaedah
   劣刊物
3. kecenderungan:
   mempunyai minat
   兴趣
4. naskhah:
   dokumen
   文件



Kosa Kata





Kajian terhadap peranan kamus sering dijalankan oleh **sarjana**[5] tempatan atau luar negara. Terdapat tiga jenis kamus yang dihasilkan dalam kajian ini. Kamus-kamus awal hanya dikarang dalam bentuk senarai kata dan istilah-istilah tertentu. Kebanyakan kamus awal dihasilkan untuk memudahkan golongan pedagang, pentadbir, dan **paderi**[6] untuk **berkomunikasi**[7]. Seterusnya, kamus-kamus yang disusun bersama **deskripsi**[8] tatabahasa Malaysia. Penyusunan terakhir membabitkan kamus-kamus moden telah **mengabaikan**[9] deskripsi tatabahasanya.

Senarai kata yang pertama ialah senarai Melayu-Cina yang terkarang pada kurun ke-15. Senarai kata itu ditulis dalam bahasa Cina. Senarai kata yang kedua Melayu-Latin yang ditulis oleh Pigafetta dalam huruf Rumi, manakala senarai kata yang ketiga, Melayu-Belanda pula ditulis oleh Frederick de Houtman dalam bahasa Belanda. Penghasilan senarai kata ini telah banyak menarik sarjana Eropah menghasilkan kamus terutama sarjana Inggeris, Belanda, Jerman, dan Perancis.

Pada **abad**[10] ke-19, terdapat banyak kamus yang dihasilkan tertumpu kepada aspek nahu atau tatabahasa. Malangnya, sebahagian daripadanya tidak membekalkan maklumat yang tepat. Hal ini berpunca daripada **kedangkalan**[11] sarjana-sarjana ini tentang **peradaban**[12] budaya masyarakat Melayu. Pada tahun 1812, William Marsden telah menghasilkan kamus pertama yang dianggap sempurna. Marsden telah menjalankan kajiannya dengan cara **saintifik**.[13] Kajian ini juga **mengakhiri**[14] zaman penulisan kamus oleh ahli-ahli pedagang dan paderi. Beliau menghasilkan buku *The Grammar of the Malayan Language* dalam kedua-dua sistem ejaan Rumi dan Jawi.

R.J. Wilkinson telah berjaya menghasilkan sumbangan bermutu dalam perkamusan Melayu. Kamusnya bertajuk *Malay-English Dictionary* dihasilkan pada tahun 1901. Beliau juga merupakan orang pertama mengalih bahasa huruf Arab ke Rumi.

5. **sarjana:**
   golongan ilmuwan
   学者
6. **paderi:**
   pendakwah agama Kristian
   牧师
7. **berkomunikasi:**
   saling berhubung
   沟通
8. **deskripsi:**
   penerangan
   描述
9. **mengabaikan:**
   melalaikan
   忽视
10. **abad:**
    kurun(100 tahun)
    世纪
11. **kedangkalan:**
    kecetekan
    肤浅
12. **peradaban:**
    tamadun
    文明
13. **saintifik:**
    mengenai dengan sains
    科学的
14. **mengakhiri:**
    menamatkan
    结束

Kosa Kata

Selepas tahun 1930, lahirlah pula ahli-ahli perkamusan Melayu seperti Shamsuddin Mohd Yunus (1935), Zainal Abidin Safarwan (1966), dan Abdullah Samad (1975). Kesemua pengarang kamus ini tidak membawa sebarang pembaharuan dalam penulisan kamus. Kebanyakan hasil mereka berdasarkan usaha Wilkinson dan Winstedt.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil alih peranan menyusun kamus sejak ditubuhkan pada tahun 1956. Setakat mutakhir ini, DBP telah menyusun tiga jenis kamus, iaitu kamus **ekabahasa**[15] , kamus **dwibahasa**[16] dan kamus istilah. **Edisi**[17] Kamus Dewan **mutakhir**[18] yang diterbitkan pada tahun 2005 mempunyai lebih daripada 80, 000 kata masukan.

15. ekabahasa:
satu bahas
单语

16. dwibahasa:
dua bahasa
双语

17. edisi:
cetakan
版本

18. mutakhir:
terkini
现代的

Kosa Kata



A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Siapakah sarjana Eropah yang berjaya menghasilkan kamus yang dianggap sempurna?
   A. Winstedt
   B. R.J. Wilkinson
   C. Frederick de Houtman
   D. William Marsden

2. Bilakah kamus *Malay-English Dictionary* dihasilkan?
   A. 1901
   B. 1910
   C. 1915
   D. 1920

3. Antara berikut yang manakah **bukan** ciri tepat tentang William Marsden?
   A. menyusun kamus secara saintifik
   B. menggalakkan para pedagang dan paderi menghasilkan kamus
   C. menghasilkan buku *The Grammar of the Malayan Language*
   D. menterjemahkan buku-buku berkenaan dalam ejaan Rumi dan Jawi

4. Berapakah bilangan kata masukan mutakhir Kamus Dewan pada tahun 2005?
   A. lebih daripada 100, 000
   B. kurang daripada 100, 000
   C. kurang daripada 50, 000
   D. lebih daripada 150, 000

5. Pihak yang manakah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menyusun kamus?
   A. Kementerian Pelajaran
   B. Pusat Bahasa Pengajian Tinggi
   C. Dewan Bahasa dan Pustaka
   D. Istana Budaya

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'quran buruk'?

2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi generasi muda mengabaikan penggunaan kamus? (Berikan dua jawapan sahaja)

3. Pada peringkat awal, golongan yang manakah menghasilkan kamus?

4. Bilakah sarjana ini mula berminat menulis kamus tatabahasa?

5. Nyatakan cara-cara yang digunakan oleh ahli perkamusan Melayu untuk menghasilkan kamus.



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

globalisasi	: glo + ba + li + sa + si	kecenderungan	: ke + cen + de + ru + ngan
abad	: a + bad	kedangkalan	: ke + dang + ka + lan
peradaban	: per + a + da + ban	saintifik	: sain + ti + fik
mengakhiri	: me + nga + khi + ri	mengabaikan	: me + nga + bai + kan
dwibahasa	: dwi + ba + ha + sa	mutakhir	: mu + ta + khir



MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Selesaikan silang kata yang disediakan secara berkumpulan. Selepas itu ketua kumpulan dikehendaki membaca jawapan silang kata itu di hadapan kelas.

Menegak

1. Huruf atau aksara juga dikenali sebagai ___________ dalam bahasa Arab.
2. Kata singkatan dikenali _____________
3. Kata sama makna ialah ____________
4. Kelas __________ terbahagi kepada empat jenis.
5. Kamus sering dijadikan _________oleh pelajar.
6. Kata 'punca' sama __________ dengan 'sebab'.




Melintang

a. Kata akar juga dikenali sebagai kata ____________.
b. Kata akar yang mengalami proses penambahan dikenali kata ____________.
c. Kata yang berlawanan makna dikenali ___________.
d. _________ tempat merujuk makna kata.
e. "lu makan apa?" Ini ialah contoh bahasa ___________.
f. Singkatan kata nama dalam kamus ialah ___________.

		②								
					①			⑥		
ⓑ B		R		M	B				N	
					J			K		
	ⓕ									
		I			ⓐ D		③ S		⑤ R	
ⓓ										
	④ K						O		U	
ⓔ									K	
	ⓒ A		T				M			





2. Para pelajar diminta menamakan sepuluh benda yang terdapat di tempat-tempat yang disenaraikan. Kemudian diminta menyebut jawapan dengan jelas agar dapat dikongsi bersama.

Contoh:


Tempat	Medan Makna
bilik darjah	kerusi, meja, papan tulis, papan kenyataan, bakul sampah, langsir, penyapu, jadual waktu, alas meja



Lengkapkan jadual Medan Makna di bawah.

Tempat	Medan Makna
1. ruang tamu	
2. dapur	
3. bilik air	
4. makmal komputer	
5. kedai buku	
6. kedai runcit	
7. perpustakaan	
8. stesen bas	
9. taman rekreasi	





Karangan Jenis Fakta


A. Definisi


Karangan jenis fakta bermaksud karangan yang disertai oleh maklumat-maklumat yang tepat, benar, dan benar-benar berlaku. Karangan ini memerlukan bukti-bukti dan hujah-hujah yang kukuh bagi menyokong keutuhan maklumat yang dikemukakan.

B. Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis karangan berbentuk fakta bergantung pada beberapa faktor. Para pelajar dikehendaki menguasai kesemua faktor berikut bagi menghasilkan sebuah karangan yang bermutu.

C. Faktor-faktor Penentu Kemahiran Menulis Karangan





D. Format Karangan Fakta

Pengenalan/Pendahuluan	pengenalan tajuk yang dibincangkan secara ringkas
Definisi/Jenis-jenis	memberikan maksud istilah (pilihan)
Isi-isi Karangan	4 isi (setiap isi disertakan huraian isi dan contoh)
Kesimpulan	memberikan cadangan/harapan secara umum


E. Contoh Rangka Karangan Fakta

Tajuk:

Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang sangat menarik. Bincangkan pelbagai usaha yang telah diambil oleh pihak terbabit bagi menarik pelancong asing ke negara ini.

Pengenalan / Pendahuluan	⇨ Keindahan alam semula jadi yang terdiri daripada flora dan fauna. ⇨ Bentuk muka bumi yang menarik - pantai, gunung-ganang, air terjun dan sebagainya.
Isi-isi Karangan	a. mengadakan kempen dan pameran - menerbitkan filem-filem dokumentari melalui media elektronik - 'Cuti-cuti Malaysia' - mencetak risalah-risalah dan buku panduan pelancongan - Perbadanan Pelancongan Malaysia b. menawarkan diskaun bagi penginapan, pengangkutan, dan makanan - penginapan - hotel, chalet - pengangkutan - kapal terbang, kereta sewa - makanan - di hotel, di medan makan c. mementingkan budi bahasa dalam kalangan penduduk - layanan penduduk terhadap para pelancong sama ada pelancong tempatan atau luar negara - jangan berkasar kerana tindakan ini akan memberikan imej yang buruk
Kesimpulan	merupakan industri yang kedua penting kepada pendapatan negara


F. Jenis-jenis Karangan Berbentuk Fakta



LATIHAN

Tuliskan sebuah karangan berbentuk fakta berdasarkan salah satu tajuk di bawah.

1. Amalan membaca dapat melahirkan masyarakat berpengetahuan.
2. Khasiat buah-buahan tempatan.
3. Bahaya merokok.





1. Kata Tugas - Kata Bilangan


A. Definisi

Kata Bilangan ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah atau bilangan pada Frasa Nama. Kata Bilangan hadir sebelum Kata Nama.

Contoh:
Mereka tinggal di rumah saya selama **tiga hari sahaja**.

> tiga - Kata Bilangan
> hari - Kata Nama (penerang bilangan pada Frasa Nama)
> tiga hari sahaja (Kata Bilangan + Kata Nama + Kata Penentu) = Frasa Nama


B. Jenis-jenis Kata Bilangan





C. Jenis dan Penggunaan Kata Bilangan

Jenis-jenis Kata Bilangan	Contoh	Penggunaannya
bilangan tentu - kata bilangan yang diketahui jumlahnya	dua, dua puluh, tiga puluh, lima ratus	⇨ Mereka tinggal di rumah saya selama **tiga** hari sahaja. ⇨ Peperiksaan kertas satu akan mengambil masa **tiga** jam. ⇨ Harga meja makan itu ialah **enam ratus tiga puluh** ringgit.
bilangan tak tentu - kata yang tidak diketahui jumlahnya	segala, semua, para, beberapa, sekalian, seluruh, sesetengah	⇨ **Sesetengah** remaja mudah terjebak dalam kancah yang tidak sihat disebabkan kurangnya didikan agama. ⇨ **Segala** persiapan untuk majlis sukan itu sudah dibereskan. ⇨ Tuan Syed Agus mengucapkan terima kasih kepada **semua** kakitangannya yang meraikan majlis persaraannya. ⇨ **Para** pegawai kejohanan dikehendaki melaporkan diri kepada pihak urus setia sukan. ⇨ **Beberapa** orang pelajar telah disoal siasat oleh guru disiplin.
membawa maksud himpunan - berasal daripada kata bilangan tentu yang digandakan	beratus-ratus, beribu-ribu, ketiga-tiga, berguni-guni, berabad-abad, berbulan-bulan, banyak-banyak, keempat-empat	⇨ **Berlori-lori** buah durian dari Thailand dibawa masuk ke negara ini pada setiap musim. ⇨ **Berbulan-bulan** Azhar Ali menghabiskan masa pelayaran di Lautan Hindi. ⇨ **Keempat-empat** orang polis itu direman kerana menerima rasuah. ⇨ **Kelima-lima** orang anak Allahyarham Haji Sidek pernah mewakili negara dalam kejohanan badminton. ⇨ **Beribu-ribu** orang terbunuh dalam pertempuran itu.




Jenis-jenis Kata Bilangan	Contoh	Penggunaannya
membawa maksud perpisahan	masing-masing, setiap, tiap-tiap	⇨ Mereka membawa makanan **masing-masing** ke kawasan perkelahan itu. ⇨ **Setiap** pelajar dikehendaki mengisi borang maklumat itu sebelum ditemu duga.
membawa maksud pecahan	setengah, separuh, sepertiga, seperempat, dua pertiga	⇨ Pasukan Badminton Malaysia yang menjuarai Piala Thomas 1992 mendapat **setengah** hektar tanah daripada kerajaan Selangor. ⇨ Hanya **separuh** daripada jumlah pelajar sekolah akan hadir ke sekolah sekiranya hari hujan.

LATIHAN

A. Isi tempat-tempat kosong di bawah dengan Kata Bilangan yang paling sesuai.

sepertiga	sesetengah	tiap-tiap	berabad-abad
ribuan	semua	berbungkus-bungkus	segala
masing-masing	para	berguni-guni	ketiga-tiga

1. __________ peminat membanjiri Stadium Sultan Muhammad Kota Bharu, Kelantan untuk menyaksikan Konsert Mawi.
2. __________ orang pengebom berani mati telah meletupkan diri mereka di Baghdad.
3. __________ peniaga mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang semasa kenaikan harga minyak.
4. Guru disiplin menyuruh semua pelajar yang ditahan kerana merokok itu meminta bapa ______________ hadir ke sekolah pada keesokan hari.



5. Pihak kastam merampas____________________beras yang cuba diseludup melalui sempadan negara.

6. Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihati ____________ pegawai polis menjauhkan diri daripada amalan rasuah.

7. ____________ persiapan mengadakan Persidangan Majlis Raja-raja telah siap diatur.

8. Generasi muda dinasihati supaya bersenam ____________ pagi.

9. ____________ daripada rakyat Malaysia terdiri daripada mereka yang berumur 12 hingga 25 tahun.

10. Pihak arkeologi berjaya menemukan rangka manusia yang berusia ____________ lamanya.

11. Pihak polis menjumpai ____________ candu tersorok di dalam tangki lori minyak itu.

12. ____________ pekerja perlu meningkatkan produktiviti negara.

B. Isi tempat-tempat kosong di bawah dengan Kata Bilangan yang sesuai.

segelintir	dua	setiap	masing-masing	beberapa
semua	segala	para	separuh	sesetengah

_______(1)_______ pihak beranggapan bahawa penagih yang berjaya dipulihkan akan kembali menagih. Tanggapan ini dapat dibahagikan kepada _____(2)_____ bahagian, iaitu positif dan negatif. Hal ini terpulanglah kepada mereka membuat kesimpulan ______(3)_____. _____(4)_____ penagih telah diberikan nasihat dan bimbingan agama serta kemahiran bagi membolehkan mereka kembali ke pangkal jalan. _____(5)_____ usaha kerajaan itu hendaklah dihargai dan tidak disia-siakan oleh mereka. _____(6)_____ pihak perlu berganding bahu memberikan peluang kedua kepada _____(7)_____ bekas penagih yang telah bertaubat.

_____(8)_____ ibu bapa perlu memberikan keyakinan kepada anak mereka. Akibat sikap negatif _____(9)____ pihak yang enggan memberikan peluang kepada bekas penagih, hampir ____(10)____ daripada mereka menagih semula.

2. Imbuhan Apitan ke-...-an

- Kata berapitan ke-...-an dapat dibentuk dengan memberikan Awalan ke- dan Akhiran -an pada Kata Dasar.
- Apitan ke-...-an tidak berubah bentuknya apabila diimbuhkan pada Kata Dasar.

Contoh:

Kata Dasar	Imbuhan Awalan ke- + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran -an	Kata Terbitan
suka	ke + suka + an	kesukaan
datang	ke + datang + an	kedatangan
benar	ke + benar + an	kebenaran
panas	ke + panas + an	kepanasan
tulang	ke + tulang + an	ketulangan
barat	ke + barat + an	kebaratan
wanita	ke + wanita + an	kewanitaan

LATIHAN

A. Isi tempat kosong dengan perkataan berimbuhan apitan ke-...-an yang sesuai.

1. ________________ Sultan Pahang mencemar duli di kampung itu tidak diketahui orang ramai.
2. Penduduk setempat tidak menyukai ________________ orang Myanmar di tempat mereka.
3. Buah delima menjadi ____________nya sejak kecil lagi.

4. Lembah Bujang di Kedah menjadi petempatan pertama ____________ Hindu di Tanah Melayu.

5. ____________ indeks saham di Malaysia pada tahun 1987 berpunca daripada percaturan mata wang asing.

6. Swee Lan ____________ kerana tidur lewat.

7. Penghuni Rumah Orang Tua Sri Kenangan itu ______________ semasa sambutan Hari Raya.

8. Beberapa orang pelajar sekolah berasrama itu muntah-muntah dan pening kepala setelah ______________ makanan.

9. Haiwan itu terbiar ___________ setelah pemiliknya meninggal dunia.

10. ___________ suhu di Perancis menyebabkan beberapa orang warga tua meninggal dunia.

11. Kanak-kanak itu ________________ kasih sayang ibu bapa setelah ibu bapa mereka bekerjaya.

12. Banyak wanita telah kehilangan sifat ______________ mereka.


13. Perangai ____________________ orang tua itu tidak disenangi masyarakat sekeliling.

14. Percakapannya dipengaruhi dialek ______________ setelah dia menetap di Jakarta beberapa tahun.

15. Identiti _______________nya tidak hilang biarpun sudah menetap di luar negara lebih daripada 20 tahun.

B. Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah

1. kebanjiran
2. kelancangan
3. kepedasan
4. kesukanan
5. kemarahan



3. Ayat Pasif Orang Ketiga

Ayat Pasif ini melibatkan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga sebagai subjek (pelaku), iaitu **mereka**, **beliau**, **baginda**, **dia**, dan **ia**. Kata Ganti Nama Diri Orang ini hadir selepas Kata Kerja Pasif berimbuhan di-, di-...-kan, atau di-...-i.

Kata Kerja Pasif berimbuhan di-, di-...-kan, atau di-...-i ini adalah terhasil akibat proses transformasi (pemasifan) imbuhan Kata Kerja Aktif, iaitu meN-, meN-...-kan, atau meN-...-i. Kata Kerja Pasif di-, di-...-kan, atau di-...-i ini pula boleh diikuti Kata Sendi 'oleh' secara pilihan.

Contoh:
Ayat Aktif Transitif (Subjek Ayat Diutamakan)

Subjek	Kata Bantu	Kata Kerja Transitif	Objek	Keterangn
Polis	sudah	menangkap	perompak itu	semalam.
Anjing		mengejar	kucing itu.	

Ayat Pasif (Objek Ayat Diutamakan)

Objek	Kata Bantu	Kata Kerja Pasif	Kata Sendi	Subjek	Keterangan
Perompak itu	sudah	ditangkap	(oleh)	polis	semalam.
Kucing itu		dikejar	(oleh)	anjing.	

Perhatian!
Kata Keterangan dalam Ayat Aktif Transitif perlu dikekalkan kedudukan semasa berlakunya kepasifan.

Terdapat dua perkara penting yang perlu diketahui tentang contoh ayat di atas, iaitu:

a. bentuk ayat di atas hanya untuk kata ganti atau pelaku orang ketiga sahaja dan tidak boleh digunakan untuk Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua
b. Kata Sendi Nama (oleh) dalam ayat di atas bersifat 'pilihan', iaitu boleh diadakan dan boleh juga ditiadakan

Kesimpulannya, Ayat Pasif ialah ayat yang mengutamakan objek sebagai unsur yang diterangkan. Objek diletakkan di pangkal ayat manakala unsur subjek pula diletakkan di hujung ayat.





Contoh:
Ayat-ayat Pasif Orang Ketiga

Ayat Aktif Transitif (Subjek Ayat Diutamakan)	Ayat Pasif Orang Ketiga (Objek Ayat Diutamakan)
1. Emak memasak bubur nasi.	1. Bubur nasi dimasak oleh emak.
2. Mereka telah pun mengumpulkan kayu-kayu itu.	2. Kayu-kayu itu telah pun dikumpulkan oleh mereka.
3. Ibunya menguliti anaknya sehingga tertidur.	3. Anaknya diuliti oleh ibunya sehingga tertidur.
4. Kumari membeli sayur-sayuran di pasar.	4. Sayur-sayuran dibeli oleh Kumari di pasar.
5. Emak sedang membajai pokok bunga.	5. Pokok bunga sedang dibajai oleh emak.
6. Pak Imran membeli basikal baharu.	6. Basikal baharu dibeli oleh Pak Imran.
7. Atie mencuci pinggan.	7. Pinggan dicuci oleh Atie.
8. Pak Leh membersihkan kebun.	8. Kebun dibersihkan oleh Pak Leh.
9. Za'ba mengarang Pelita Bahasa Melayu.	9. Pelita Bahasa Melayu dikarang oleh Za'ba.
10. Kaunselor itu menasihati Ali.	10. Ali dinasihati oleh kaunselor itu.

LATIHAN

Tukarkan ayat-ayat di bawah menjadi Ayat Pasif Diri Ketiga.

1. Ali membaiki kereta yang rosak itu.
2. Cikgu Zainal sedang menyusun sebuah kamus Inggeris.
3. Dia mengarang novel itu.
4. Mereka mendiami rumah ini semenjak tahun 1988.
5. Mereka memukuli pencuri itu.
6. Puan Zaiton sedang menyeterika baju di dalam bilik.
7. Razak membului ayam di dapur.
8. Doktor Param Singh sedang mengubati pesakit itu.
9. Penduduk kampung itu membaiki jambatan yang roboh.
10. Cikgu Kamaruddin mengetuai lawatan sambil belajar.
11. Dia memasukkan buku-buku itu ke dalam beg.
12. Ayah menghadiahkan sepasang subang kepada ibu.
13. Pak Ngah mengalirkan air sungai itu ke dalam sawahnya.
14. Isterinya menggulai ikan di dapur.
15. Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ) sedang menguji kecekapan memandu pemandu itu.



1. Persediaan Mengarang - Menulis Isi Kandungan

Sesebuah karangan terbahagi kepada tiga komponen, iaitu:

Pengenalan
Kandungan
Kesimpulan

Contohnya, penulisan karangan di peringkat menengah rendah hanya memerlukan empat isi.
Setiap isi kandungan berkenaan perlu dibahagikan mengikut perenggan-perenggan tertentu.

Isi Pertama, Huraian Isi Pertama, Contoh
Isi Kedua, Huraian Isi Kedua, Contoh
Isi Ketiga, Huraian Isi Ketiga, Contoh
Isi Keempat, Huraian Isi Keempat, Contoh

Kebanyakan pelajar tidak dapat menulis isi kandungan sesebuah karangan disebabkan oleh beberapa perkara, iaitu:


a. tidak mengetahui teknik penulisan

b. tidak dapat membezakan antara isi, huraian isi, dan contoh

c. menyamakan huraian dan contoh sebagai satu isi

d. kurang membuat latihan

e. kurang membaca bahan-bahan berbentuk fakta atau ilmiah



2. Bentuk-bentuk Isi

Penulisan isi perenggan karangan ini boleh terdiri daripada salah satu bentuk berikut, iaitu:

A.

ISI
HURAIAN ISI

Tajuk : Masyarakat Penyayang
Isi : menghormati ibu bapa
Huraian : # membantu ibu bapa membuat kerja rumah
dilarang sama sekali berkata kasar terhadap ibu bapa
menjaga nama baik keluarga
mengingati tarikh lahir ibu bapa
syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu



Contoh Perenggan:

Golongon remaja hendaklah selalu menghormati ibu bapa mereka. Sebagai anak yang bertanggungjawab, mereka perlu ringan tulang membantu ibu bapa membuat kerja rumah. Di samping itu, mereka dilarang sama sekali berkata kasar terhadap ibu bapa, sebaliknya menjaga nama baik keluarga, dan sentiasa mengingati tarikh lahir ibu bapa. Mereka harus ingat bahawa 'syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu'.

B.

ISI
HURAIAN ISI
CONTOH

Tajuk : Kesan Dadah Kepada Belia
Isi : terdedah kepada penyakit berbahaya
Huraian : # menyebabkan ketagihan yang tidak terkawal
mengambil dadah melalui jarum suntikan
penggunaan jarum yang sama menyebabkan jangkitan AIDS
Contoh : hampir 80% pesakit AIDS dijangkiti penyakit tersebut akibat daripada perkongsian jarum suntikan dadah

Contoh Perenggan:

Kebanyakan penagih dadah terdiri daripada golongan belia. Pengambilan dadah melalui jarum suntikan akan menyebabkan penagih terdedah kepada penyakit berbahaya. Akibat ketagihan yang tidak terkawal, penagih-penagih akan bertukar-tukar jarum suntikan yang sama dan tidak dinyahkuman. Kebiasaannya, berkongsi jarum suntikan penagih dadah yang menghidap AIDS akan menyebabkan virus HIV merebak dalam kalangan mereka. Sebagai contoh, hampir 80% pesakit AIDS dijangkiti penyakit tersebut akibat daripada perkongsian jarum suntikan dadah yang tercemar.

C.

ISI
HURAIAN ISI 1
HURAIAN ISI 2
CONTOH

Tajuk : Kebaikan Komputer Kepada Pelajar
Isi : Menyimpan maklumat dan membekalkan maklumat
Isi kecil 1 : Menyimpan maklumat
Huraian Isi 1 : # pengguna dapat menaip dan menyimpan maklumat
maklumat boleh disimpan dalam pangkalan data atau pen pemacu
maklumat ini boleh digunakan semula apabila perlu
isi kecil 2 : Membekalkan maklumat
Huraian Isi 2 : # pengguna juga boleh mendapatkan maklumat terkini dengan melayari laman web
terdapat pelbagai laman web yang dapat dilayari
contoh : www.utusan.com

Contoh Perenggan:

Salah satu kebaikan komputer adalah menyimpan maklumat dan membekalkan maklumat. Para pengguna komputer boleh menaip dan menyimpan bahan yang ditaip seperti surat, laporan, dan tugasan, sama ada dalam pangkalan data komputer atau pen pemacu. Semua maklumat yang disimpan itu boleh digunakan semula, dipadamkan atau diubah suai.

Selain itu, pengguna komputer juga boleh mendapat maklumat yang lama dan terkini dengan melayari laman-laman web tertentu. Terdapat pelbagai laman web yang dapat dilayari termasuk laman sejarah, geografi, bahasa, dan teknologi. Laman-laman web yang dapat dilayari ialah www.hotmail.com, www.yahoo.com, www.nationalgeography.com, www.usm.com, dan www.utusan.com.

LATIHAN

A. Mengenal pasti Tajuk, Isi, Huraian Isi dan Contoh

1. Kelalaian manusia merupakan faktor terbesar berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia. Sebahagian besar mangsa yang terbabit dalam kemalangan ini terdiri daripada penunggang dan pembonceng motosikal. Sikap manusia yang suka berlumba, menunjuk jaguh, dan tidak memakai jaket keselamatan mengakibatkan kemalangan jalan raya. Contohnya, aktiviti perlumbaan haram dalam kalangan remaja pada waktu malam.

Tajuk : ____

Isi : ____

Huraian : ____

____

____

Contoh : ____

2. Kekerapan pengguna membeli barangan import akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Hal ini telah mengakibatkan barangan tempatan kurang mendapat sambutan. Pembelian barangan import ini telah mengakibatkan pengaliran keluar mata wang Malaysia dengan banyak. Keadaan ini menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara kita. Sebagai contohnya, pengimportan buah-buahan, makanan tin, dan makanan kering dari Thailand.

Tajuk : ____

Isi : ____

Huraian : ____

____

____

Contoh : ____

3. Orang ramai mempunyai kuasa membeli yang tinggi dan kehendak yang tidak terbatas semasa membeli. Malangnya, mereka mudah tertipu dan dianiayai pihak peniaga yang tidak bertanggungjawab. Bukan setakat itu sahaja, mereka mudah terperangkap oleh iklan-iklan yang menarik. Kesemua ini berlaku kerana orang ramai tidak mempunyai kesedaran terhadap hak-hak kepenggunaan mereka. Berapa banyakkah pengguna menyedari tarikh luput, kandungan, bahan yang digunakan, dan timbangan sesuatu barang semasa membeli?

Tajuk : ______________________________

Isi : ______________________________

Huraian : ______________________________

____


____

Contoh : ______________________________

B. Membina perenggan daripada Tajuk, Isi, Huraian, dan Contoh Isi

1. Tajuk : Usaha Memajukan Sukan
   Isi : Menyediakan prasarana / kemudahan sukan
   Huraian : # menyediakan prasarana di taman-taman rekreasi
   # membolehkan masyarakat menjalani senaman yang betul
   # melahirkan rakyat sihat dan atlet sukan berbakat
   Contoh : Taman Rekreasi Taman Tasik Perdana/Gimnasium Rakyat

2. Tajuk : Kesan-kesan Pencemaran Udara
   Isi : Mengurangkan bekalan oksigen
   Huraian : # pelepasan asap kilang mengandungi pelbagai bahan kimia
   # menyebabkan hujan asid dan kemusnahan flora dan fauna
   # peningkatan karbon dioksida
   # turut menaikkan suhu
   Contoh : pelepasan gas beracun, peningkatan pesakit asma dan radang paru-paru



3. Membezakan Fakta, Pendapat dan Contoh Dalam Karangan

Fakta	Pendapat	Contoh
Fakta juga dikenali sebagai isi dalam sesebuah karangan. Penyampaian sesuatu isi tidak memadai sekiranya tidak disertai dengan huraian. Huraian ini mestilah berdasarkan hujah-hujah atau bukti-bukti yang kukuh. **Tip mencari isi:** Kita boleh mencari isi melalui Kaedah Pertanyaan, iaitu **Apa?** **Siapa?** **Bila?** **Mengapa?** **Di mana?** **Bagaimana?**	*Idea yang dikemukakan oleh seseorang penulis semasa membincangkan sesuatu tajuk.* Seseorang penulis itu boleh menyokong atau menafikan sesuatu idea itu dengan mengetengahkan fakta yang diperoleh daripada bahan sokongan. Kebiasaannya, petikan pendapat ini dimulai dengan frasa seperti berikut: ⇨ Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz dalam bukunya yang bertajuk Koperasi di Malaysia beliau menyatakan bahawa .... ⇨ Kamus Dewan, terbitan tahun 2005, halaman 106, mendefinisikan bahasa pasar sebagai .... ⇨ Saya berpendapat isu kemiskinan di negara ini wajar	*Bukti-bukti yang digunakan bagi mengukuhkan sesuatu isi atau huraian isi.* Kadangkala contoh ini tidak diperlukan sekiranya huraian yang disampaikan itu sudah mantap. Kemampuan seseorang pelajar memberi contoh membuktikan penulis itu banyak membaca.

Contoh:

Tajuk: Vandalisme remaja

Perbuatan Vandalisme dalam kalangan remaja telah menyebabkan kepentingan orang awam terjejas. Perbuatan ini **memberikan tanggapan buruk kepada pelancong**(fakta). Mereka berpendapat bahawa rakyat negara ini pengotor. Kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk memulihkan kemudahan-kemudahan berkenaan. **Menurut Menteri Pelancongan, tangggapan pelancong luar telah menjejaskan reputasi kita**(pendapat). Kemudahan-kemudahan awam yang turut terjejas adalah seperti **tandas awam, perhentian bas awam, tempat letak kereta awam, bangunan-bangunan awam, dan pengangkutan awam**(contoh).





Dengar pantun di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Pantun Nasihat

Doktor Mahathir mencipta nama,
wawasan 2020 menjadi **buruan**[1];
kasih ibu membawa ke syurga,
kasih bapa menjadi ikutan.

Bunga mawar di **sanggul**[2] si dara,
nampak berseri lagi menawan;
jangan perkecil jasa ibu bapa,
hidup **merana**[3] hati tidak **keruan**[4].

Bunga Cina bunga kenanga,
banyak didapati di kawasan taman;
hidup jangan membuat angkara,
menjadi sebutan sepanjang zaman.

Pulau Langkawi pesat membangun,
sumpah Mahsuri semakin **hambar**[5];
bahasa fitnah umpama racun,
memberi aib, maruah tercemar.

Jalan-jalan ke Kota Melaka,
singgah membeli di Tanjung Kundur;
sumpah dipegang janji dikota,
berpantang **ajal**[6] jangan berundur.

(Mohd. Rosli Nordin)

Kamus Kaki

1. **buruan:**
sentiasa dijadikan pegangan
目标
2. **sanggul:**
rambut yang diikat kemas dan dicucuk dengan penyepit
发髻
3. **merana:**
menderita
痛苦
4. **keruan:**
pasti
无疑
5. **hambar:**
kurang mendatangkan kesan
淡化了
6. **ajal:**
maut
临终



Maksud Pantun

Rangkap 1 :

Setiap anak wajar mengasihi ibu bapa mereka. Kasih sayang ibu bapa akan membentuk kejayaan hidup mereka.

Rangkap 2 :

Sumbangan dan jasa ibu bapa hendaklah dihargai. Mereka yang tidak menghargai jasa ibu bapa akan menderita dan sentiasa berkeluh-kesah. Jangan sekali-kali menjadi anak derhaka.

Rangkap 3 :

Kehidupan yang suka membuat kacau atau mengganggu orang lain akan menyebabkan perbuatan itu menjadi ingatan orang sepanjang waktu.

Rangkap 4 :

Jangan sekali-kali menggunakan bahasa kasar atau mereka-reka cerita terhadap kejahatan orang lain. Perbuatan ini adalah perbuatan tidak berperikemanusiaan, malah akan menyebabkan seseorang itu mendapat malu dan kehilangan harga diri.

Rangkap 5 :

Seseorang itu hendaklah berpegang teguh dengan sumpah dan janji selagi hayat dikandung badan. Jangan sekali-kali memungkiri janji.

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah menghormati ibu bapa kita.
2. Kita hendaklah menghargai jasa ibu bapa pada setiap masa.
3. Kita mestilah melakukan kebaikan.
4. Kita mestilah bersikap jujur.
5. Kita hendaklah berpegang kepada janji.



Soalan Kefahaman

1. Apakah maksud 'fitnah' yang terdapat dalam rangkap 4?
   A. pujian
   B. tuduhan
   C. cacian
   D. kasihan

2. Siapakah yang memperkenalkan Wawasan 2020?
   A. Perdana Menteri Pertama
   B. Perdana Menteri Kedua
   C. Perdana Menteri Ketiga
   D. Perdana Menteri Keempat

3. Namakan tempat yang dikaitkan dengan sumpah Mahsuri.
   A. Pulau Tioman
   B. Pulau Perhentian
   C. Pulau Langkawi
   D. Pulau Redang

4. Di manakah terletaknya Tanjung Kundur?
   A. Negeri Sembilan
   B. Negeri Melaka
   C. Negeri Kedah
   D. Negeri Kelantan

5. Apakah akibatnya jika kita perkecil jasa ibu bapa?
   A. Kita akan hidup merana.
   B. Kita akan hidup bahagia.
   C. Kita akan hidup kecewa.
   D. Kita akan berasa gembira.



CATATAN

UNIT 7:
ADAT PERKAHWINAN







Adat Perkahwinan Orang Melayu


Terdapat beberapa **adat**[1] perkahwinan yang masih diamalkan oleh orang Melayu. Sebahagian kecil daripadanya **berlandaskan**[2] hukum agama Islam. Antara adat itu ialah adat merisik, adat meminang, adat bertunang, adat bernikah, dan adat bersanding.

(i) Adat **Merisik**[3]


Adat merisik dilaksanakan **semata-mata**[4] bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peribadi gadis yang ingin dikahwini serta latar belakang keluarganya. Antara maklumat yang diperlukan ialah **akhlak**[5] dan didikan agamanya. Adat ini diserahkan kepada seorang perempuan yang berumur dan amanah untuk 'merisik' gadis itu. Amalan ini jarang-jarang dilakukan sekarang.

(ii) Adat **Meminang**[6]

Setelah selesai adat merisik, adat meminang gadis itu dilaksanakan di rumah ibu bapa gadis itu. Tujuan hendak meminang selalunya disampaikan melalui pantun. Keputusan sama ada peminangan itu diterima atau tidak akan diberitahukan kemudian. Hal ini disebabkan pihak gadis itu perlu berunding tentang peminangan tersebut.



1. adat:
   peraturan yang diamalkan
   风俗习惯
2. berlandaskan:
   berdasarkan
   根据
3. merisik:
   menyiasat latar belakang gadis
   探亲
4. semata-mata:
   hanya
   仅仅
5. akhlak :
   kelakuan
   品德
6. meminang:
   melamar
   提亲



Kosa Kata






(iii) Adat **Bertunang**[7]

Sesudah peminangan itu diterima, istiadat pertunangan akan dilaksanakan di rumah gadis itu mengikut tarikh yang dipersetujui. Beberapa barang hantaran disediakan untuk dipersembahkan kepada pihak gadis itu seperti;

* setepak sirih junjung
* sebentuk cincin
* satu set bahan persolekan
* bunga rampai
* kuih-muih tradisional
* buah-buahan



Semua hantaran ini diletakkan di tengah-tengah majlis. Wakil pihak lelaki akan menyatakan hajat mereka semasa adat bertunang dijalankan. Setelah pertunangan diterima, pelbagai aspek perbincangan diteruskan. Antaranya, tempoh pertunangan dan jumlah wang hantaran belanja kahwin. Jumlah wang belanja kahwin ditentukan oleh pihak gadis.

Setelah itu, istiadat menyarungkan cincin dijalankan. Cincin disarungkan ke jari manis tangan kanan gadis itu oleh wakil pihak lelaki. Dengan itu, rasmilah pertunangan tersebut.

7. **bertunang**:
mengikat janji untuk menjadi suami isteri
订婚

Kosa Kata



(iv) Adat Bernikah

Pihak lelaki menyediakan barang-barang hantaran, termasuk wang belanja kahwin. Barang-barang ini dibawa oleh pihak lelaki ke rumah pihak perempuan pada hari berlangsungnya majlis pernikahan itu.

Barang-barang hantaran itu terdiri daripada;

- wang hantaran kahwin
- **mas kahwin**[8] (biasanya berbentuk wang dalam jumlah puluhan ringgit sahaja)
- sebentuk cincin
- **persalinan**[9] bagi pengantin perempuan
- alat-alat persolekan, kasut, dan selendang
- buah-buahan

Rombongan pengantin lelaki disambut oleh pihak pengantin perempuan. Semua barang hantaran diletakkan di tengah-tengah majlis dan diperiksa. Jika didapati cukup mengikut seperti yang dipersetujui, barulah upacara **'akad nikah'**[10] dilaksanakan oleh **kadi**[11]. Maka rasmilah kedua-dua orang pengantin itu menjadi pasangan suami isteri yang sah.



8. mas kahwin:
   mahar
   聘金

9. persalinan:
   selengkap pakaian untuk pengantin
   套装

10. akad nikah:
    perjanjian dalam perkahwinan
    婚约

11. kadi:
    hakim dalam hal atau perkara agama Islam
    回教法官

Kosa Kata



(v) Upacara Persandingan

Bersanding biasanya dilaksanakan di rumah pengantin perempuan. Majlis makan kenduri kahwin untuk para jemputan diadakan dari pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Tetamu yang datang ada juga yang membawa hadiah untuk pengantin perempuan.

Upacara persandingan bermula apabila pengantin lelaki sampai di rumah pengantin perempuan dengan diiringi oleh pengiring-pengiringnya dan julangan **'bunga manggar'**[12]

serta paluan 'kompang'. Pengantin lelaki disambut dengan meriah lalu dibawa duduk di atas **'pelamin'**[13] bersebelahan pengantin perempuan. Lagu 'Selamat Pengantin Baharu' pun dimainkan. Mereka bergambar dan upacara **'menepung tawar'**[14] pun dilaksanakan. Selepas makan, para tetamu diberi **'bunga telur'**[15] sebagai kenangan sebelum masing-masing berangkat pulang.



12. **bunga manggar:**
    bunga hiasan perkahwinan
    一种用来迎接客人的装饰花

13. **pelamin:**
    tempat duduk kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan sewaktu bersanding
    新婚的礼座

14. **menepung tawar:**
    acara merenjis mempelai
    将已经和水溶合的面粉洒向新人

15. **bunga telur:**
    telur ayam yang direbus dan dibungkus cantik diberikan kepada tetamu semasa majlis perkahwinan
    把已经煮熟的鸡蛋包装，用来送给客人

Kosa Kata





A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Antara yang berikut yang mana satukah **tidak** berkaitan dengan adat perkahwinan orang Melayu?
   A. adat merisik
   B. adat meminta
   C. adat bertunang
   D. adat bersanding

2. Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan hantaran ke rumah pihak perempuan semasa adat pertunangan?
   A. satu set bahan persolekan
   B. sebentuk cincin
   C. sepasang subang
   D. bunga rampai

3. Antara pernyataan di bawah yang manakah **tidak** penting untuk melaksanakan adat bernikah?
   A. kedatangan para tetamu
   B. mengadakan kenduri
   C. perhiasan rumah
   D. barangan hantaran pihak lelaki cukup

4. Antara berikut yang manakah **tidak** berlaku ketika upacara persandingan dilaksanakan?
   A. pengantin lelaki diiringi oleh pengiring-pengiringnya
   B. bunga manggar dibawa bersama
   C. tidak ada paluan kompang
   D. pelamin disediakan untuk kedua-dua orang pengantin bersanding

5. Antara berikut, yang mana satukah acara kemuncak perkahwinan orang Melayu?
   A. adat merisik
   B. adat meminang
   C. adat bersanding
   D. adat bernikah



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah tujuan adat merisik dilaksanakan?
2. Apakah tanda adat pertunangan itu telah dijalankan?
3. Nyatakan tiga jenis barang hantaran semasa upacara akad nikah.
4. Mengapakah 'akad nikah' itu dilaksanakan oleh kadi?
5. Pada pendapat anda, mengapakah tujuan hendak meminang itu disampaikan melalui pantun?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

perkahwinan	: per + kah + wi + nan	diamalkan	: di + a + mal + kan
maklumat	: mak + lu + mat	amanah	: a + ma + nah
berunding	: be + run + ding	istiadat	: is + ti + a + dat
menyarungkan	: me + nya + rung + kan	dipersetujui	: di + per + se + tu + ju + i
kenangan	: ke + na + ngan	merisik	: me + ri + sik





1. Adat Kelahiran Bagi Masyarakat Cina

Dengar dengan teliti rakaman yang dimainkan kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan.



Soalan Kefahaman

1. Mengapakah wanita masyarakat Cina yang mengandung dilarang membuat kerja-kerja memaku?
   A. kerana penukul itu berat dan berbahaya kepada wanita mengandung
   B. kerana paku itu tajam dan berbahaya kepada kaum wanita
   C. kerana bayi itu mungkin mengalami kecacatan
   D. kerana bayi itu mungkin cepat dilahirkan

2. Berapa lamakah wanita Cina berpantang selepas bersalin?
   A. 30 hari
   B. 40 hari
   C. 30 jam
   D. 40 jam

3. Antara makanan berikut yang manakah **bukan** merupakan sajian utama bagi wanita Cina bersalin?
   A. halia
   B. nanas
   C. lada
   D. arak





4. Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan adat kelahiran?
   A. tidak dibenarkan mengeluarkan kata-kata kesat
   B. mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan
   C. ibu boleh mandi air sejuk selepas bersalin
   D. memberi nama yang baik bagi bayi yang baru lahir

5. Nama masyarakat Cina biasanya terdiri daripada tiga patah perkataan. Yang mana satukah susunan yang tepat?
   A. nama keluarga, nama segenerasi keluarga, nama diri sendiri
   B. nama keluarga, nama diri sendiri, nama segenerasi keluarga
   C. nama segenerasi keluarga, nama keluarga, nama diri sendiri
   D. nama segenerasi keluarga, nama diri sendiri, nama keluarga

2. Mengucapkan Tahniah

Amy telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan Tingkatan Satu Menengah Rendah. Ia lulus dengan pangkat kepujian dalam setiap mata pelajaran yang diambilnya. Swee Lan, kawan baiknya ingin mengucapkan tahniah kepadanya. Dengarkan perbualan mereka kemudian ceritakan isi kandungan perbualan mereka.

3. Membuat Kad Ucapan

Abang saudara anda baru sahaja mendapat seorang anak sulung. Buatkan satu kad ucapan tahniah untuk abang saudara anda dan gambarkan perasaan anda semasa anda menerima berita baik ini.





1. *Surat Tidak Rasmi*

Tuliskan sepucuk surat kepada kawan anda untuk mengucapkan tahniah atas kejayaannya yang telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun. Anda boleh menggunakan isi-isi di bawah sebagai panduan menulis.

(i) berasa gembira mendapat berita bahawa kawan anda lulus dengan cemerlang-mengucapkan tahniah atas keputusan yang cemerlang

(ii) memuji kawan anda kerana usahanya - telah berhasil - sesuai sekali seperti kata pepatah Melayu 'kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'

(iii) berharap agar kawan anda terus berusaha dan lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan yang akan datang - berharap cita-citanya untuk menjadi akauntan akan tercapai


(iv) memberitahu kawan anda bahawa anda ingin menghadiahkan sesuatu yang disukainya atas kejayaan itu

(v) menasihati kawan anda supaya jangan bermegah dan berpuas hati terhadap kejayaan itu - memintanya supaya menjadi orang yang bijak dan berbudi bahasa

(vi) menamatkan surat anda dengan memberikan kata-kata galakan



2. Simpulan Bahasa

Peribahasa	Maksud	Contoh Ayat
ambil angin 散心	bersiar-siar atau berjalan-jalan	Ayah selalu membawa kami ke Tasik Kenyir untuk **ambil angin** pada hujung minggu.
hancur hati 肝肠寸断	terlalu sedih 	**Hancur hati** Sheng Wai apabila keluarganya tidak berkenan dengan gadis pilihannya.
ikat perut 节衣缩食 	kekurangan makanan kerana hidup susah	Mak Cik Rogayah terpaksa **ikat perut** bagi memastikan anak-anaknya tidak kelaparan kerana beras mereka hampir habis.
potong leher 漫天开价	menjual barangan dengan harga yang mahal	Penduduk enggan mengunjungi kedai Pak Mat kerana dia suka **potong leher** pelanggannya. 
hati emas 好心肠	baik hati 	Raju banyak mempunyai kawan di sekolah kerana dia **hati emas**.





LATIHAN

Isi peribahasa yang baru dipelajari bagi ayat-ayat di bawah.

1. Setiap kali selesai makan malam, ayah dan ibu akan ________________ di taman rekreasi baharu itu.

2. Setiap bulan Pak Yaakob terpaksa ____________ kerana gajinya tidak seberapa.

3. Suan Yunn mendapat keuntungan yang banyak, kerana dia selalu ________________ pelanggannya dengan menaikkan harga barangan di kedainya.

4. Mak Su __________________ apabila anak sulungnya bersikap kasar dan menderhakainya.

5. Meng Eng yang ________________ itu telah mendapat pujian daripada ibu bapa dan jiran tetangganya.



1. Penjodoh Bilangan

Fahami penggunaan Penjodoh Bilangan di bawah ini.

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
buku 块、团	benda yang kecil dan berbentuk bongkah **Contoh:** benang, roti, sabun	⇨ Harga se**buku** sabun ialah RM0.70. ⇨ Hari ini keluarga saya bersarapan se**buku** roti bakar dan sepuluh biji telur separuh masak.



Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
raga 箩	benda-benda yang diletakkan di dalam bekas **Contoh:** ikan, sayur, kuih	⇨ Mak cik Fong tertinggal se**raga** sayur kangkung di kedai Ah Kit. ⇨ Encik Sito memberikan se**raga** kuih bakul kepada pekerjanya.
cubit 一小撮	benda yang diambil dengan ibu jari dan jari telunjuk **Contoh:** garam, gula, serbuk perasa, roti	⇨ Kakak menyuapkan se**cubit** roti ke dalam mulut adik. ⇨ Puan Ramlah membubuh se**cubit** garam ke dalam masakannya.
deret 排、行	bangunan atau benda yang tersusun dalam satu barisan serta bersambung-sambung antara satu sama lain **Contoh:** kedai, rumah, pokok	⇨ Dua **deret** rumah kedai musnah dijilat api dalam kebakaran pada malam tadi. ⇨ Dua **deret** pokok palma telah ditanam di taman rekreasi untuk mengindahkan pemandangannya.
lingkar 环、圈	benda yang bergulung **Contoh:** dawai, rotan, ubat nyamuk	⇨ Adik telah mematahkan se**lingkar** ubat nyamuk. ⇨ Kami membawa se**lingkar** tali semasa mendaki Gunung Tahan.
untai 串	benda yang bercucuk atau yang berangkap **Contoh:** rantai manik, kalung mutiara, sajak	⇨ Se**untai** pantun ciptaan Yai Sun disiarkan dalam majalah sekolah. ⇨ Abang menghadiahkan se**untai** rantai mutiara kepada kekasihnya.





LATIHAN

Isi tempat kosong di bawah ini dengan Penjodoh Bilangan yang betul.

1. Ibu menambah se __________ garam lagi untuk menyedapkan gulai ikan jenahak.

2. Pak Ali membawa dua ______________ rotan untuk dibuat kerusi bersandar.

3. Pelajar itu mendeklamasikan se ____________ sajak dengan penuh perasaan.

4. Ayah membeli se ____________ sabun mandi dari kedai Pak Mat itu.

5. Se___________ kedai kepunyaan Pak Kamaruddin musnah dijilat api.

6. Tai Wee membaca se___________ madah sebelum mengakhiri ucapannya.

7. "Tubuh badan kecil, tetapi sekali makan boleh se ___________ roti," kata Kak Long dengan terperanjat.

8. Setiap kali makan bubur nasi, ayah tentu akan membubuh se________ garam.

9. Beberapa ______________ rumah teres dua tingkat, akan dibina di kawasan lapang itu.

10. Se __________ telur itik diletakkan di dalam almari itu.

11. Setiap malam, ayah akan membakar se _________ ubat nyamuk untuk menghalau nyamuk.

12. Emak membeli dua ____________ ikan untuk membuat kuah laksa.





2. Imbuhan Apitan meN-...-kan dan meN-...-i

A. Apitan meN-...-kan

Apitan meN-...-kan dapat dibentuk dengan mengimbuhkan Awalan meN- dan Akhiran-kan pada Kata Dasar.

Akhiran -kan pada kata yang berapitan meN-...-kan dapat bertugas sebagai Kata Sendi Nama **akan**.

Contoh:

⇨ membanggakan
atau
⇨ bangga akan

meN- ... -kan

Apitan meN-...-kan digunakan untuk Kata Kerja Transitif. Imbuhan ini mempunyai lima bentuk kelainan dari segi ejaan bergantung pada huruf pertama Kata Dasar yang bercantum dengannya, iaitu me-...-kan, mem-...-kan, men-...-kan, meng-...-kan, dan menge-...-kan.



Contoh:

Kata Dasar	Awalan meN- + Kata Dasar + Akhiran -kan	Kata Terbitan
nanti	me + nanti +kan	menantikan
beri	mem + beri + kan	memberikan
fitnah	mem + fitnah + kan	memfitnahkan
cari	men + cari + kan	mencarikan





Kata Dasar	Awalan meN- + Kata Dasar + Akhiran -kan	Kata Terbitan
hantar	meng + hantar + kan	menghantarkan
ambil	meng + ambil + kan	mengambilkan
suci	men + suci +kan	menyucikan
subur	men + subur + kan	menyuburkan
sah	menge + sah + kan	mengesahkan
tin	menge + tin + kan	mengetinkan


B. Apitan meN-...-i

Apitan meN-...-i dapat dibentuk dengan mengimbuhkan Awalan meN- dan Akhiran -i pada Kata Dasar.

meN- ... -i

Akhiran -i pada kata yang berapitan meN-...-i bertugas untuk menggantikan Kata Sendi Nama seperti **di**, **ke**, **terhadap**, dan **tentang**.

Apitan meN-...-i digunakan untuk membentuk Kata Kerja Transitif. Imbuhan ini mempunyai empat bentuk kelainan dari segi ejaan bergantung pada huruf pertama Kata Dasar yang bercantum dengannya, iaitu me-...-i, mem-...-i, men-...-i, dan meng-...-i.



Contoh:

Kata Dasar	Awalan meN- + Kata Dasar + Akhiran -i	Kata Terbitan
lapis	me + lapis + i	melapisi
racun	me + racun + i	meracuni
duduk	men + duduk + i	menduduki
jangkit	men + jangkit + i	menjangkiti
banjir	mem + banjir + i	membanjiri
balut	mem + balut + i	membaluti
anggota	meng + anggota + i	menganggotai
air	meng + air + i	mengairi



Nota Tambahan
Terdapat perbezaan yang ketara dalam penggunaan Apitan 'meN-...-i' dan 'meN-...-kan', contoh;

⇨ Ayah **menghadiahi** ibu cincin berlian.
⇨ Ayah **menghadiahkan** sebentuk cincin berlian kepada ibu.

Apitan 'meN-...-kan' menerima objek yang tidak bernyawa manakala apitan 'meN-...-i' menerima objek yang bernyawa bagi kata-kata tertentu.

LATIHAN

Tentukan penggunaan imbuhan meN-...-kan atau meN-...-i bagi perkataan yang dicetak tebal bagi ayat-ayat di bawah.

1. Pembuat kek itu **lapis** permukaan kek itu dengan krim.
2. Emak **hadiah** saya seutas rantai berlian.
3. Rakyat Malaysia **derma** sejumlah wang untuk negara yang ditimpa bencana alam.
4. Pelajar itu suka **habis** masanya di pusat beli-belah.
5. Menteri itu **ketua** rombongan Malaysia ke persidangan antarabangsa.
6. Setiap pagi ibu akan **tuang** air minuman untuk kami adik-beradik.
7. Pak Hashim **satu** keluarganya yang berpecah belah itu.
8. Pihak kerajaan **sah** dan **laksana** peraturan baharu itu.
9. Ee Leng berasa gementar kerana tidak lama lagi dia akan **duduk** Peperiksaan Bersama.



10. Mary **garam** ikan yang telah dibersihkan itu.





3. Pola Ayat Dasar

Ayat Dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber pembentukan ayat-ayat yang lain.
Ayat Dasar juga dikenali sebagai Ayat Inti.
Ayat ini terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.
Terdapat empat pola ayat dasar iaitu;

Pola Ayat Dasar	Subjek	Predikat	Ayat Penuh
Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)	Encik Rosdi	guru sekolah.	Encik Rosdi guru sekolah
Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)	Adik Jali	bermain bola.	Adik Jali bermain bola.
Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)	Bunga orkid	cantik.	Bunga orkid cantik.
Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN)	Pejabat Bidin	di tingkat dua.	Pejabat Bidin di tingkat dua.

LATIHAN

Nyatakan jenis Pola Ayat-ayat Dasar di bawah.

1. Pelajar-pelajar itu ke Taiping. ( )
2. Tiang telefon itu condong. ( )
3. Wanita itu ibu saya. ( )
4. Rozi sedang mengail ikan. ( )
5. Ayah Husin ke Kuala Lumpur. ( )
6. Tasik Dayang Bunting indah. ( )
7. Kereta itu kereta Proton Waja. ( )
8. Adik Suzy sedang tidur. ( )
9. Puan Siti sedang memasak. ( )
10. Majlis ini majlis pertunangan. ( )







1. Persediaan Mengarang Bahagian Penutup Karangan

1. Setiap karangan haruslah mempunyai penutup. Walau bagaimanapun, cara-cara menutup karangan adalah bergantung pada tajuk dan jenis karangan yang ditulis.
2. Bahagian penutup menjadi kesimpulan atau rumusan atau akhiran sesuatu karangan.
3. Penutup yang baik merupakan kesimpulan tentang isi yang disampaikan sebelumnya atau menggambarkan pendirian.
4. Penutup juga tidak perlu ditulis dengan panjang lebar. Tiga atau empat ayat sudah memadai untuk menulis penutup.
5. Jangan tamatkan penutup karangan secara tergantung.

2. Contoh Perenggan Penutup Karangan

A. Surat Kiriman Rasmi

Tajuk: Anda seorang yang prihatin tentang keruntuhan akhlak sesetengah remaja akibat daripada pengaruh televisyen. Tulis sepucuk surat kepada pihak penyiaran tentang rancangan televisyen yang kurang sesuai ditonton oleh golongan remaja.

Penutup: Akhir kata, saya berharap agar pihak tuan dapat mengkaji dan mempertimbangkan cadangan yang saya kemukakan tadi untuk kebaikan semua pihak. Kerjasama dan tindakan pihak tuan dalam hal ini amat saya hargai. Semoga kerjasama tuan dapat menangani masalah keruntuhan akhlak remaja.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Yusoff

(MOHD. YUSOFF BIN CHE IBRAHIM)





B. Surat Kiriman Tidak Rasmi

Tajuk: Anda telah berjaya dalam Peperiksaan Menengah Rendah, hasil daripada pengajaran dan dorongan guru yang kini telah bertukar ke sekolah lain.

Tulis sepucuk surat kepadanya untuk menceritakan keadaan anda sekarang.

Penutup: Jasa dan perhatian cikgu dahulu terhadap saya tetap saya hargai dan ingati. Bagi saya, kerjaya sebagai pendidik merupakan tugas yang mulia. Saya juga bercita-cita ingin menjadi guru. Saya menaruh harapan agar hasrat murni saya ini akan tercapai.

Jikalau ada kelapangan, saya akan terus menghubungi cikgu lagi. Saya mengakhiri surat ini dengan lafaz terima kasih.

Yang benar,

KimEng

C. Laporan

Tajuk: Sekolah anda telah mengadakan Hari Akademik dan Kokurikulum. Tulis satu laporan tentangnya.

Penutup: Majlis bersurai tepat pukul 1.00 tengah hari. Ibu bapa melahirkan rasa gembira kerana pihak sekolah telah berjaya mengadakan Hari Akademik dan Kokurikulum. Ibu bapa juga berharap agar sekolah akan terus maju dan berjaya.

Laporan disediakan oleh, 30 MAC 2007.

Zamri

(ZAMRI BIN OSMAN)
Setiausaha,
Lembaga Pengawas,
Sekolah Menengah Pei Hua.

D. Perbahasan

Tajuk: Kamu sebagai pihak pembangkang bagi perbahasan yang bertajuk, 'Makanan segera lebih baik daripada makanan setempat'. Sediakan teks perbahasan dengan selengkapnya.

Penutup: Berdasarkan keterangan-keterangan ini, ternyatalah bahawa makanan segera tidak mendatangkan kebaikan kepada kesihatan kita. Oleh hal yang demikian, janganlah kerap memakan makanan segera. Kita haruslah ubah selera kita dengan memakan makanan setempat seperti nasi lemak. Sebelum saya menamatkan hujah saya, ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa makanan tempatan lebih baik daripada makanan segera. Sekian, terima kasih.







Dengar puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

Kasih Ibu

Kasih ibu tiada **sempadan**[1]
wang ringgit nilainya tidak **sepadan**[2]
kasih ibu tetap serupa
sedari kecil hingga dewasa
suka **duka**[3] rela ditempuh
kasih ibu tidak pernah berubah
terus segar **meniti**[4] **putaran**[5] hari
bagai air terjun mengalir tanpa henti.

(Khadijah Hashim)



Kamus Kaki

1. **sempadan:**
   batasan
   界线
2. **sepadan:**
   setanding
   相比的
3. **duka:**
   kesedihan
   悲伤的
4. **meniti:**
   menjalani
   渡过
5. **putaran:**
   pusingan
   旋转

Maksud Puisi

Kasih sayang ibu tidak dapat dinilai. Kasih sayang ibu dicurahkan dari kecil sehingga dewasa. Ibu sanggup menanggung segala suka duka. Kasih sayang ibu tiada penghujungnya.

Maksud Rangkai Kata

1. rela ditempuh: sanggup dialami 愿意承受

Unsur Pengajaran

1. Kita haruslah mengutamakan kasih sayang ibu daripada harta benda.
2. Kita hendaklah sentiasa menghargai jasa ibu.





Soalan Kefahaman

1. Apakah jenis puisi yang dibaca?
   A. pantun
   B. sajak
   C. syair
   D. cerpen

2. Pilih maksud yang sesuai untuk rangkai kata 'tetap serupa' yang terdapat dalam baris ketiga.
   A. cara hidup yang sama
   B. cara berfikir yang sama
   C. tidak pernah berpisah
   D. tetap sama bila-bila masa pun

3. Mengapakah kasih seseorang ibu digambarkan tidak ada sempadan?
   A. kerana ibu sentiasa akan tinggal bersama kita
   B. kerana ibu sentiasa membeber kita
   C. kerana kasih ibu tiada penghujung
   D. kerana kasih ibu memang kena beri

4. Antara kenyataan berikut yang manakah **benar** dengan puisi yang dibaca?
   A. Kasih sayang ibu dicurahkan sejak kita kecil.
   B. Kasih sayang ibu dapat dinilai dengan wang ringgit.
   C. Kasih sayang ibu ada penghujungnya.
   D. Kasih sayang ibu diberi sehingga kita dewasa sahaja.

5. Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan cara-cara yang sesuai untuk kita membalas jasa ibu?
   A. membantu segala suruhan ibu
   B. patuh akan nasihat ibu
   C. selalu membantu ibu
   D. menjadi anak yang baik

